
[Dokumen ini belum disemak]

DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA

Bil. 11

Khamis

19 Mei 2005

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	1)
USUL:		
Waktu Mesyuarat Dan Urusan Yang Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	35)
RANG UNDANG-UNDANG:		
Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan)(Pindaan) 2005	(Halaman	36)
Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 2005	(Halaman	117)

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Khamis, 19 Mei 2005****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat-Yang Berhormat Dewan Negara mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada sidang kita hari ini. *[Tepuk]* Yang Berhormat-Yang Berhormat, meneruskan usaha supaya Dewan Negara menepati fungsi dan peranannya yang sebenar, marilah kita hayati masa pertanyaan ini sebaik mungkin. Sebagai contoh pertanyaan yang pertama boleh dijawab oleh Yang Berhormat berkenaan dalam satu perkataan kemudian tunggu tiga pertanyaan tambahan. Saya akan benarkan tiga pertanyaan tambahan jika dijawab dengan satu atau dua perkataan.

1. **Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kerajaan sedar selain masalah kemiskinan luar bandar terdapat juga kemiskinan dalam bandar.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya ringkaskan jawapan iaitu kerajaan telah mempunyai rancangan strategik dan pelan tindakan program pembasmian kemiskinan bandar dan kementerian saya sentiasa terbuka untuk dapatkan pandangan dan jika ada cadangan yang baik kami akan terima dan apa yang telah kita rangka sekarang adalah untuk dari sekarang sampai ke hujung Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak ternampak tadi, Dewan Negara juga menghargai kehadiran Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang tidak jemu-jemu hadir. *[Tepuk]*

Tuan Chuan Kim Chuan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan telah saya, adakah nilai paras kemiskinan di bandar sama dengan nilai paras kemiskinan yang ditetapkan di luar bandar iaitu RM529. Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang mengkaji semula PLI ataupun *Poverty Line Index* yang diuruskan oleh EPU di bawah Jabatan Perdana Menteri. Pada masa kini RM529 seisi rumah adalah satu indeks yang lama dan kerajaan rasa ini sudah *out dated*, dengan izin, yang tidak lagi sesuai dan tidak lama lagi satu *recommendation* akan dibentang dan akan diambil kira kemiskinan bandar dan kemiskinan luar bandar dan juga di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak kerana masing-masing ada faktor-faktor yang berlainan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Siti Zailah. Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah tidak mahu tanyakah? Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

Puan Hajah Azizah binti Abd. Samad: *[Menggelengkan kepalanya]*

Puan Siti Zailah inti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapakah nisbah kadar kemiskinan antara kaum di bandar dan di luar bandar.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Pada masa kini belum ada satu statistik yang tepat dan kajian telah dan sedang dilakukan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya sebagai satu *sample* permulaan, dijangka akan sempurna dan kajian untuk diperluaskan kepada seluruh negara juga akan dijalankan. Bagi kerajaan, tidak akan membezakan kemiskinan antara kaum. Menghapuskan kemiskinan adalah satu perkara yang tidak ambil kira etnik dan latar belakang. Ini memang adalah dasar kerajaan selama ini.

Dato' Dr. Chin Fook Wing: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, adakah kerajaan menggunakan strategi yang sama untuk mengatasi masalah kemiskinan luar bandar dan bandar. Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, strategi yang akan diamalkan oleh kementerian saya untuk membantu menghapuskan kemiskinan di bandar agar lain sedikit daripada

Tuan Yang di-Pertua: Bijak Yang Berhormat, dengan perkataan 'membantu' itu saya nampak kebijaksanaan Yang Berhormat.

Dato' Seri Ong Ka Ting: *'Membantu'*, ya. *[Ketawa]* Oleh sebab dalam dokumen kerajaan kata menghapuskan kemiskinan tegar. Jadi, bagi kemiskinan bandar, strateginya lain sedikit daripada kemiskinan di luar bandar. Kementerian saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan bahawa dalam pada itu secara ringkasnya rancangan strategi dan pelan tindakan yang sedang diusahakan dan akan dijadikan satu hala tuju ialah untuk menyediakan persekitaran hidup yang lebih sejahtera, sihat dan selamat.

Kumpulan sasar menerusi menyediakan peluang-peluang peningkatan pendapatan dan pekerjaan serta meningkatkan *accessibility* kepada pendidikan, kesihatan dan kemudahan asas dan awam dan memupuk semangat berdikari dan daya tahan kumpulan sasar melalui program pembinaan dan pengukuhan kapasiti.

Ini adalah merupakan satu matlamat menyeluruh dan strategi-strategi akan dirangka ke arah itu. Sebelum itu kita kena ada satu pangkalan yang lebih lengkap, kita hendak tahu di manakah kemiskinan secara spesifik keluarga kemiskinan itu serta tempat di mana. Dan, lebih spesifik kita akan memahami masalah mereka dan dari segi lima aspek, kami akan memberi perhatian ataupun tumpuan iaitu dari segi kapasiti *building* yang saya sebut, dia punya pendapatan, bagaimana dapat bantu dari segi pekerjaan dan peluang untuk meningkatkan lagi pendapatan.

Kemudian dari segi pendidikan anak-anak mereka, dari segi persekitaran sosial mereka, dari segi sejauh manakah kesihatan mereka itu terjamin dan minda mereka perlu diubah supaya jadi lebih positif. Jadi, aspek-aspek itu semua akan diberi tumpuan yang sama.

Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf Dr. Fuad, limit saya sudah sampai, macam *overdraft* limit tak boleh lagi. *[Ketawa]*

2. **Tuan Tan Cheng Tee** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapakah Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak menghantar surat peringatan kepada pembayar cukai untuk menghantar kembali borang cukai, sebagai khidmat awam (public service) dan bukan terus mendenda pembayar cukai yang lewat mengembalikannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun surat peringatan bagi mengembalikan borang cukai pendapatan tidak dihantar kepada setiap pembayar cukai, namun publisiti dan hebahan yang luas telah dibuat secara umum kepada semua rakyat Malaysia khususnya hebahan melalui akhbar, radio, televisyen dan juga kaunter penerangan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah galakan yang telah disediakan oleh kerajaan untuk menggalakkan orang ramai membayar cukai dan adakah cadangan supaya pembayar zakat dimasukkan kira sebagai cukai di masa akan datang?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan kedua itu terkeluar. Dalam Peraturan Mesyuarat membolehkan hanya satu pertanyaan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih. Selamat saya. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Memang pun, sebab itu duduk di barisan itu. *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, masalah cukai bukanlah masalah memberi galakan atau tidak. Ini masalah peraturan undang-undang, ianya kewajipan ke atas tiap-tiap mereka yang mempunyai pendapatan, kalau dia wajib bayar dia kena bayar, tidak ada galakan lagi dah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak galak apa lagi dah wajib, ya Yang Berhormat. Puan Wan Ubaidah.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah berapakah denda yang dikenakan dan sejauh manakah borang-borang yang dihantar balik itu tidak rosak dan menepati garis panduan yang ditetapkan?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, perkara denda saya ingat telah dibangkitkan baru-baru ini, tetapi tidak mengapalah saya terangkan sekali lagi iaitu bagi kesalahan pertama mereka kena RM200, kalau dia salah banyak kali makna ia meningkat sehingga RM2,000 jumlah dendanya.

3. **Tuan M. Krishnan** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah peranan Lembaga Penapisan Filem (LPF) dan kawalan terhadap kemasukan filem-filem Tamil kerana kebelakangan ini banyak filem bercorak gengsterisme dan ianya adalah salah satu faktor yang mempengaruhi belia India terjerumus dalam kegiatan yang tidak sihat ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Jawapan ini adalah panjang sedikit. Lembaga....

Tuan Yang di-Pertua: Ia ada *law of inverse proportion* – jawapan panjang, pertanyaan tambahan kurang.

Datuk Tan Chai Ho: *[Ketawa]* Saya akan cuba ya. Kita pendekkan jawapan ini, sebenarnya ada tiga muka. Saya pendekkan kepada satu muka sahaja ya.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Penapis Filem (LPF), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri berperanan menapis semua kandungan filem yang hendak ditayang, diedar atau dijual di Malaysia mengikut peruntukan di bawah Akta Penapisan Filem 2002. Kementerian ini sentiasa mengambil perhatian supaya unsur-unsur negatif yang terdapat dalam sesuatu filem dapat dibendung. Terdapat adegan-adegan dalam filem terutama filem Tamil yang mempunyai sedikit keganasan yang bukan melampau dibenarkan supaya tidak menjejaskan jalan cerita. Bagi filem-filem termasuk filem Tamil yang disiarkan di stesen televisyen kerajaan dan swasta telah ditapis oleh LPF dengan teliti supaya unsur-unsur gengsterisme, keganasan melampau dan adegan-adegan yang dianggap bertentangan dengan nilai-nilai masyarakat tidak disiarkan untuk tontonan umum.

Di samping itu, bagi mengawal kemasukan dan mengedar filem-filem yang tidak mendapat kelulusan pihak LPF termasuk filem Tamil bercorak gengsterisme, pihak berkuat kuasa kementerian ini membuat operasi secara berterusan dan merampas filem yang tidak mendapat kelulusan LPF serta tidak mempunyai perakuan B. Sekian, terima kasih.

Datuk Jins Shamsudin: Minta laluan.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Muhammad hendak tanya pasal filem Tamil?
[Ketawa]

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah semua filem yang ditayang oleh Astro ditapis oleh Lembaga Penapis Filem?

Tuan Yang di-Pertua: Sekali lagi saya mengingatkan, sudah lupa agaknya, semalam baru saya ingatkan, konteksnya di sini ialah kawalan filem-filem Tamil.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, filem-filem yang ditayangkan oleh Astro ia dikecualikan oleh kerajaan dari ditapis oleh LPF. Walau bagaimanapun, ia ditapis oleh pihak Astro sendiri berdasarkan kepada garis panduan yang dikemukakan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Jins Shamsudin: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ha. Hari ini saya akur terhadap status *superstar*. [Ketawa]
Datuk Jins.

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah kerajaan sedar bahawa ada di antara filem-filem termasuk filem Tamil yang diedar di seluruh negara tanpa melalui *sensor board* atau Lembaga Penapis Filem?

Tuan Yang di-Pertua: Tepat Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Penapisan Filem 2002, mana-mana pihak yang menjual atau mengedarkan atau menayangkan filem-filem yang tidak ditapis oleh LPF adalah satu kesalahan. Mengikut maklumat yang saya ada, pihak berkuasa kementerian telah pun menjalankan tugas secara baik di mana banyak filem atau CD, LD dan lain-lain yang tidak diluluskan oleh LPF telah dirampas.

Datin Paduka Jaya Partiban: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, memandangkan kebanyakan filem-filem Tamil dan juga filem-filem dari Bollywood memaparkan banyak adegan yang mengandungi unsur-unsur seks dan keganasan, walaupun ada Lembaga Penapis Filem....

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan Yang Berhormat.

Datin Paduka Jaya Partiban: adakah kementerian bercadang menubuhkan satu unit khas untuk memantau bagaimana adegan-adegan ini boleh dibenarkan walaupun ada Lembaga Penapisan Filem. Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang kita ada Lembaga Penapisan Filem (LPF), bermakna kita berpandukan kepada garis panduan penapisan filem, di mana filem-filem yang mempunyai unsur-unsur negatif semua akan ditolak. Saya beri satu statistik tapisan filem berbahasa Tamil khususnya iaitu dari 2000 hingga 16 Mei 2005 jumlah filem yang ditapis adalah 7,442 – lulus bersih 5,332; lulus dengan potongan, kadangkala ada kandungan yang kurang sihat, tidak boleh ditonton, kita potong adalah 1,973; dan yang telah tidak diluluskan untuk tayangan adalah 137. Ini bermakna LPF telah menjalankan tugas dan tanggungjawab secara baik. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Isu spesifik ini telah dijawab secara komprehensif. Terima kasih, Yang Berhormat.

4. Dato' Benedict Bujang Tembak minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan mengapakah 9 orang termasuk pegawai Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang dituduh mengeluarkan kad pengenalan dan MyKad dengan secara haram ditahan di bawah ISA dan tidak didakwa di mahkamah. Jelaskan bilangan kad-kad yang telah dikeluarkan dan adakah di antara kad tersebut dapat dikembalikan ke jabatan berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Kerajaan menahan orang-orang yang terlibat termasuk kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara yang mengeluarkan kad pengenalan dan MyKad dengan secara haram di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana kegiatan mereka ini boleh memudaratkan keselamatan negara.

Pihak kerajaan tidak mendakwa mereka yang terlibat di mahkamah terbuka adalah dengan tujuan yang baik, di mana mereka yang terlibat ini akan melalui sesi pemulihan bagi memastikan mereka tidak terlibat kembali setelah mereka dibebaskan dan juga menyedarkan mereka tentang kegiatan mereka ini merupakan satu pembelotan terhadap negara.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada sebab di atas kegiatan mereka yang terlibat mengeluarkan kad pengenalan dan MyKad yang tulen secara menyalahi peraturan dan undang-undang negara telah dilakukan secara bersindiket dan semuanya mempunyai jaringan yang luas sehingga membatasi sempadan negara.

Tangkapan terhadap ahli sindiket ini tidak hanya mempunyai matlamat untuk mendakwa dan membawa ke muka pengadilan semata-mata tetapi perkara yang perlu dipertimbangkan adalah maklumat yang diperolehi daripada tangkapan daripada tangkapan tersebut dapat digunakan sebagai langkah dari strategi pembanterasannya terhadap jaringan sindiket berkaitan dan lain-lain sindiket.

Proses pendakwaan di mahkamah akan menyebabkan maklumat-maklumat yang boleh digunakan untuk tujuan operasi akan terdedah. Berkaitan dengan hasil siasatan juga didapati sebanyak 104 MyKad yang tulen telah dikeluarkan secara menyalahi peraturan dan undang-undang kepada warga negara asing yang tidak berhak memilikinya. Usaha-usaha untuk mendapat semula MyKad tersebut adalah sukar kerana alamat-alamat yang digunakan dalam MyKad ini adalah palsu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Benedict, selepas itu Puan Siw Chun, selepas itu Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dato' Benedict Bujang Tembak: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya, sejauh manakah *the effectiveness*, dengan izin, dikenakan di bawah ISA ini dalam mengatasi perkara-perkara tersebut?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Boleh diulang...

Tuan Yang di-Pertua: Boleh diulang Yang Berhormat.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tak berapa dengar.

Dato' Benedict Bujang Tembak: *Can I speak in English? May I say in English please?*

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Datuk Benedict Bujang Tembak: *I just like to know the effectiveness...*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat faham bahasa Inggeris tak kalau diizinkan? *[Ketawa]*

Dato' Benedict Bujang Tembak: *I just like to know the effectiveness of this Act for combating the crime of this matter? How effective it is?*

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan sebab isu ini penting.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tindakan diambil terhadap pelaku-pelaku yang menyalahgunakan pengeluaran MyKad secara pemalsuan adalah penting kepada negara kerana dia ada hubung kait dengan

keselamatan negara. Oleh itu, penggunaan (ISA) ini perlu kerana sebagaimana yang saya nyatakan tadi sekiranya kita dakwa mereka ini di mahkamah maka segala modus operandi akan terbuka kepada umum dan akhirnya kerana tindakan ini adalah merupakan jaringan sindiket akhirnya akan menghalang tindakan pihak kerajaan untuk mengambil tindakan, itu sebabnya penggunaan ISA lebih perlu untuk dikenakan ke atas mereka yang melakukan pemalsuan MyKad ini.

Tuan Yang di-Pertua: Telah dirumuskan pendekatan itu akan lebih efektif, lebih berkesan.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bagaimanakah pihak kerajaan menyedari dan dapat mengesan kegiatan-kegiatan sedemikian boleh berlaku di Jabatan Pendaftaran.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Pihak Jabatan Pendaftaran mengetahui berkaitan dengan perkara penyelewengan ini melalui maklumat-maklumat yang diperolehi daripada orang ramai. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dari segi hukuman yang dikenakan adakah dibawa ke mahkamah itu lebih berat atau ditahan di bawah ISA? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tunggu sebentar. Di sebalik pertanyaan ini ialah unsur *deterrent – to deter the person or to deter the crime?*

Dato' Dr. Chin Foo Weng: Bukan menahan orang itu, tetapi supaya kejadian ini diketahui umum dan pihak-pihak lain tidak ambil kesempatan untuk berbuat sedemikian. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adalah penting kita mengetahui berkaitan dengan undang-undang ISA dengan undang-undang yang mana kita membolehkan mendakwa seseorang ke mahkamah. Undang-undang ISA ini adalah merupakan tahanan tanpa pendakwaan. Bermakna undang-undang yang lain yang bukan merupakan tahanan tanpa pendakwaan adalah didakwa di mahkamah dan di mana kalau jika disabitkan kesalahan maka mereka itu akan dihukum mengikut undang-undang yang termaktub dalam sesuatu akta itu.

Dalam konteks ini bahawa penahanan yang dibuat adalah di bawah ISA oleh kerana keselamatan negara. Justeru itu, apa yang penting jika pelaksanaan dibuat di

bawah (ISA) ini, maka ianya merupakan lebih *deterrent* kepada mereka yang ingin melakukan penyelewengan-penyelewengan yang boleh memudaratkan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat.

5. Puan Hajah Che Jam binti Harun minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah jenis aduan dan laporan serta tindakan oleh kementerian dengan perniagaan yang masih berleluasa iaitu gores dan menang atau panggilan telefon yang meminta mangsa ke pejabat membawa akaun simpanan. Tetapi akhirnya terpaksa membayar sejumlah wang tambahan untuk mendapatkan tawaran tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

[Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, secara prinsip perniagaan yang melibatkan aktiviti gores dan menang serta cabutan bertuah untuk mendapat hadiah percuma tidak menjadi kesalahan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh kementerian saya. Ia akan menjadi kesalahan jika perniagaan dijalankan secara jualan langsung tanpa lesen. Perniagaan jualan langsung yang dijalankan tanpa mematuhi syarat-syarat lesen dan hadiah yang ditawarkan itu tidak disediakan sebagaimana yang dijanjikan.

Bagi tempoh Januari hingga April tahun ini kementerian telah menerima sejumlah 33 aduan berhubung kegiatan tersebut yang dilakukan oleh agen-agen syarikat melalui lawatan dari rumah ke rumah, membuat panggilan telefon dan membuat tawaran di kedai-kedai ketika di kunjungi oleh pelanggan. Antara hadiah percuma yang ditawarkan tetapi tidak ditunaikan sebagaimana yang dijanjikan ialah barangan elektrik, motosikal dan juga kereta.

Hasil maklumat orang ramai kementerian telah mengambil 19 tindakan kes di bawah Akta Jualan Langsung 1993, melibatkan penyitaan barang-barang bernilai RM229,622 dan ke seluruhnya pihak-pihak terbabit telah dikenakan kompaun sejumlah RM66,000 dan didenda sebanyak RM10,000. Kementerian memandang serius dan sentiasa memantau kegiatan tersebut. Namun begitu, keberkesanan kementerian dalam usaha membanteras kegiatan penipuan seperti ini memerlukan kerjasama orang ramai melalui penyaluran maklumat-maklumat yang tepat supaya tindakan pantas dapat diambil. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat.

Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian mempunyai garis panduan bagi pertandingan melalui SMS yang dikenakan caj yang mahal. Terima kasih.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, ini terkeluar daripada soalan asal. Walau bagaimanapun, perkara ini kita sedang dikaji kerana ada juga aduan-aduan di mana mereka telah memberitahu bahawa ada penggunaan SMS secara memberi hadiah dan lain. Ini adalah dalam siasatan.

6. **Tuan Chiam Yong Tee** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah perancangan kementerian bagi menambahkan pembinaan rumah kos rendah di negeri Perak.

Tuan Yang di-Pertua: Tiga unsur perancangan rumah kos rendah di Perak. Jadi, tiada soal pertambahan bagi di Kedah.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan sentiasa memberikan penekanan dalam penyediaan kemudahan perumahan yang mencukupi, mampu dibeli atau disewa oleh rakyat Malaysia, terutamanya golongan yang berpendapatan rendah.

Kerajaan dalam penyediaan Rancangan Malaysia Kesembilan akan memastikan pembangunan perumahan kos rendah di seluruh negara adalah mencukupi termasuklah di negeri Perak. Agensi kerajaan seperti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Syarikat Perumahan Negara serta sektor swasta akan terus memainkan peranan untuk membina rumah kos rendah bagi memenuhi permintaan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Chiam dan selepas itu Datuk Haji Roslan.

Tuan Chiam Yong Tee: Terima kasih. Soalan tambahan saya ialah apakah prosedur-prosedur yang diikuti untuk memastikan bahawa pengagihan rumah kos rendah itu diedarkan kepada mereka yang benar-benar memerlukannya di negeri Perak.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak tambah pun tidak apa. *[Ketawa]*

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, prosedurnya di semua negeri sebenarnya sama sahaja. Pertamanya, kita ada kriteria, mereka yang layak mestilah mempunyai pendapatan yang kurang daripada

RM1,500 sebulan isi rumah. Kita mengadakan pemantauan di kementerian dan kita telah memperkenalkan sistem pendaftaran terbuka. Ini telah pun dipersetujui oleh semua negeri-negeri supaya dikemas kini dan ditambah baik supaya kita dapat memantau mereka yang sebenarnya-benarnya layak untuk mendapat rumah kos rendah ataupun sekarang ini kita kenali dengan rumah mampu milik ini sebenar-benarnya mendapat rumah yang sepatutnya mereka yang memilikinya.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya kemukakan soalan tambahan, saya memohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk bertanya luar daripada Perak oleh kerana takut-takut timbul soalan jadi lain.....

Tuan Yang di-Pertua: Kalau isunya juga mengenai keadaan di Perak

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Negeri lain. Sebab takut nanti *reputation*

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaannya, Yang Berhormat. Saya akan putuskan hendak membenarkannya ataupun tidak.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Saya hendak bertanyakan soalan tambahannya ialah berapa ramai yang mengikut *survery* yang telah dibuat, orang-orang yang memerlukan rumah kos rendah ini?

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, bagi jumlah keseluruhan mereka yang memerlukan rumah kos rendah ini, saya tidak ada pada masa ini. Tetapi kalau Yang Berhormat memerlukan kita akan cuba dapatkan dan berikan secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, Yang Berhormat memohon notis dan notis diberi. Yang Berhormat akan terima jawapan secara bertulis.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih.

7. **Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan apakah strategi kementerian di dalam menangani peningkatan kes-kes lumba haram di sekitar Kuala Lumpur, terutamanya kerana ia dibiayai dan disokong oleh kongsi-kongsi gelap dan syarikat perjudian haram.

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok. Bagi menjawab soalan ini, masalah lumba haram sering dianggap oleh masyarakat bahawa ia merupakan satu aktiviti terancang dan bersindiket yang melibatkan pertaruhan dan imbuhan sebagaimana yang dinyatakan dalam soalan ini.

Walau bagaimanapun, mengikut maklumat yang diperolehi melalui hasil soal siasat oleh polis terhadap mereka yang ditangkap, mereka menyatakan bahawa penglibatan mereka dalam lumba haram adalah cuma bagi mencari keseronokan serta status penghormatan di kalangan rakan sebaya atau *peers group*.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menangani peningkatan kegiatan lumba haram di sekitar Kuala Lumpur, Cawangan Trafik Kuala Lumpur telah melaksanakan pelbagai pendekatan yang di antaranya adalah seperti berikut:

- (a) Pendekatan Jangka Pendek - Pendekatan ini lebih bersifat *operational* dan *harassment* yang dilakukan secara berterusan.
- (b) Pendekatan Jangka Panjang iaitu Pendekatan Sosial - di bawah pendekatan ini pihak Polis Diraja Malaysia mengambil langkah-langkah seperti:
 - (i) memperhebatkan pendekatan *reach-out* kepada remaja yang kebanyakan terlibat melalui kerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan, kilang-kilang dan sekolah-sekolah bagi mengadakan pameran dan kempen kesedaran keselamatan jalan raya; dan
 - (ii) mengadakan kempen kesedaran terhadap ibu bapa akan rasa tanggungjawab mereka terhadap anak remaja masing-masing;
- (c) Pendekatan melalui undang-undang.

Walaupun terdapat peruntukan undang-undang di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1989 - Seksyen 42 dan 81, dan Kanun Keseksaan - Seksyen 279 yang membolehkan tindakan diambil, tetapi untuk membuktikan dan seterusnya menyabitkan pelumba-pelumba haram di bawah peruntukan undang-undang ini adalah satu protes

yang amat sukar. Oleh itu beberapa pindaan terhadap undang-undang berkaitan lumba haram telah dicadang dan dimajukan kepada Peguam Kanan Persekutuan kementerian ini dan juga Kementerian Pengangkutan untuk semakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Haji Kamarudin, selepas itu Datuk Yaakob, dan selepas itu Puan Hajah Sharifah Azizah..

Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah tangkapan kes lumba haram, kongsi gelap serta syarikat penaja lumba haram telah dibuat sepanjang dua tahun ini.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Setakat ini tiada maklumat berkaitan dengan penangkapan kumpulan kongsi gelap yang menaja berkaitan dengan lumba haram.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya masih menjurus kepada kes lumba haram. Sehingga kini berapakah jumlah kes kematian yang melibatkan pelumba haram dan orang awam serta kes-kes yang di dakwa di mahkamah. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan soalan yang spesifik di mana buat masa ini saya tidak ada maklumat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat mohon notis? Saya benarkan notis, Yang Berhormat akan terima jawapan secara bertulis.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mengapakah permasalahan ini masih belum dapat diatasi malahan semakin hari semakin bertambah seolah-olah akta perundangan hari ini tidak ada keberkesanannya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk membanteras masalah lumba haram ini bukan satu perkara yang mudah, malahan dalam mengambil tindakan melalui *operational*

Tuan Yang di-Pertua: Bukankah Yang Berhormat tadi telah pun terangkan pendekatan ataupun strategi serampang tiga mata?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Ya. Jadi saya rasa itu mencukupi - menunjukkan berapa tindakan yang kita ada.

Tuan Yang di-Pertua: Kita sedang menunggu pindaan-pindaan kepada beberapa undang-undang untuk menguatkan lagi langkah-langkah ini.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Itulah harapan kita semua.

8. **Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan kejayaan sejak penubuhan Bahagian Kajian Sains Angkasa dan apakah perancangan masa hadapan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, selaras dengan perkembangan peranan dan fungsi semasa Bahagian Kajian Sains Angkasa yang ditubuhkan pada tahun 1992 telah pun bertukar nama kepada Agensi Angkasa Negara (Angkasa) pada tahun 2002 yang lepas dan penstrukturan semula organisasinya telah pun dibuat.

Sepanjang tempoh 13 tahun penubuhannya, pelbagai kejayaan telah pun dicapai oleh Angkasa. Di antaranya:

- (i) penubuhan Planetarium Negara sebagai destinasi ulung untuk pendidikan sains angkasa dan pelaksanaan pelbagai program pendidikan, kesedaran dan promosi melalui program-program jangkauan serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Planetarium Negara berjaya meningkatkan minat masyarakat dan pelajar kepada bidang sains angkasa;
- (ii) kita telah melancarkan mikro satelit TiungSAT I pada tahun 2000. Satelit RazakSAT sudah dibina dan akan dilancarkan pada awal tahun 2006. Dengan pelancaran RazakSAT, Malaysia tidak akan bergantung sepenuhnya kepada perkhidmatan satelit asing. Program pemindahan satelit ini telah berjaya meningkatkan proses pemindahan teknologi dan kerjasama strategik dengan negara-negara luar;
- (iii) kita juga telah membina Balai Cerap Negara di Pulau Langkawi dan juga Pusat Angkasa Negara di Banting, Selangor supaya dapat mempertingkatkan keupayaan pembangunan bidang pendidikan dan penggunaan sains dalam teknologi angkasa;

- (iv) program angkasawan yang berfokuskan kepada sains jangka panjang iaitu mempunyai akses kepada stesen angkasa antarabangsa dan seterusnya dapat memberi pulangan kepada industri negara sebagai sasaran yang terakhir.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Angkasa akan terus meneruskan agenda memertabatkan program angkasa negara selaras dengan peranan dan fungsi utama perubahannya. Di antara perancangan yang strategik yang akan dilaksanakan ialah pertama meneruskan pelaksanaan keperluan permohonan keupayaan dan keperluan negara dalam aspek teknologi satelit. Kedua meneruskan usaha membantu dan menyokong institusi-institusi

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak mahu beri peluang kepada pertanyaan tambahankah?

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Saya habiskan yang ini sahaja. Yang kedua satelit angkasa di Malaysia melibatkan diri dalam program strategik angkasa dengan negara luar.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Siti Zailah lepas itu Dr. Puad dan lepas itu Dato' Dr. Chin.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapa ramaiakah warganegara kita yang dilatih menjadi angkasawan setakat ini dan berapakah kos yang telah dibelanjakan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Satu sahaja kalau dibenarkan, hendak pilih yang mana orang atau kos?

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Kos.

Tuan Yang di-Pertua: Kos.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Yang Berhormat, untuk program angkasawan ini adalah merupakan program *offset* hasil pembelian daripada jet pejuang Sukhoi daripada negara Rusia. Jadi dalam program angkasawan ini sebenarnya tidak ada kos terlibat. Dalam pemilihan ini telah ada 1,400 pemohon untuk menjadi angkasawan pertama bagi negara kita tetapi kita hanya memilih dua sahaja dan proses pemilihan sedang dilaksanakan. Selepas mengenal pasti dua bakal angkasawan dan satu sahaja yang akan dihantar ke angkasa dan satu lagi sebagai *stand by* sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat baik hati sebab dia jawab juga.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Saya ingin mendapat penjelasan apakah kerajaan mendapat jaminan untuk berlakunya pemindahan teknologi apabila kita menghantar seorang angkasawan mengikuti program angkasa lepas Rusia ini?

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya calon angkasawan kita akan dihantar latihan selama satu tahun setengah di Rusia sebagai persediaan beliau menjadi angkasawan yang pertama. Di dalam program satu tahun setengah ini beberapa kaedah dan latihan akan diberikan kepada bakal angkasawan ini. Ini adalah merupakan satu pemindahan teknologi daripada negara Rusia kepada bakal angkasawan kita.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bukankah *trade off* dalam hal ini kita kena beli dan selepas itu kita ada peluang, bukannya ini tidak menguntungkan negara memandangkan mungkin kita terpaksa membeli barangan yang tidak begitu bermutu? Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya sebelum pembelian jet pejuang Sukhoi dari negara Rusia kita telah menubuhkan satu *team* yang terdiri daripada pakar-pakar di dalam penerbangan sama ada awam ataupun tentera dan juga pakar-pakar yang berkaitan dengan *aero engineering* dan sebagainya untuk meneliti. Saya rasa keputusan yang kerajaan buat untuk membeli jet pejuang Sukhoi ini adalah satu keputusan yang tepat. Terima kasih.

9 Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan tanah rizab dan hutan simpan tidak diteroka sewenang-wenangnya atau secara haram bagi tujuan pembalakan, pertanian dan pembinaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian meminta izin untuk menjawab soalan Tuan Wan Nordin Che Murat iaitu soalan nombor 28 pada hari ini yang bertanyakan perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Tuan Sazmi bin Miah: Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan tanah rizab dan hutan simpan diuruskan secara lestari ia memerlukan komitmen daripada kerajaan-kerajaan negeri bagi mengekalkan status asalnya. Dalam usaha mencegah dan memantau pencerobohan hutan secara haram, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah mengambil dua langkah utama iaitu yang pertama dengan memperkemaskan peruntukan Akta Perhutanan Negara 1984 iaitu pindaan pada tahun 1993 dan yang kedua melibat gandakan tindakan penguatkuasaan bagi mengawal keadaannya.

Kesan daripada pindaan di atas, kes pembalakan haram dalam hutan simpanan kekal telah menurun begitu ketara sekali iaitu daripada 149 kes pada tahun 1993 kepada hanya 18 kes pada tahun 2004. Kementerian juga telah menubuhkan pasukan penguatkuasaan hutan, mengadakan rondaan-rondaan di kawasan sensitif iaitu termasuk menggunakan helikopter, menjalankan sekatan jalan raya bagi mengawal pergerakan kayu balak haram juga menggunakan teknologi penderiaan jauh atau dengan izin *remote sensing* dan menggunakan sistem maklumat geografi ataupun GIS untuk mengesan dan memantau aktiviti-aktiviti pencerobohan hutan.

Kementerian juga mengadakan sistem Balai Pemeriksaan Hutan dan menggalakkan masyarakat awam membuat aduan mengenai kegiatan pencerobohan hutan. Untuk makluman Yang Berhormat jumlah rondaan dan pemantauan yang telah dijalankan bagi tahun 2000 hingga 2004 ialah melebihi 16,000 kali yang terdiri daripada lawatan ke lapangan, sekatan jalan raya, pengawasan dari udara dan *remote sensing*. Walau bagaimanapun, bagi kawasan tanah kerajaan yang telah dijalankan pembalakan untuk tujuan pembangunan tiada rawatan pemulihan akan dijalankan. Manakala bagi kawasan hutan simpanan kekal yang terjejas oleh pencerobohan hutan ataupun aktiviti kehidupan Orang Asli pihak kementerian akan memulihkannya melalui penanaman pokok-pokok dan spesis-spesis yang tertentu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Hajah Hazizah, lepas itu Dato' Dr. Vijayaratnam.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Soalan tambahan saya, bolehkah kerajaan menghapus kira *title* rizab jika tanah rizab yang ada diperlukan untuk pembangunan?

Tuan Sazmi bin Miah: Tuan Yang di-Pertua, tanah rizab kerajaan berada di dalam bidang kuasa kerajaan negeri. Apa yang berlaku sekarang ini ialah apabila berlakunya perancangan untuk membangunkan kawasan-kawasan tanah-tanah rizab tersebut yang tergolong daripada....

Tuan Yang di-Pertua: Kalau isu perundangan yang terlalu kompleks dan Yang Berhormat tidak mahu tersilap membuat penerangan, Yang Berhormat boleh buat permohonan notis. Di sini isu perundangan yang mungkin kompleks.

Tuan Sazmi bin Miah: Tidak kompleks, senang sahaja. *[Ketawa]* Hutan Simpan Kekal dimohon oleh kerajaan negeri

Tuan Yang di-Pertua: Bisikan jawapan, bisikan hati saya dia sebut 'Amboi'. *[Dewan ketawa]*

Tuan Sazmi bin Miah: Tidak Tuan Yang di-Pertua. Ini saya telah jawab banyak kali di Dewan Rakyat. Jadi Hutan Simpan Kekal ini Tuan Yang di-Pertua terletak di bawah kuasa kerajaan negeri. Apabila hendak dikeluarkan daripada rizab Hutan Simpan Kekal kebiasaannya kecuali Johor dan Sarawak hanya diluluskan oleh Mesyuarat Exco jadi apa yang Kementerian Sumber Asli minta supaya kerajaan negeri apabila hendak membangunkan kawasan-kawasan ini hendak dikeluarkan daripada rizab Hutan Simpan Kekal dan sebagainya supaya membawa cadangan tersebut ke Dewan Undangan Negeri supaya boleh diperbahaskan dan diperbincangkan supaya ia lebih telus. Terima kasih.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Adakah cukup bilangan pegawai-pegawai penguat kuasa untuk memantau penyalahgunaan tanah rizab dan hutan simpan? Terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Buat masa sekarang ini memang mencukupi. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu berapa banyakkah kes pegawai-pegawai kerajaan yang didakwa kerana terlibat sebagai dalang pencerobohan hutan simpan ini?

Tuan Sazmi bin Miah: Ha, yang ini saya mohon notis *[Ketawa]* sebab saya tidak angka Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Yang Berhormat pun cukup telus. Datin Paduka Jaya Partiban.

10. **Datin Paduka Jaya Partiban** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan peratusan wanita yang memegang jawatan di peringkat “membuat keputusan” mengikut pecahan kaum dan langkah-langkah yang diambil oleh kementerian ini untuk mencapai matlamat 30% wanita di semua peringkat “membuat keputusan”

Setiausaha Parlimen Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar secara serentak dengan soalan yang ke 22 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Jaya Partiban pada hari ini memandangkan kedua-dua soalan tersebut menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Puan Chew Mei Fun: Terima kasih. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dasar 30% wanita di peringkat pembuat keputusan telah dipersetujui oleh kerajaan pada tahun 2004. Buat permulaannya kerajaan telah bersetuju supaya dasar ini dilaksanakan di sektor awam dan dalam masa yang sama menyarankan agar sektor swasta menerima dan mengambil inisiatif melaksanakan dasar ini.

Pada masa ini kementerian tidak mempunyai data wanita di peringkat pembuat keputusan mengikut pecahan kaum. Kementerian mengumpul dan menganalisa data berkenaan mengikut pecahan jantina dan sektor seperti wanita dalam bidang politik, perkhidmatan awam, pendidikan syarikat swasta dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan. Secara umumnya bilangan wanita yang berada di peringkat membuat keputusan baik di sektor awam mahupun di sektor swasta atau *corporate* adalah rendah. Misalnya hanya 15.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak mahu beri peluang pertanyaan tambahankah?

Puan Chew Mei Fun: Kerana ini adalah soalan dan saya perlu jawab. Ok?

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: [Ketawa]

Puan Chew Mei Fun: Misalnya hanya 15.4% pegawai wanita berada di peringkat JUSA di sektor awam pada tahun 2002. Bagi sektor perbankan dan kewangan pula penyiasatan tenaga kerja 2001 menunjukkan kira-kira 38% jawatan di semua peringkat pengurusan disandang oleh wanita. Sementara itu kajian ringkas Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ke atas 50 buah syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur mendapati bahawa peratusan wanita di peringkat ketua pegawai eksekutif, presiden, naib presiden dan pengurus besar adalah masih rendah iaitu kira-kira 12.2% sahaja dan hanya 10.5% yang menjadi ahli lembaga pengarah syarikat-syarikat berkenaan.

Untuk tindakan yang kita akan ambil, bagi sektor swasta kementerian bercadang membincangkan pelaksanaan dasar ini dengan lebih terperinci melalui forum konsultatif yang akan diadakan sempena sidang kemuncak wanita 2005 yang dijadualkan pada bulan Ogos tahun ini. Sebagai rangka awal ke arah merealisasikan dasar 30% wanita di peringkat pembuat keputusan ini kementerian telah melantik *Gender Focal Point* yang berjumlah seramai 39 orang kesemuanya di setiap kementerian dan jabatan yang berkaitan. Lantikan ini adalah selaras dengan keputusan jawatankuasa Kabinet mengenai kesaksamaan *gender*.

Gender Focal Point akan bertindak sebagai agen dalam melaksanakan program....

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat Yang Berhormat agak lupa masa ini masa pertanyaan bukan masa menggulung perbincangan.

Puan Chew Mei Fun: Ya, OK. Saya teruskan.....

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Puan Chew Mei Fun: ...akan habis dalam masa yang secepat mungkin, Ok? Projek di semua peringkat pentadbiran kerajaan bagi mencapai matlamat kesaksamaan *gender* dan kementerian akan meneruskan dan memperluaskan program latihan kepekaan *gender* agak meliputi pemimpin dan kumpulan pengurusan tertinggi organisasi sektor awam swasta dan politik serta *Gender Focal Point*. Dan kita juga akan meneruskan usaha-usaha peningkatan kapasiti wanita melalui program-program latihan kepimpinan dan kemahiran khususnya dalam bidang perniagaan dan keusahawanan

serta ICT supaya kita dapat ada golongan wanita yang mempunyai kelayakan. Akhirnya kementerian juga akan memberikan perhatian kepada golongan.....

Tuan Yang di-Pertua: Nasib baik hati saya sudah mula berbisik yang mana yang lebih degil lelaki atau wanita?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Puan Chew Mei Fun: *OK, last one OK?* Kementerian juga akan memberikan perhatian kepada golongan remaja dan wanita muda dengan memberi kursus, motivasi dan kepimpinan agar mereka lebih bersedia dan bersemangat untuk menjadi pemimpin kelak. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau saya tidak benar pertanyaan tambahan nanti Yang Berhormat marah pula, biarlah saya benarkan. Ya, bagi peluang Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Satu sahaja.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Saya pun tidak tahu sama ada ini soalan ataupun ingin membantu Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Masa ini tidak boleh bantu boleh tanya sahaja.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Adakah kementerian sedar bahawa *Upper House* yakni Dewan Negara harus dijadikan contoh terbaik kerana seramai 24 orang wanita iaitu 37.5% wanita yang terlibat dalam membuat keputusan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dan berapa peratuskah yang degil?

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Puan Chew Mei Fun: Pertama sekali saya tidak berani marah dengan Tuan Yang di-Pertua di atas apa-apa nasihat yang telah diberi dan saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat, Dewan Negara ini boleh dijadikan satu contoh untuk semua sektor, terima kasih.

[Soalan No.11 – Y.B. Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya tidak hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf wakil Yang Berhormat daripada Kementerian Sumber Manusia kerana ahli uzur mungkin. Datin Chong Set Mui.

12. **Datin Chong Set Mui** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada terdapat pelan tindakan segera bagi mengisi kekosongan jawatan hakim dalam Mahkamah-mahkamah Sabah memandangkan tarikh-tarikh perbicaraan di Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu telah diisi sehingga tahun 2008 dan kekosongan di Mahkamah Tinggi Tawau tidak diisi lebih daripada lima tahun sehingga kini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua memang diakui bahawa terdapat beberapa jawatan kosong Hakim Mahkamah Tinggi bukan sahaja di Kota Kinabalu dan Tawau malahan juga di Mahkamah Tinggi di Kuching dan beberapa Mahkamah Tinggi di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun proses untuk melantik seseorang hakim itu mengambil masa kerana tapisan perlu dibuat, ujian perlu juga dibuat dan seorang hakim itu hanya boleh ambil dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-raja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian proses telah pun selesai baru-baru ini untuk mengisi beberapa jawatan khususnya jawatan-jawatan yang terpenting iaitu di peringkat Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan juga Mahkamah-mahkamah Tinggi. Jadi sementara menanti pengisian kekosongan hakim, maka kes-kes di Mahkamah Tawau akan didengar oleh hakim yang akan datang daripada Mahkamah Sandakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. S. Vijayaratnam selepas itu Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Dato' Seri Menteri. Apakah perkembangan hasrat kerajaan untuk menggalakkan menimbang tara ataupun *arbitration*.

Tuan Yang di-Pertua: Amboi! Yang Berhormat ingat juga yang Dato' Seri, ya? Baru satu hari Dato' Seri.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Tahniah jugalah kepada Dato' Seri. Menggalakkan menimbang tara ataupun *arbitration* untuk mengatasi masalah tersebut di Sabah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kaedah *arbitration*, adakah kaedah *arbitration*..... Sila ulangi.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Apakah perkembangan hasrat kerajaan untuk menggalakkan menimbang tara ataupun *arbitration* dengan izin untuk mengatasi masalah tersebut di Sabah.

Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi dasar kerajaan untuk memberi tumpuan khusus kepada masalah *arbitration* di mana kita telah menubuhkan satu badan bukan sahaja untuk mengendalikan kes di Tawau tetapi juga di Semenanjung Malaysia tetapi soalan ini ialah khusus untuk Mahkamah Tinggi Tawau di mana saya telah sebutkan insya-Allah dalam sedikit masa lagi pengisian akan dijalankan dan Tawau tidak akan menghadapi kekurangan seorang hakim.

Tuan Yang di-Pertua: Juga Kota Kinabalu Yang Berhormat?

Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad: Insya-Allah bersama dengan Kota Kinabalu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bersama-sama mengucapkan tahniah kepada Menteri di atas anugerah Dato' Seri oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis itu. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat Yang Berhormat.....

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Soalan tambahan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat Yang Berhormat mengucapkan tahniah itu sebab menghargai kehadiran Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya, bagi menghargai jugalah kehadiran Menteri kerana hari ini kita ada 3 orang Menteri yang hadir. Soalan tambahan saya adakah kerajaan bercadang supaya.....

Tuan Yang di-Pertua: Ada seorang lagi menteri, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, ya empat orang, *sorry*. Adakah kerajaan bercadang supaya tidak

mengehadkan umur para hakim kepada 68 tahun dan mengikut amalan negara-negara lain di mana tidak ada had umur selagi mereka boleh bertugas. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kita semua sedia maklum had persaraan hakim telah pun dinaikkan baru-baru ini daripada 65 tahun kepada 66 tahun dan itu adalah pendirian kerajaan bahawa had umur hakim bagi negara kita perlu ditetapkan kepada umur 66 tahun. Walau bagaimanapun, jika terdapat juga desakan daripada orang ramai dan keperluan, mungkin kerajaan akan bercadang untuk melanjutkan seperti mana yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad. Sekali lagi saya mohon maaf, wakil daripada Kementerian Penerangan.

[Soalan No. 13 – Y.B. Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad tidak hadir]

14. **Tuan Lee Sing Chooi** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan berapakah hektar kawasan perhutanan yang terbakar pada tahun 2005. Apakah kerosakan terhadap alam sekitar dan impak jangka pendek dan jangka panjang terhadap alam sekitar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, jumlah keluasan kebakaran hutan simpanan kekal Semenanjung Malaysia sehingga April tahun ini iaitu dalam tahun 2005 adalah seluas 889.5 hektar yang melibatkan empat buah negeri iaitu Perak yang merekodkan keluasan tertinggi iaitu seluas 387 hektar diikuti oleh Selangor – 350 hektar, Perlis – 138 hektar dan Kedah – 13.8 hektar.

Kejadian kebakaran kawasan berhutan sememangnya membawa banyak kesan negatif jangka pendek dan juga jangka panjang kepada alam sekitar. Antara komponen yang terjejas ialah udara, flora, fauna, tanah dan juga ekologi. Impak jangka pendek kepada alam sekitar yang membuatkan kualiti udara merosot dan menjadi punca kepada hakisan tanah dan kemusnahan flora dan fauna. Manakala impak jangka panjang pula melibatkan perubahan ekologi dan kerosakan habitat kerana proses pemulihan ekosistem ini akan mengambil masa yang lama sehingga mencapai ke beratus-ratus tahun. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Lee Sing Chooi, selepas itu Puan Siti Zailah.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah tindakan jangka pendek dan juga jangka panjang kementerian dan juga bantuan yang dikehendaki untuk mengurangkan impak dan juga kesan yang negatif atas kerosakan itu? Terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Yang jangka pendek sebenarnya, kita hantar pasukan bomba dan sebagainya untuk mematikan apa tersebut dan kita juga mengambil inventori dari segi keluasan hutan, flora dan fauna yang telah musnah. Daripada hasil kajian tersebut kita akan buat pelan pengurusan (*management plan*) untuk mengawal kebakaran hutan untuk jangka masa yang panjang. Bagi membantu ialah yang pertama sekali Jabatan Perhutanan mengenal pasti pokok-pokok yang telah mati dan sebagainya dan kita mungkin akan tanam semula. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Siti Zailah.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Daripada penelitian pihak kementerian, apakah punca sebenarnya berlakunya kebakaran hutan dan apakah tindakan untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua: Tentang mengatasi masalah sudah dijawab.

Tuan Sazmi bin Miah: Saya boleh jawab kedua-dua tidak mengapa.

Tuan Yang di-Pertua: Tok nenek pesan, baik *confident*. Tetapi jangan *over confident*. [Ketawa] Itu pesanan tok nenek.

Tuan Sazmi bin Miah: Tidak pernah, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada *over confident*. Saya tahu saya jawab, saya tidak tahu saya tidak jawab.

Jadi punca kebakaran kebanyakannya ialah hasil daripada yang pertama sekali ialah kecuaiian manusia sendiri dan yang kedua adalah daripada musim kemarau baru-baru ini yang agak panjang antara bulan Januari dan Mac 2005 yang agak tinggi daripada kebiasaannya. Itu adalah dua punca yang telah dikenal pasti.

Dan untuk mengatasi masalah ini ialah pihak kementerian akan mengadakan pendidikan khusus kepada generasi-generasi muda berkenaan dengan pentingnya kita menjaga hutan-hutan tersebut dan kita pun akan menggubal syarat-syarat peraturan di mana perokok tidak akan dibenarkan di kawasan-kawasan taman negara dan juga taman laut sebagai permulaannya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat.

15. **Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan peningkatan semula di dalam penjualan CD, VCD dan DVD haram seolah-olah memperlihatkan kelemahan kementerian di dalam menangani kes-kes cetak rompak dan pelanggaran harta intelek, dan apakah strategi kementerian bagi menangani masalah ini dan apakah halangan utama untuk menyelesaikannya.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang prihatin dan mengambil perhatian serius dalam usaha membanteras kegiatan pengeluaran, pengedaran dan penjualan CD, VCD dan DVD haram dan sentiasa komited kepada tanggungjawab tersebut. Ini dibuktikan oleh tindakan penguatkuasaan yang dijalankan secara tegas dan berterusan bagi mencapai hasil yang berkesan.

Bagi tempoh mulai tahun 2000 hingga April 2005, sejumlah 118,509 serbuan dilakukan yang menghasilkan 31,742 kes dengan jumlah rampasan 28.3 juta keping CD dan VCD. Walaupun demikian, tidak dinafikan aktiviti pengedaran CD dan VCD haram masih berlaku. Antara faktor kegiatan ini berterusan adalah kerana kesukaran untuk mengesan aktiviti tersebut yang melibatkan sindiket berupa operasi secara terancang, teknik pengeluaran semakin mudah dilakukan, permintaan yang tinggi dan pulangan pengeluaran CD dan VCD haram yang lumayan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebab Yang Berhormat hadir sendiri dalam Dewan Negara dan kerana menghargai kehadiran Yang Berhormat sendiri, tidakkah Yang Berhormat mahu menjawab secara khusus perkara “seolah-olah memperlihatkan kelemahan kementerian di dalam menangani hal ini”. Tidak mahukah Yang Berhormat secara khusus menjurus kepada menjawab soalan itu.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Saya sudah sebut tadi, Tuan Yang di-Pertua. Kelemahan bukan atas tindakan yang kita lakukan seperti yang saya katakan. Keadaan ini agak membimbangkan kita oleh kerana ia semakin canggih dari segi terancang sindiket itu, rangkaian yang mereka lakukan bukan mudah bagi pihak kementerian untuk melaksanakan pembanterasannya kegiatan ini. Walaupun demikian, pihak kementerian dan kita mencadangkan agar kita mewujudkan satu unit risikan di kementerian untuk membolehkan kita membanteras kegiatan-kegiatan ini. Dan kementerian...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak timbul soal terdapat kelemahan dalam kementerian.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tidak timbul dari segi kelemahan. Walaupun saya akui bahawa tidak dinafikan bahawa aktiviti pengedaran masih berlaku tetapi kegiatan berterusan. Pembanteras kegiatan-kegiatan kita lakukan, tidak bererti seperti yang saya katakan bahawa dalam kita melaksanakan bahawa itu adalah sebahagian daripada kelemahan. Apa yang kita hendakkan supaya dalam usaha kita membanteras kegiatan ini pihak awam juga perlu membantu sekiranya kelihatan perkara-perkara yang kita sangsi.

Di samping itu, juga kementerian telah meminta kerjasama daripada negara-negara luar, contohnya di Eropah yang mana kita dapati bahawa pasaran cetak rompak di situ didapati semakin meningkat keluaran daripada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi kalau rakyat terus beli, rakyat hendak cakap bahawa kementerian lemah itu tidak patutlah.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tidak patutlah jika sekiranya begitu. Seperti yang saya katakan kalau kita sekali hendak membanteras kegiatan ini apa yang penting kepada kita ialah rakyat sekali menolak kegiatan bahawa pembelian CD haram ini adalah perbuatan yang jijik, perbuatan yang harus diharamkan, tidak digalakkan kerana dia akan melumpuhkan industri muzik, hiburan dan drama di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi rakyat ini hendak beli tetapi dia hendak kata kementerian lemah, macam mana? *[Ketawa]*

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Kita tidak lemah dari segi kegiatan-kegiatan yang kita laksanakan, memang tidak akan ada kesempurnaan dari segi kita melaksanakan tanggungjawab, memang ada kepincangan di sana sini, kita akui. Tetapi dalam pada itu bukanlah oleh kerana kelemahan kita, kita gagal membanteras kegiatan ini. Kita akui juga kadang-kadang perintah Allah S.W.T memerintah ummah untuk beramal tetapi ummah juga gagal beramal, bukan oleh kerana kelemahan dari segi pendekatan untuk menerapkan nilai agama itu tetapi oleh kerana maklumlah manusia ini bukan semuanya malaikat oleh kerana ada unsur-unsur yang mereka akan mudah terpesong, terpedaya oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini.

Saya merayu sungguh supaya bukan hanya kerajaan, bukan hanya agensi-agensi yang terbabit seperti PDRM dan kita akan pertingkatkan. Saya sudah panggil berbagai mesyuarat di peringkat agensi-agensi terbabit, PDRM, Kastam untuk membanteras kegiatan ini. Kita

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat jawab sendiri lebih baik daripada Yang Berhormat baca pada peringkat awal tadi. *[Ketawa]*.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua : Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad.

Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Berapa ramaikah pengeluar haram CD, VCD dan DVD yang dikenal pasti setakat hari ini tetapi tidak diambil tindakan oleh kementerian?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tahu pengeluar dia haram saya kena ambil tindakan pada hari ini juga. Walaupun kita dapati ada kadang-kadang unsur-unsur seperti yang saya katakan, kita tangkap pengedar dia, pengedar-pengedar ini tetapi bila kita masuk dalam penyiasatan selepas itu kita tidak dapat maklumat, *where are the source*, itu yang saya katakan. Kita kena *attack where from the source*, dengan izin.

Kalau kita dapat kenal pasti daripada kilang mana dan saya tidak akan teragak-agak untuk mengambil lesen ataupun hendak *suspend*. Beberapa kes yang sekarang ini sudah pun kita *suspend*, syarikat-syarikat yang terbabit dan kita tengah menunggu daripada mahkamah untuk membuat keputusan dan saya berharap ini akan dapat dipercepatkan untuk menjadi pengajaran kepada pihak-pihak yang terbabit dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Izinkan saya beri peluang kepada kementerian yang selanjutnya. Saya mohon maaf, Yang Berhormat. Yang Berhormat Puan Siw Chun. Bukan sangat saya hendak beri peluang kepada Yang Berhormat Puan Siw Chun, saya hendak beri peluang kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi menjawab. *[Ketawa]*

16. **Puan Siw Chun a/p Eam** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan:-

- (a) setakat ini berapakah bilangan koperasi yang telah ditubuhkan dalam negara sehingga kini dan bilangan yang berjaya sepenuhnya; dan
- (b) berapakah bilangan koperasi yang telah gagal dan apakah punca-punca yang menyebabkan kegagalan ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]: Tuan Yang di-Pertua, bilangan koperasi yang telah diluluskan sehingga 31 Disember 2004 ialah sebanyak 4,651 buah. Bilangan yang berjaya sepenuhnya ialah 2,073 buah, yang agak sederhana ialah 2,150 dan yang gagal ialah 428. Memperoleh untung bersih dalam tahun semasa, soalan saya jawab bagi yang dua - Berapakah bilangan koperasi yang telah gagal dan apakah punca-punca yang menyebabkan kegagalan?

Jawapan satu kepada satu:

- (i) memperoleh untung bersih dalam tahun semasa;
- (ii) mengisytiharkan dividen kepada anggota dalam tahun semasa;
- (iii) mempunyai projek atau aktiviti ekonomi;
- (iv) akaun semasa telah diaudit; dan
- (v) mesyuarat agung bagi tahun semasa telah diadakan.

Bagi yang kedua, bilangan koperasi yang telah gagal ialah sebanyak 428 buah.

Ditakrif koperasi gagal adalah seperti berikut:

- (i) tidak menjalankan sebarang aktiviti ekonomi;
- (ii) tidak menyelenggara dan mengaudit akaun melebihi tiga tahun;
- (iii) tidak mengadakan Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi melebihi tiga tahun; dan
- (iv) tidak mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi melebihi tiga tahun.

Di antara punca-punca kegagalan koperasi adalah seperti berikut:

- (i) anggota lembaga tidak aktif dan kurang minat untuk menguruskan koperasi;

- (ii) kekurangan modal kerana bilangan keanggotaan yang kecil dan sumbangan modal yang rendah;
- (iii) tiada aktiviti;
- (iv) kurang penglibatan anggota koperasi dalam aktiviti yang dijalankan;
- (v) koperasi tidak dapat menyediakan perkhidmatan yang diperlukan oleh anggota; dan
- (vi) tiada golongan pelapis yang berminat untuk meneruskan koperasi.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Siw Chun a/p Eam, selepas itu Dato' Omar bin Faudzar.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, berapakah bilangan koperasi dalam negara ini yang telah berjaya menceburi perdagangan di arena antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat perlukan notis, Yang Berhormat boleh mohon notis dan saya akan benarkan dan Yang Berhormat akan terima jawapan secara bertulis.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memang saya tidak ada angka yang *spesifik* kepada soalan tetapi saya mempunyai angka-angka bilangan koperasi yang berjaya dalam sektor-sektor tertentu. Umpamanya, dalam bidang perbankan kita ada 2 koperasi yang berjaya, bahagian kredit dan kewangan kita ada 300, bahagian perladangan kita ada 67 koperasi, perumahan 34, perindustrian ada 9, pengguna 1,368 koperasi, pembinaan dan kontrak ada 37 koperasi, pengangkutan ada 169 dan perkhidmatan ada 87. Ini ialah merupakan di antara koperasi yang berjaya, yang dapat sektor menjana sektor, menjana ke arah pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua: Perlu ada satu kolum sahaja lagi dalam klasifikasi domestik dan antarabangsa, maka sempurnalah angka-angka Yang Berhormat. Dato' Omar bin Faudzar.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, semasa permohonan untuk menubuhkan koperasi, adakah dibentangkan projek-projek jangka panjang dan adakah projek-projek ini dikaji oleh kementerian sebelum meluluskan penubuhan koperasi.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat, itu memangnyalah sewajibnya. Sesebuah koperasi yang ingin ditubuhkan sudah tentulah pihak Jawatankuasa Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK) menilai adakah koperasi yang diurus ini semata-mata memohon satu-satu projek, katalah dia mohon projek yang harta tanah yang akan membekukan koperasi sudah tentulah ia tidak dapat diluluskan tetapi kalau koperasi itu di tubuh mempunyai liquidity atau kecairan dalam menguruskan koperasi dengan sendiri koperasi di lulus, malahan diberi juga lagi peruntukkan untuk operasi sebanyak RM30,000. Terima kasih.

17. **Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan apakah kementerian bercadang untuk mengenakan tindakan ISA kepada pengedar-pengedar dadah jika tiada bukti yang kukuh kerana dadah merupakan musuh utama negara dan berapa ramaikah pengedar-pengedar dadah yang dikenakan hukuman sepanjang lima (5) tahun yang lepas.

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Keselamatan Dalam Negeri tidak bercadang untuk menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri ke atas mana-mana individu yang terlibat di dalam kegiatan pengedaran dadah berbahaya. Ini memandangkan sudah terdapat undang-undang yang digubal khusus untuk menangani gejala pengedaran dadah yang semakin serius di negara kita, dikenali sebagai Akta Dadah Berbahaya Langkah-langkah Pencegahan Khas 1985.

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, sebagaimana ISA, Akta Dadah Berbahaya Langkah-langkah Pencegahan Khas 1985 juga merupakan undang-undang berbentuk pencegahan yang memberi kuasa kepada Menteri Keselamatan Dalam Negeri untuk menahan mana-mana individu yang dipercayai ada kaitan dengan aktiviti yang berhubung dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

Bagi tempoh lima tahun iaitu dari 2000 hingga Mac 2005, seramai 10,280 individu telah ditangkap oleh pihak polis di bawah Akta Dadah Berbahaya.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, mohon saya ganggu sebentar. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk menjawab soalan berikut nombor 18? Yang

Berhormat mewakili Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Baiklah saya akan benarkan.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Sambung ataupun berhenti.

Tuan Yang di-Pertua: Sambung, Yang Berhormat.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ulang balik. Bagi tempoh lima tahun iaitu dari 2000 hingga 2005, seramai 10,280 individu telah ditangkap oleh pihak polis di bawah Akta Dadah Berbahaya Langkah-langkah Pencegahan Khas 1985 kerana dipercayai terlibat dengan kegiatan pengedaran dadah berbahaya yang boleh mendatangkan kemudaratan dan ancaman keselamatan kepada negara. Dari jumlah itu.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta saya ganggu lagi. Saya sengaja membenarkan soalan ini untuk membolehkan Yang Berhormat melihat pendekatan kerajaan dalam menangani dua masalah serius terhadap negara, pendekatan undang-undang, mengapa satu hal itu melalui ISA dan mengapa satu hal yang serius lagi tidak melalui ISA.

Yang Berhormat sedang menjawab dan selepas beliau menjawab lengkap dengan apa yang dijawab sebelum ini, saya tidak akan membenarkan pertanyaan tambahan melainkan pergi kepada pertanyaan nombor 18. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Last Tuan Yang di-Pertua, dari jumlah tersebut seramai 4,837 orang telah dikenakan perintah tahanan manakala seramai 4,535 lagi telah dikenakan perintah sekatan atau buang daerah. Terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, soalan nombor 18. Minta maaf, Tuan Wan Nordin, silakan Tuan Wan Nordin.

18. Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengenai perancangan perumahan dan bangunan awam yang didirikan tanpa mengukur keperluan semasa dalam menyediakan kawasan tempat letak kereta dan lain-lain kemudahan awam yang mencukupi. Apakah langkah-langkah yang wajar dilaksanakan bagi mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Sebab akhbar tulis komen yang boleh membuatkan keadaan Yang Berhormat dalam keadaan tersipu-sipu, maka saya beri peluang untuk Yang Berhormat menyerlahkan balik kebolehan Yang Berhormat.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah menyediakan garis panduan serta piawaian perancangan yang bertujuan untuk membantu pihak berkuasa negeri, pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensinya pelaksana pembangunan dalam merancang sesuatu kawasan pembangunan perumahan atau bangunan awam berdasarkan dasar yang seragam dan piawaian perancangan yang lebih rasional.

Pematuhan kepada garis panduan dan piawaian yang disediakan akan dapat memastikan kemudahan-kemudahan yang disediakan adalah mencukupi selaras dan bersesuaian dengan keperluan-keperluan masyarakat setempat. Pihak berkuasa tempatan hendaklah menguatkuasakan penggunaan garis panduan dan piawaian perancangan yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia dalam memberi kelulusan permohonan kebenaran merancang dan kelulusan pelan dan susun atur. Pemaju perlu mengemukakan jangkaan jumlah keperluan tempat letak kereta, bilangan petak yang akan disediakan, jenis struktur tempat letak kereta berserta pelan susun atur dan cara kutipan bayarannya.

Sekarang pemaju tidak berupaya menyediakan tempat letak kereta seperti yang dikehendaki dalam pematuhannya. Rasional dan justifikasi yang kukuh perlu dikemukakan dalam laporan cadangan pemajuan bagi dipertimbangkan oleh PBT. Pemaju perlu juga menyatakan langkah-langkah untuk mengatasi kekurangan tempat letak kereta tersebut sama ada dengan membayar bayaran pembangunan, menyumbang kepada menyediakan tempat letak kereta berpusat atau menyumbang kepada peningkatan pengangkutan awam dalam bandar. Sekian.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Tuan Wan Nordin satu sahaja, silakan.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah apakah keutamaan-keutamaan dalam meluluskan perancangan

perumahan dan bangunan awam yang diutamakan oleh kementerian dan pihak yang berkuasa meluluskan perancangan-perancangan tersebut?

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Ini ialah bergantung melalui keputusan PBT kerana kementerian saya sedar kemudahan letak kereta berkurangan tetapi trend baru contohnya ialah dahulu *low cost* (kos rendah), *ratio* ialah satu tempat letak kereta kepada empat unit (1:4), sekarang kita cuba memberikan satu demi satu. Kondo yang baru lulus – satu tempat letak kereta kepada satu unit. Sekarang banyak pemaju swasta telah memberikan dua kepada satu unit kondo.

Tuan Yang di-Pertua: Jelas Yang Berhormat menguasai subjek, cuma penyampaian sahaja terganggu. Jadi Yang Berhormat tidak perlu dalam keadaan tersipu-sipu.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Okey, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, masa sudah cukup.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.25 pagi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul

Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan”.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalahnya bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan; dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Usul disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG AHLI PARLIMEN SARAAN (PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atau masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." *[18 Mei 2005]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen Saraan 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas - Dato' Dr. S. Vijayarajam. Saya nampak semua, tetapi tersebut Dato' Dr. S. Vijayarajam dahulu.
11.27 pagi.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah Azizah minta untuk bercakap dahulu...

Tuan Yang di-Pertua: Sebenarnya saya perlu beri interpretasi kepada Peraturan Mesyuarat, tidak apalah sebab wanita, kita akur. Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Okey, saya setuju.

11.28 pagi.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-

Pertua, terima kasih kepada kekanda saya, Dato' Dr. S. Vijayaratnam. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan di atas keprihatinannya menaikkan elaun Ahli Parlimen. Canggihnya kerajaan, tidak payah minta, sudah beri. Kalau hendak minta dengan suami pun Tuan Yang di-Pertua, susah kita tetapi hari ini, di atas keprihatinan kerajaan, tidak payah minta sudah beri bukan sahaja kepada Ahli Parlimen yang menyokong kerajaan tetapi kerajaan hari ini juga telah beri, telah pun menjalankan tugas dengan cukup adil dan saksama. Ini cukup terbukti bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak langsung bersikap pilih bulu, tidak langsung bersikap berat sebelah ataupun tidak adil kerana orang yang suka memfitnah, yang suka menyalahkan orang dan suka maki hamun pun naik elaun. Kalau saya, malu untuk kita terima tetapi tidak semua orang ada perasaan malu.

Tuan Yang di-Pertua, mereka ini bukan sahaja tidak malu tetapi sebenarnya tidak berfungsi di kawasan masing-masing. Mereka tidak pun menjalankan tugas kerana pada mereka kerajaan harus bertanggungjawab kepada pembangunan dan kesejahteraan rakyat. Mereka ini bolehlah diumpamakan seperti bangunan gajah putih - bangunan tersergam indah, buat mahal tetapi tidak berfungsi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya peruntukan *Upper House* ini ditambahkan daripada apa yang kita dapat diberikan kepada mengikut penggal, dirikanlah mengikut tahunan kerana pada kita, peruntukan ini lebih penting kerana ia merupakan satu penghargaan kepada rakyat jelata. Masalah elaun kepunyaan sendiri, tetapi kalau peruntukan ditambah, semua rakyat jelata akan rasa nikmat dan keselesaan.

Saya juga ingin mencadangkan supaya Ahli Dewan Negara diberi lain ruang untuk bersama-sama menjadi Ahli Mesyuarat Pembangunan dan Tindakan di peringkat daerah-daerah supaya kita dapat sama-sama menentukan apa jua permasalahan yang dihadapi oleh rakyat jelata.

Satu lagi cadangan saya supaya setiap Ahli Parlimen dipotongkan elaunnya dan diberi gaji secara percuma. Kita minta dan merayu pula kepada kerajaan dipotongkan elaunnya sekurang-kurangnya RM100 untuk dimasukkan ke dalam tabung penyakit-penyakit kronik supaya mereka ini tidak akan menghadapi masalah, hendak minta sana,

hendak minta sini dan sebagainya. Ini cadangan saya. Saya harap Menteri yang menjaga hal-ehwal Parlimen akan dapat membawa perkara ini.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ucap terima kasih kepada sahabat saya ataupun kekanda saya kerana memberi laluan sebab saya hendak cakap tidak lama. *Last* sekali, yang terakhir dan ingin saya memperkatakan hari ini, saya juga ingin mengingatkan supaya kefungisian kita pada hari ini juga bukan hanya pada diri kita tetapi ianya juga kepada anggota-anggota perkhidmatan awam. Dari itu, saya ingin mengingatkan kepada anggota perkhidmatan awam, khasnya yang ada di Dewan ini supaya dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan berkesan supaya apa jua soalan, cadangan yang dibuat oleh anggota Dewan dapat dijawab dengan tepat supaya mudah untuk kita bawa perkara yang penting ini, yang dibincangkan dalam Dewan ini kepada rakyat jelata.

Ini kerana, apa yang kita perkatkan, walaupun sepatah perkataan yang kita keluar sebenar-benarnya ialah demi keperluan rakyat jelata. Dari itu, saya mengharapkan kerana kami Ahli Dewan, apa yang kita buat, kita akan dinilai oleh setiap pengundi-pengundi di kawasan kita dan kewibawaan kita. Itulah risikonya. Manakala, bagi kakitangan kerajaan atau pegawai perkhidmatan awam, mereka hanya berpandu kepada pencen, bila sampai umur 56 tahun. Jadi, perbezaan ini nyata.

Jadi, kita harap apa yang dibentangkan, apa yang dicadangkan dapatlah segala-galanya diberikan penjelasan daripada setiap kementerian-kementerian. Jadi, dengan itu Tuan Yang di-Pertua.....

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Dato' Musa.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, apakah maksud Yang Berhormat? Yang Berhormat kata tadi tidak puas hati dengan pegawai-pegawai kerajaan. Kita lihat, kalau kita pukul tujuh, pegawai-pegawai kerajaan Dewan juga pukul tujuh sama dengan kita. Setiap soalan ini telah pun dijawab. Apakah ada lagi masalah Yang Berhormat tidak puas hati? Terima kasih.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Yang Berhormat, Yang Berhormat kekanda saya ini. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, banyak soalan-soalan yang dikemukakan khasnya pada sesi kali ini. Soalan saya sahaja, saya ingat dekat empat, lima yang tidak berjawab. Malahan, ada kementerian berjanji akan menjawab secara lisan tetapi hingga hari ini, tidak berjawab. Jadi kita harap kepada kementerian-kementerian yang bertanggungjawab yang.....

Tuan Ismail bin Kasim: Minta laluan.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ismail Kasim. Saya tertarik dengan laluan yang diminta oleh kekanda Yang Berhormat Dato' Musa dan juga laluan yang diberikan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah. Kita sebenarnya Puan Hajah, pada pandangan sayalah, bukan niat saya untuk membela kakitangan kerajaan. Tetapi ada setengah persoalan yang kita bangkitkan, soal itu sebenarnya sudah pun terjawab dengan sendiri dan telah dilaksanakan. Jadi kadang-kadang, apa yang *dipick-up* ataupun apa yang diambil oleh kakitangan ataupun pegawai yang bertugas ialah mereka melihat mana-mana yang belum dilaksanakan dan yang dirasakan benda ini, kadang-kadang benda itu sudah tidak perlu dijawab pun. Memang sudah diselesaikan dengan sendirinya. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung dengan perkara ini?

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih. Hendak kata kekanda bukan kekanda, hendak kata adinda bukan adinda. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita anggota Dewan ini bertukar-tukar. Mungkin zaman Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim lebih awal atau *senior* daripada saya. Jadi, soalan itu sudah terjawab. Tetapi ianya bila kita kemukakan sekali lagi, kalau tidak mahu dijawab secara lisan, haruslah dijawab secara bertulis supaya apa yang dikehendaki oleh rakyat yang di belakang saya ini dapat saya nyatakan sebenarnya apa yang berlaku, kerana ini adalah risiko kepada kita. Risiko pemimpin hari ini, dia mengemukakan sesuatu minta penjelasan dari segi apa pun. Tetapi bila penjelasan, apa yang sudah diminta oleh rakyat tidak dapat kita penuhi, akhirnya kita dituduh sebagai pemimpin yang tidak bertanggungjawab. Pemimpin yang tidak membawa apa isi hati rakyat. Itu sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, tidak perlulah kita *debate* perkara yang kecil ini begitu panjang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi, bahawa risiko kami amat berat. Agak-agak nampak tidak berfungsi, habis, satu penggal sahaja.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat minta laluan. Minta laluan Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, boleh beri laluan?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Saya tertarik dengan Yang Berhormat tadi. Sebenarnya pemimpin, bukanlah pemimpin hanya bercakap dalam Dewan. Pemimpin juga bekerja di kawasan masing-masing, diterima oleh rakyat. Pemimpin yang bekerja dengan rakyat itu adalah pemimpin yang diterima, bukan pemimpin hanya bercakap dalam Dewan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Betul itu Tuan Yang di-Pertua. Saya sokong 100% yang dibawa oleh Dato' Musa tadi. Memang pemimpin yang bekerja - sebab itu hari ini, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional benar-benar bekerja seperti mana yang saya katakan tadi. Tetapi, ada sesetengah itu.....

Tuan Ismail bin Kasim: Minta laluan, pohon laluan sikit.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Belum habis jawab lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila habiskan jawapan dahulu.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terus tergantung ayat itu Tuan Yang di-Pertua. Maklumlah orang perempuan ini lemah, tambahan pula baru menjadi IT. Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua: IT ibu tunggalkah? *[Ketawa]*

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tetapi saya malas hendak memperjelaskan kerana ramai rakan-rakan ini dia banyak IT. ITT, ITM, macam-macam ada IT ini Tuan Yang di-Pertua. Maknanya, bukan sahaja kita pandai bercakap, tetapi percayalah bahawa segala hujah yang kita perkatakan adalah sebenarnya masalah rakyat jelata. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya tidak mahu memberi keizinan kepada rakan-rakan yang lain untuk bercakap.....

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

Tuan Ismail bin Kasim: *[Bangun]*

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed: *[Bangun]*

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Saya tidak mengizinkan rakan-rakan yang lain untuk minta laluan.

Tuan Ismail bin Kasim: Saya minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Dengan itu, saya mohon menyokong usul yang dibawa oleh kerajaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat ini kadang-kadang nampak garang. Kadang-kadang ada unsur-unsur manjanya itu. *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

11.38 pagi.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberi kepada saya untuk berbahas sedikit Rang Undang-undang DR 6/2005. Saya bersyukur kepada kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Datuk Seri Perdana Menteri di atas cadangan untuk meningkatkan elaun Ahli-ahli Parlimen. Ini dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Dato' Seri Mohamed Nazri semalam. Kenaikan tersebut adalah selaras ataupun *consequential* dengan kenaikan gaji kakitangan-kakitangan kerajaan di perkhidmatan awam. Namun, kita berterima kasihlah kepada jasa baik kerajaan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Di sini, saya juga harap bahawa penjelasan yang diberi secara terperinci oleh Dato' Seri Mohamed Nazri dibawa ke pihak media massa. Kita tidak mahu satu penglihatan ataupun persepsi bahawa elaun Ahli-ahli Parlimen naik apabila harga barang naik, macam diesel, macam petrol, perkhidmatan awam, teksi, tepung dan sebagainya.

Saya harap rakyat kita memahami peningkatan ini adalah selaran dengan kenaikan gaji kakitangan kerajaan. Seperti yang dinyatakan oleh Dato' Seri Menteri, gaji dan kemudahan Ahli-ahli Parlimen di Malaysia tidak berapa tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara lain dengan taraf kehidupan yang sama. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kenaikan gaji, selaras dengan perkhidmatan awam, izinkanlah saya menyentuh perkara pencen. Saya sentiasa ditemui oleh ramai pesara dan difahamkan bahawa apabila ada semakan gaji ataupun *salary review* dengan izin, mereka pun menikmati kenaikan pencen. Kalau tidak salah saya, *review* yang terakhir adalah pada tahun 2002. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, amaun pencen tersebut adalah separuh gaji

bersih yang akhir. Jika peningkatan gaji itu ada seperti contoh 4%, sipesara pun akan mendapat kenaikan pencen dan kenaikan itu pun 4%. Tetapi amaunnya sangat kecil oleh kerana ia separuh dengan *amount* kenaikan gaji penuh. Dengan mengambil kira peningkatan kos kehidupan hari ke sehari pada masa ini, saya di sini mengambil kesempatan ini merayu kepada pihak kerajaan mengkaji semula sistem pertambahan pencen apabila ada kenaikan gaji kakitangan awam.

Barangkali ini cadangan sahajalah, pesara-pesara boleh mendapat 1.5 kali ganda dengan amaun peningkatan yang diberi kepada mereka yang masih kerja. Sebagai contoh, jika kenaikan tersebut adalah RM100 untuk kakitangan awam, dicadangkan RM150 untuk pesara sebagai pampasan supaya mereka dapat menjalankan kehidupan dengan bermaruah. Pesara-pesara juga diberi pencen di atas tempoh kerja maksimum iaitu 25 tahun. Saya harap juga jika tempoh perkhidmatan lebih dari 25 tahun tersebut. Jika ada, ini diambil kira juga untuk menetapkan amaun pencen. Ini nampak dan diterima sebagai lebih adil. Golongan pesara telah pun berkhidmat dan berkorban untuk kecekapan pentadbiran negara. Kita harus prihatin di atas keselesaan kehidupan mereka dan jangan benarkan golongan pesara berasa ditinggalkan. Dengan kata-kata itu. Saya dengan suka citanya memohon menyokong akta meminda Akta Ahli-ahli Parlimen (Saraan) 1980. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Musa dan saya minya Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kassim bersedia selepas ini.

11.44 pagi.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya, saya cakap sedikit sahaja. Saya menyokong di atas rang undang-undang yang dibentangkan pada hari ini dan saya ingin mengucapkan terima kasih.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat belum bahas lagi sudah sokong dahulu?

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat belum bahas tetapi sudah sokong ya?

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Sokong. Memang sokong Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada kerajaan terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga khususnya kepada Menteri Parlimen yang telah membentangkan akta pada petang kelmarin. Jadi saya hendak bercakap sedikit sahaja. Yang lain itu kita pada hari ini kalau kita bercakap soal sokong, tidak sokong Tuan Yang di-Pertua memanglah kenaikan itu kita patut bersyukur. Walau apa pun kita dapat kita patut bersyukur kepada Allah S.W.T. bahawa sebagai ganjaran kepada kita iaitu di atas kerja yang telah kita lakukan dan pengiktirafan yang diberi oleh kerajaan kepada kita.

Apa yang saya hendak menyentuh sedikit iaitu peruntukan-peruntukan Ahli-ahli Dewan Negara iaitu RM150 ribu sepenggal ataupun tiga tahun. Jadi kalau dibandingkan dengan dahulu dan sekarang, kos semua sudah pun melambung dan saya sendiri Tuan Yang di-Pertua baru enam bulan jadi Ahli Dewan Negara duit saya sudah pun habis RM120 ribu. Hendak tunggu dua tahun tinggal RM30 ribu. Jadi bayangkanlah. Hari ini walaupun kita sebagai Ahli Dewan Negara, kalau kita tidak ada kawasan kalau dibandingkan dengan Ahli Parlimen Dewan Rakyat, mereka mempunyai peruntukan RM500 ribu kalau tidak silap sayalah Yang Berhormat Menteri dan juga ada ganjaran-ganjaran lain daripada pihak berkuasa tempatan bermacam-macam peruntukan mereka dapat kalau dibandingkan dengan Ahli-ahli Dewan Negara.

Jadi saya berharaplah kepada Menteri yang ada bersama kita pada pagi ini untuk mengambil perhatian, kalau boleh tiap-tiap tahun diberi kepada kita bukan banyak - RM100 ribu. Kalau satu penggal ada tiga tahun RM300 ribu diberi kepada kita. Janganlah bagi satu penggal. Tiap-tiap tahun peruntukan kita RM100 ribu yang saya minta. Tidak tahulah kalau sahabat saya yang lain. Jadi itu sahajalah yang saya hendak pohon dan saya berharaplah supaya kerajaan mengambil perhatian terhadap perkara-perkara ini dan saya mohon menyokong. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Permohonan yang ikhlas yea? Sila Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kassim.

11.47 pagi.

Tuan Ismail bin Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas berhubung dengan satu kata yang meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980. Tuan Yang di-Pertua, pada saya pindaan ini walaupun menimbulkan pelbagai persepsi dan kebanyakannya persepsi negatif yang dizahirkan oleh masyarakat. Pada hal kita lihat kenaikan ini pun tidak seberapa dan juga tanggungjawab dan bebanan yang terpaksa dipikul oleh ahli-ahli Parlimen adalah sebenarnya terlalu berat. Sekali gus Ahli-ahli Parlimen ini merupakan ketua-ketua ataupun pemimpin-pemimpin di peringkat Parlimen bahagian, kawasan dan sebagainya. Sekali lagi bagi pihak diri saya, saya merakamkan ucapan tahniah di atas pembentangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Parlimen, walaupun pembentangan dibuat pada lewat petang semalam.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat pindaan yang melibatkan tambahan perbelanjaan iaitu RM3,120,428.52 tahun ini adalah tidak besar, kerana dengan. Perbandingannya harus dibuat dengan negeri-negeri yang berada dalam kedudukan yang sama dengan kita seperti Singapura dan sebagainya. Kita lihat Ahli Parlimen di Singapura, Yang di-Pertua ataupun atau pun presidennya, Tuan Yang di-Pertua Dewan Singapura dan sebagainya mereka mendapat gaji yang lebih tinggi, malah mengatasi gaji Perdana Menteri negara kita.

Jadi walaupun kenaikan ini tidak seberapa, tetapi kita minta ianya tidak dijadikan isu politik dan mendapat tanggapan ataupun gambaran yang salah daripada rakyat berhubung dengan kenaikan ini kerana dilihat Ahli Parlimen yang sepatutnya menunaikan tugas dan tanggungjawab di Dewan yang mulia ini hanya lebih mementingkan kedudukan elaun dan sebagainya. Padahal saya itu adalah tidak adil. Pengorbanan yang dibuat oleh rakan-rakan Yang Berhormat-Yang Berhormat Menteri-Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan rakan-rakan pimpinan sama ada di semua peringkat sebenarnya telah melakukan pengorbanan yang cukup besar kepada rakyat. Kenaikan ini tidak setimpal pun. Ada setengah di kalangan kita sebenarnya telah membelanjakan lebih, boleh jadi semua elaun kepada rakyat atas perkhidmatan yang diberikan secara berterusan dan sepanjang masa. Dalam kita menyokong pindaan Akta Ahli Parlimen Saraan ini, saya juga ingin menarik perhatian Dewan berhubung

dengan Parliamentary Service Act 1963 iaitu berhubung dengan kedudukan Ahli-ahli Parlimen.

Umum mengetahui bahawa akta ini sebenarnya telah dibahaskan dengan panjang lebar pada tahun 1992 apabila satu pindaan yang dibuat untuk menghapuskan akta ini bagi memastikan semua kakitangan Parlimen diletakkan di bawah pengawasan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, kita menyedari bahawa perkara ini, Parliamentary Service Act ini adalah sesuatu yang cukup penting kerana Parlimen merupakan institusi demokrasi tertinggi negara yang memerlukan ia mempunyai satu integriti yang tersendiri. Bermakna kata di sini, semua yang telah termaktub dalam Perlembagaan sebenarnya ia tidak perlu dipinda dan kita pun hairan bagaimana tiba-tiba Akta Perkhidmatan Parlimen ini dipertikai dan timbul dan menjadi perdebatan dan kita lihat seolah-olah ada sesuatu yang tidak kena pada tahun 1992 apabila akta ini hendak dimansuhkan dan dibolehkan semua Perkhidmatan Parlimen ini dipindah kepada kuasa-kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam.

Walaupun rasionalnya telah dinyatakan dengan begitu jelas iaitu tujuan perpindahan ini dibuat ialah untuk memberi peluang kenaikan pangkat ataupun peluang yang sama rata kepada pegawai-pegawai Parlimen supaya mereka mendapat kedudukan yang lebih luas dalam perkhidmatan-perkhidmatan awam yang lain tetapi pada saya integriti ini harus kita pertahankan kalau kita lihat kepada jadual kedua dalam akta ini. Kita lihat semua jawatan-jawatan seperti, dengan izin, *Clerk to the Senate*, *Deputy Clerk to the Parliament*, *Clerk Assistant of Parliaments* kemudian *Clerk to the House of the Representative*, semuanya berkehendakkan lulusan undang-undang kecuali bagi jawatan *Administrative Assistant* sahaja yang berkehendakkan kelulusan dalam *degree* yang bukan berkaitan dengan undang-undang.

Ini menunjukkan bahawa di peringkat awalnya akta ini dibuat jelas menunjukkan bahawa Parlimen ini sebagai institusi demokrasi tertinggi negara sebenarnya perlu mempertahankan kedudukan ini. Jadi kita mohon kepada Yang Berhormat Dato' Seri Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab dan saya tahu Yang Berhormat adalah Menteri yang cukup prihatin, terutamanya dalam menyelesaikan

masalah dan permasalahan yang kita anggap bahawa sesuatu yang cukup penting juga dalam kita mengembalikan kegemilangan demokrasi di negara kita ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara ini kita lihat peraturan 1992 telah diperdebatkan dengan begitu hebat dan melibatkan semua Ahli-ahli Parlimen daripada pembangkang dan kerajaan menyertai perbahasan ini, walaupun Akta ini tetap dibuang dan tetap diteruskan tetapi kita mintalah seperti mana yang saya katakan dalam perbahasan semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan baru-baru ini supaya perkara ini dikaji semula oleh pihak kerajaan supaya kita melihat dengan penuh tanggungjawab bahawa Parliamentary Service Act ini perlu kita adakan semula bagi memastikan Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen ini dapat kita bentuk untuk kita melatih pegawai-pegawai yang mengendalikan urusan pentadbiran dan perjalanan persidangan sama ada di Dewan Rakyat dan di Dewan Negara sepenuhnya dikendalikan oleh pegawai-pegawai yang dilatih sendiri oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen 1993 ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun apa jua rasional yang dibuat ketika pindaan itu hendak dimansuhkan pada tahun 1992, kita harus sekali lagi memerhatikan beberapa kriteria yang saya katakan di awal tadi bahawa dalam hal ini kita tidak mahu dalam sistem demokrasi yang kita amalkan di negara kita ini pihak eksekutif yang mewujudkan keadilan sistem pemerintahan negara demokrasi ini sebenarnya tidak boleh campur dalam badan perundangan ataupun badan kehakiman. Ini perkara-perkara yang kita lihat sungguh jelas dalam perundangan negara kita eksekutif, legislatif dan juga *judiciary* ini, kita tidak pernah campur-adukkan.

Jadi, untuk kita kembalikan kemegahan ini sewajarnya *privilege* ataupun yang telah sedia ada dalam kedudukan kita kerana kita lihat semua jawatan ini telah diletakkan dalam integriti yang begitu tinggi. Saya sudah katakan Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat sebenarnya dan sepatutnya dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong, ini telah termaktub tetapi perkara ini sekarang untuk jawatan-jawatan ini juga menjadi campur tangan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam.

Jadi, dalam hal ini kita melihat seperti mana rakan-rakan kita kata, saya tertarik dengan perbahasan sebenarnya yang dibawa oleh sahabat saya Yang Berhormat Dr. Chin semalam ketika membahaskan Rang Undang-undang Senjata Kimia, saya tidak

ingat tetapi tentang bagaimana kedudukan Ahli-ahli Parlimen itu yang begitu mulia sebenarnya yang membahaskan dan membincangkan dasar-dasar negara. Sebab itu ia harus dikendalikan oleh pegawai-pegawai yang cukup profesional. Pegawai-pegawai yang mempunyai latar-belakang perundangan yang dilatih secara langsung dan tempat latihan mereka ialah di Parlimen ini.

Sebab itu kalau datang pegawai-pegawai daripada luar, saya tidak hendak dan saya tak hendak kaitkan dengan Pegawai Tadbir Diplomatik, Yang Berhormat kekanda Dato' Yaakob, pada saya PTD ini saya kata ada bidangnya dan PTD ini sebenarnya telah berjasa banyak kepada negara tetapi dalam urusan Parlimen ini kita hendak tengok bahawa integriti Parlimen yang sebenarnya di bawa kembali kepada kedudukan yang sama-sama kita ketahui sebelum pindaan ini dibuat pada 20 Oktober saya ingat, 1992 yang lalu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lee Sing Chooi: [*Bangun*] Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta laluan?

Tuan Ismail bin Kasim: Silakan.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat sahabat saya Ismail Kassim dan yang membahaskan Parliamentary Service Act tadi, dan juga untuk adakan satu sistem di mana legislatif, eksekutif dan juga *judiciary* itu dipisah-pisah dan juga tidak campur sekali. *Repeal* dalam tahun 1952 maka sekarang ini kita hendak tengok balik adakah akta ini boleh di hidup kembali atau diubahsuai dalam keadaan sekarang supaya semangatnya itu boleh dihidupkan sekali lagi.

Bolehkah saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat satu jawatankuasa diwujudkan yang mengandungi Ahli Dewan Negara dengan Dewan Rakyat untuk mengkaji kandungan itu dan apa mesti dikemas kini atau adakah situasi sekarang ini, bolehkah ada keperluan *feasibility* untuk menghidupkan akta ini. Jawatankuasa yang ditubuhkan itu boleh juga mengkaji untuk mengemaskinikan kalau difikirkan *possible* mewujudkan satu jawatankuasa untuk mengkaji dan pindaan-pindaan apa yang tidak sesuai dan juga memuatkan *clauses* yang baru dan juga menjadikan itu satu akta yang dibentangkan oleh *Parliamentarian* pada pertama kali di Parlimen kita?

First time in the Parliament yang dibentangkan supaya dalam proses meningkatkan kemartabatan Parlimen, dengan ini juga menunjukkan keunggulan

Parlimen. Bolehkah jawatankuasa ini juga tengok *feasibility* mengubahsuai dan meminta bantuan-bantuan daripada kerajaan dan persetujuan daripada kerajaan supaya ia boleh dibentang oleh *Parliamentarian*? Terima kasih.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Lee. Saya bersetujulah, apa pun saya nak laksanakan peruntukan jawatankuasa itu sangat penting supaya ia tidak timbul kekeliruan dan juga masalah-masalah ketika kita nak melaksanakan benda ini di masa hadapan. Begitu juga dengan pada masa akta ini hendak dimansuhkan, adakah pada masa itu ditubuhkan jawatankuasa untuk mendapat pandangan Ahli-ahli Parlimen, kakitangan Parlimen dan sebagainya. Mereka juga ada hak untuk menyuarakan perkara ini kerana selepas akta ini dimansuhkan kita lihat bermakna semua jawatan-jawatan di Parlimen adalah terbuka dan sebelum ini adalah bersifat tertutup. Bermakna tidak ada perkhidmatan lain yang boleh mengendalikan sebarang urusan ini.

Jadi saya mohon penjelasan Yang Berhormat Dato' Seri berhubung perkara ini tentang *sovereignty of the Parliament* dan *separation of powers* seperti mana yang kita amalkan di negara kita ini, apakah rasional yang sebenarnya di sebalik perkara ini dan implikasi daripada pembubaran akta ini ataupun apakah kebaikan-kebaikan yang pada pihak kerajaan melihat bahawa akta ini tidak perlu ada lagi dalam negara kita ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita sebenarnya, bukanlah niat kita untuk menutup tapi kita mahu melihat kelancaran perjalanan Dewan, pelancaran perjalanan Dewan ini apabila mempunyai pegawai-pegawai yang cukup profesional dan kita lihat tiap-tiap kali Dewan kita bersidang, bagaimana bertungkus-lumusnya pegawai-pegawai, kakitangan yang terpaksa bekerja lewat malam dan kalau mempunyai kakitangan yang memang tidak ada pengalaman untuk mengendalikan urusan ini, sudah tentu kelancaran ini, pelaksanaan segala urusan pentadbiran Dewan tidak akan dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.

Sebab itulah dalam hal ini, saya mohon sokongan kawan-kawan bahawa bukan niat kita, bukan niat saya untuk cuba campur tangan dalam perkara ini tapi sebagai Ahli Dewan dan juga Ahli Parlimen yang dipertanggungjawab melihat perkara ini bahawa satu yang harus diberi pertimbangan semula oleh kerajaan dan kajian dibuat bahawa rasional akta ini dimansuhkan sebenarnya, kita perlu kaji semula untuk melihat hak itu

dikembalikan kepada hak yang sebenarnya macam kita melihat perkara ini bahawa saya tak nak pertikaikan tetapi keterbukaan yang dibuat sekarang boleh menyebabkan kita membawa masuk pegawai-pegawai dari jabatan lain untuk mengendalikan urusan Dewan dan bermakna mereka yang tidak ada pengalaman langsung, tiba-tiba saya nak tanya persoalan ini yang tidak ada pengalaman tentang urusan pengendalian dan pentadbiran Dewan. Tiba-tiba kita membawa masuk pegawai daripada luar untuk menjadi Setiausaha Dewan Negara, Setiausaha Dewan Rakyat dan jawatan-jawatan penting dalam *legal department* dan sebagainya.

Apa akan jadi dalam urusan pentadbiran Dewan? Mereka tidak pernah memahami dan datang ke sini, memangku di sini untuk belajar. Baru nak belajar sedangkan urusan Dewan ini bukan untuk belajar, dia perlu ada pengalaman. *Again the experience* dalam masa dia mengendalikan urusan pentadbiran Dewan dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Yang ini yang kita tengok secara menyeluruh. Mengapa akta ini perlu dikembalikan, dihidupkan kembali dan ditubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen yang hanya mengendalikan sebarang urusan Parlimen?

Tuan Yang di-Pertua, jadi dengan kata-kata itu sebenarnya saya mohon menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen Saraan 1980. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, silakan Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Selepas itu saya minta Yang Berhormat Dato' Rashid, Yang Berhormat Lee Sing Chooi dan Yang Berhormat Wan Nordin untuk bersedia.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana diberi peluang untuk membahaskan Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 iaitu Akta 237.

Tuan Yang di-Pertua, kami sangat berterima kasih tiap-tiap kali pekerja-pekerja kerajaan itu dapat kenaikan gaji maka Ahli Parlimen juga bersama-sama diberi ganjaran yang lebih dan sungguhpun ini telah dibuat, kita tidak ada satu kesatuan sebagai QUEPACS yang mewakili pegawai-pegawai kerajaan untuk memperjuangkan hak-hak dan juga faedah-faedah dan juga ganjaran-ganjaran bagi mereka. Jadi saya sangat berterima kasihlah kerana kita telah diambil kira juga. Dan pada ingatan saya sebelum

tahun 1998, seorang Ahli Parlimen hanya diberi RM3,090 dan selepas itu ada satu kenaikan RM309. Kemudian pada tahun 2002 ada satu lagi kenaikan mengikut kenaikan gaji yang diberi kepada pegawai-pegawai kerajaan, Ahli Parlimen telah diberi RM339.90. Dan kemudian pada kali ini, ada dicadangkan naik lagi RM373.89, jadi tiap-tiap pengiraan itu begitu tepat. Kalau 10%, 10% sahaja daripada amaun asal itu.

Mungkin Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai satu tahap seperti yang diterangkan semalam oleh Menteri dalam pembentangan ini, Malaysia itu mengkaji suatu cara baru di mana selain daripada mengambil kira faktor-faktor ini mungkin kita adakan satu skim yang di mana kita dapat mencungkil kebolehan mereka dari rakyat kita supaya menyumbang kepada proses perundangan di negara kita khususnya di Dewan yang tertinggi macam Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Dan di sini kita ada dua contoh yang diamalkan, satu ialah di Singapura, satu di Hong Kong. Dan kedua-dua ini telah memperkenalkan satu skim yang mana mereka dapat mencari orang-orang yang dianggap mempunyai kebolehan-kebolehan tertentu yang dapat menyumbang kepada perkembangan negara dan oleh sebab itu kalau kita lihat pada perkembangan dalam masa beberapa tahun yang lalu, kita lihat bahawa mereka telah mencapai apa yang telah disasarkan itu. Dan itu mungkin satu perkara yang boleh diambil kira oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga mungkin mengambil kira selain daripada ganjaran bagaimana ia dapat membantu Ahli-ahli Dewan untuk menambah lagi pengetahuan mereka supaya mereka dapat menyumbang lebih lagi kepada proses perundangan negara ini. Satu contoh ialah membantu Ahli Parlimen sebagai satu lagi kemudahan. Saya difahamkan bahawa kerajaan telah meluluskan beberapa jawatan untuk pelantikan pembantu Ahli Parlimen dan ini dalam proses pelaksanaan. Apabila kita membincangkan hal ini dengan rakan-rakan kita di negara-negara lain, kita dapati mereka semua ini diberi satu pejabat, dalam pejabat itu ada seorang pembantu Ahli Parlimen dan tugas orang ini ialah membantu Ahli Parlimen dalam proses menyediakan kertas kerja, bil-bil dan juga membuat penyelidikan pergi mencari maklumat yang lebih lengkap, yang lebih bermakna, lebih teliti dalam perbincangan.

Kalau kita hendak sampai ke tahap itu tentulah kemudahan-kemudahan seperti itu harus diberi dan kerajaan telah mula memberi bantuan-bantuan seperti komputer,

dan dengan ubahsuainya Dewan ini kita sekarang ada talian di mana kita boleh sambung dengan komputer kita. Ini adalah satu kemajuan yang sangat dialu-alukan. Saya berharap selain daripada itu beberapa cara pembinaan kapasiti juga akan dilakukan oleh kerajaan.

Saya dapati dalam perbincangan saya dengan kawan-kawan di negara lain, pembinaan kapasiti merupakan satu lagi unsur yang sangat penting dan Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Ahli-ahli Dewan mereka dihantar untuk menghadiri kursus supaya mereka lebih memahami proses itu, dan kemudian dapat memainkan satu peranan yang lebih berguna. Dari segi ganjaran itu bagi saya hanya satu aspek, tetapi ada aspek-aspek lain yang harus diambil kira oleh kerajaan. Adakah kerajaan juga mengkaji sama ada sesuai atau tidak supaya taklimat-taklimat itu diberi awal kepada Ahli-ahli Parlimen sebelum sesuatu itu diperkenalkan sebagai satu rang undang-undang, supaya input daripada pihak ini juga boleh diambil kira dalam proses perundangan itu.

Saya pun tidak tahu bilakah akan sampai masanya di mana Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara diberi ruang untuk memikir sesuatu dan kemudian dibentangkan kepada pihak pentadbiran.....

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng:pihak eksekutif itu.....

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat ada menyebut tentang beberapa kemudahan antaranya ialah pembantu penyelidik, kemudahan pejabat dan sebagainya yang bertujuan untuk meningkatkan lagi prestasi dan keupayaan seseorang Ahli Senator ataupun Ahli Dewan Negara.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat iaitu satu lagi daripada aspek yang perlu diberi perhatian untuk meningkatkan lagi prestasi Ahli Dewan Negara ini dan juga meningkatkan lagi imej dan peranan mereka ialah menggalakkan, membantu dan juga mempermudah penglibatan Ahli-ahli Dewan Negara ini di dalam menghadiri beberapa konvensyen/seminar, pembentangan kertas kerja di luar negara khususnya.

Kemudahan ini harus diperluaskan serta diperbanyak sebab kadang-kadang Ahli Dewan Negara juga sering mendapat undangan daripada luar negara bersama beberapa badan NGO dan sebagainya untuk membentangkan kertas kerja yang kadang-kadang melibatkan soal-soal politik dan isu-isu ekonomi di negara kita sendiri.

Tetapi oleh kerana *limitation* yang ada pada seorang Ahli Dewan Negara, maka kadang-kadang kita tidak dapat memenuhi jemputan tersebut. Saya juga tidak tahulah maksudnya bagaimana kita di Dewan Negara ini dipilih untuk lawatan luar negara apatah lagi untuk membentangkan kertas kerja dan sebagainya. Saya berterima kasihlah kepada Yang Berhormat kerana baru-baru ini dipilih sebagai salah seorang pembentang kertas kerja di persidangan *Inter-Parliamentary* ASEAN AIFOCOM di Luang Prabang.

Saya sebenarnya merasakan bahawa apabila saya terlibat di dalam persidangan seperti itu, maka ini meningkatkan lagi keyakinan, keupayaan dan di samping itu dapat kita memberi penjelasan terhadap sistem yang kita guna pakai di negara kita. Tetapi saya juga tertanya-tanya apakah sekali itu sahaja yang akan dapat saya rasakan dalam tempoh setahun ataupun barangkali dalam tempoh satu penggal sebagai Ahli Dewan Negara, dan sebab itulah saya mengatakan bahawa barangkali selain daripada yang dipilih oleh Ahli Dewan Negara, bagaimana pula kalau sekiranya kita mendapat jemputan dan kita ingin memenuhi jemputan tersebut, apakah tidak ada cara bagi kita supaya Parlimen juga memberikan kemudahan-kemudahan seperti.

Saya tidak menafikan bahawa sebagai seorang Ahli Dewan Negara yang komited dari segi hendak melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang Senator, dan kita harap imej Senator ini sama seperti mana *treatment*, dengan izin yang diterima oleh Senator-senator di Amerika Syarikat yang mempunyai peranan yang kadang-kadang cukup penting dan besar serta dihormati di sana. Jadi sebab itulah saya fikir perkara-perkara seperti ini harus diberikan perhatian.

Yang kedua, saya fikir kadang-kadang oleh kerana Senator ini juga disebut sebagai Yang Berhormat (YB), dan ada juga di kalangan orang ramai memerlukan bantuan untuk menyelesaikan masalah mereka, tetapi kita kadang-kadang menghadapi masalah dari segi untuk mendapatkan akses dengan izin di tempat-tempat yang mungkin dianggap sensitif dan banyak sekatannya seperti katalah di balai polis, hospital

dan sebagainya. Saya tidak tahulah sama ada kad Ahli Parlimen yang kita ada sekarang ini memudahkan sebenarnya untuk kita mendapat akses bagi menyelesaikan masalah-masalah di tempat-tempat yang berkenaan. Sebab itulah saya katakan bahawa barangkali kita memerlukan bantuan.

Saya berterima kasihlah kepada kerajaan kerana kenaikan gaji ini, tetapi kita mengharapkan bahawa kita memerlukan lebih banyak kemudahan lain yang tujuannya tidak lain dan tidak bukan ialah untuk kita menaikkan, dan juga untuk memastikan bahawa peranan kita sebagai Senator ini dapat diperbaiki dan imejnya bertambah baik. Sebab itulah saya berharap juga mudah-mudahan TV-TV swasta sebagai contohnya memberikan ruang yang lebih banyak supaya perbincangan-perbincangan di Dewan Negara ini mendapat liputan. Bukan sahaja setakat TV1 tetapi yang lain-lain ini, yang swasta ini juga harus ada ruang supaya mereka ini memberikan liputan yang lebih luas. Sebenarnya inilah yang diperlukan oleh Ahli Dewan Negara supaya peranan mereka itu sebagai sebahagian daripada anggota Parlimen, iaitu di *Upper House*, dengan izin dapat difahami dan dapat dihayati oleh masyarakat. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, itulah apa yang telah saya bangkitkan tadi tentang pembinaan kapasiti. Semua yang telah disebutkan itu bagi saya harus diberi sokongan oleh pihak kerajaan dan juga dilaksanakan kerana bagi saya dalam proses melatih seseorang supaya ia menjadi seorang yang berguna kepada masyarakat, kepada negara dan sebagainya adalah satu proses yang murni dan kita harus menggunakan peruntukan dan keupayaan kita untuk melakukannya.

Saya sangat bangga dalam negara kita kerajaan telah menetapkan pendidikan sebagai satu aspek yang paling penting di sini, dan oleh kerana itu maka satu peruntukan yang begitu besar tiap-tiap tahun diberikan kepada pendidikan. Sekarang kerajaan telah menggalakkan pendidikan sepanjang hayat iaitu seumur hidup.

Bagi saya itu adalah langkah-langkah yang positif dan seorang Ahli Parlimen juga memerlukan kemudahan-kemudahan semacam itu supaya dapat mereka memainkan peranan yang lebih penting. Saya telah menyentuh tentang peranan Ahli Parlimen dalam proses perundangan. Sekarang semua Rang Undang-undang itu datang dari kerajaan dan kita bahaskan di sini. Tetapi ada di Parlimen-parlimen lain yang mana Rang Undang-undang itu datang dari Ahli Parlimen dan kemudian eksekutif

kerajaan itu meneliti dan kemudian proses perundangan itu bermula. Dengan proses itu maka kita dapat meningkatkan lagi peranan kita sebagai *legislator*. Itulah harapan saya tidak tahu bila kita dapat sampai ke tahap itu.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan hujah yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng ini bahawa beliau nampak masa depan insya-Allah Ahli Dewan Negara akan cuba membawa salah satu undang-undang yang bermula dari peringkat Dewan Negara. Apakah cadangan Dato' Dr. Chin Fook Weng ini sudah ada ataupun belum ada lagi atau bagaimana? Sebabnya begini, contohnya satu akta dahulu *Parliamentary Service Act*, saya ingat tadi ada kawan kita bawa. Dahulu akta ini ada digunakan untuk Ahli Parlimen kemudian pada satu masa telah ditarik balik. Kalau kita hendak buat *repeal Act* ini bagaimana pandangan Yang Berhormat tentang ini. Apakah ia boleh atau kita kena kaji bagaimana cara hendak buat. Saya minta pandangan Yang Berhormat tentang ini.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan satu perkara baru. Dua hari sebelum ini Yang Berhormat Dato' Hamzah sendiri juga ada menyuarakan tentang bilakah - dia sudah bagi satu tempoh pun, dia kata selepas dia tamat perkhidmatan dalam Dewan ini. Diharap bahawa satu cara baru akan dilaksanakan dan itulah harapan beliau tetapi mungkin kita tidak perlu tunggu begitu lama kerana proses itu sudah dilaksanakan di Parlimen-parlimen di luar negara di mana mereka telah membuat perundangan lebih kurang kesemuanya datang dari Ahli Parlimen dan kita sekarang kena bersepakat dengan Dewan Rakyat supaya proses ini boleh dilaksanakan tetapi juga dengan kerjasama pihak eksekutif. Kalau Menteri kita dan Perdana Menteri tidak menyokong mungkin sukar bagi kita melaksanakan proses ini. Tetapi kita bukan sengaja minta seolah-olah kita mahu lebih kuasa dan sebagainya tetapi itu merupakan peranan kita sebagai seorang *legislator*.

Dato' Hamzah bin Zainuddin: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sekali lagi. Apabila Yang Berhormat kata bahawa kalau kita hendak bawa kita kena ada pandangan daripada Dewan Rakyat, kerjasama dengan Dewan Negara dan juga kerjasama dengan kerajaan. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat, apakah ini melambangkan kita ini tidak *independent*, apakah kita masih lagi di peringkat yang orang kata Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini sebenarnya hanyalah semata-mata

alat untuk meluluskan apa-apa akta ataupun undang-undang atau kita hendak membuktikan kepada semua, kepada dunia hari ini bahawa apa yang kita buat adalah untuk kepentingan manusia sejagat.

Apabila kita kata kepentingan manusia sejagat ini bermakna kita buat kajian bukan hanya untuk kita tetapi untuk masa depan, untuk generasi akan datang. Saya rasa kalau kita mempunyai komitmen yang benar-benar bertanggungjawab untuk melahirkan satu lagi Akta bagi kepentingan manusia sejagat dan generasi akan datang saya rasa tidak timbul kerajaan tidak bersetuju. Itu pandangan saya tetapi kalau Yang Berhormat kata susah hendak buat kalau tanpa sokongan kerajaan tadi seolah-olah kita tidak *independent*. Itu yang hendak saya tanya pandangan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, itu bukan maksud saya. Apa yang sebenarnya yang kita harus lakukan ialah sesuatu yang mengikut proses perundangan kerana kita berpandu kepada Perlembagaan, kita berpandu kepada fungsi dan sebagainya. Segala keputusan yang dibuat setakat ini di negara kita ialah melalui satu proses perundingan, perbincangan dan kemudian kita dapat muafakat dan seterusnya kita buat keputusan. Jadi bagi saya kalau kita mengikut cara sedemikian, maka kejayaan yang kita harap itu mungkin lebih tinggi dan kalau kita dapat itu maka semua pihak juga akan menyokong.

Itu adalah proses perbincangan dan kita mewujudkan di Malaysia kerajaan Barisan Nasional juga melalui proses ini. Kita kata kita berkongsi semua. Bagi saya yang penting itu sudah menjadi ideologi kita. Semalam saya dengan Tan Sri Yang di-Pertua dengan Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua meraikan rombongan Speaker Rusia dan mereka tanya apakah ideologi Malaysia kerana mereka ada ideologi Komunis. Rusia masih memegang kuat kepada ideologi itu. Mereka bertanya apakah ideologi Malaysia. Kita kata di Malaysia ini kita selalu buat keputusan melalui satu proses konsultatif, kita berbincang, bincang dan bincang lagi banyak kali lepas itu kita buat keputusan. Kerajaan pun dipimpin oleh satu barisan yang ada 14 ahli dan semua itu mungkin ada pendapat yang berlainan dan di Asia ini kita ada tiga kaum yang penting dan tiap-tiap kaum itu ada pendirian dan ciri-cirinya tersendiri iaitu kaum Cina, India dan Melayu. Jadi bagaimana kita dapat menjalankan tugas di negara kita ini adalah satu cabaran dan oleh kerana kita telah amalkan satu sistem maka sudah wujud satu ideologi

bagi memimpin negara kita ke satu arus kemajuan dan itu adalah satu proses yang kita banggakan. Itu dia ideologi yang kita amalkan. Itulah yang kita jelaskan kepada pihak ini.

Saya berharap satu hari nanti kita akan sampai ke tahap ini dan kemudian mungkin semua ahli yang berada di sini boleh memainkan peranan mereka dengan lebih efektif dan sebagainya dan juga ini ada kebaikannya.

Saya bagi satu contoh Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun 2001 saya dihantar oleh Parlimen Malaysia ke St. Lucia iaitu satu negara di Carribean untuk membentangkan satu kertas kerja tentang keadaan kemiskinan di Malaysia dan saya mewakili rantau ini sebagai seorang sahaja saya ke sana. Apabila saya sampai ke sana saya jumpa seorang ahli *senate* dari Australia, Tuan Yang di-Pertua. Bila ahli *senate* itu datang ke St. Lucia itu, satu pulau yang kecil sahaja, dutanya yang berpejabat di Barbados, satu negara yang bukan dekat dengan tempat ini, datang ke St. Lucia untuk berjumpa dengan ahli *senate* ini. Bila saya datang tidak ada seorang pun dari kedutaan Malaysia yang tahu saya datang ke sana. Jadi dibandingkan dengan status dia, dengan status saya begitu jauh beza.

Selepas itu apabila kita habis persidangan selepas satu minggu kita terbang balik ke London tetapi kena melalui Barbados. Bila kita sampai di Barbados, suruhanjaya tingginya berada di sana dengan kereta membawa VIP ronda-ronda sedikit sebelum naik kapal terbang dan kita tidak payah pergi kepada kastam dan sebagainya dan saya pun ikut dialah, saya pun tumpang dan saya pun dapat kemudahan, selepas itu kita terbang ke London. Apabila kita sampai di London....

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Minta laluan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Sekejap, bila kita sampai di London, senator ini kata "Oh, saya ada kereta yang tunggu saya, bagaimana awak ke *airport* lain?" Saya kata saya kena naik bas. Jadi itulah perbezaan, semua ini diberi oleh suruhanjaya atau duta mereka dan apakah perbandingan peranan saya dengan peranan dia dalam perundangan adalah sama.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya cuba memahami apa yang Yang Berhormat hendak cakapkan tadi. Adakah maksud Yang Berhormat bahawa Ahli-ahli Parlimen termasuk Ahli Dewan Negara daripada Malaysia perlu juga diberi

pertimbangan ataupun layanan yang setimpal dengan sahabat-sahabat yang Yang Berhormat kata tadi memandangkan Ahli Dewan Negara kita juga tidak kurang hebatnya. Adakah itu Yang Berhormat?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Dari segi imej dan dari segi banyak lagilah kita kalau bandingkan tidak dapat banding dalam perkara ini sahaja. Oleh kerana itu, rangka kita Malaysia ini kalau kita memberi satu kemudahan yang lebih kepada Ahli-ahli Parlimen kita maka boleh meningkatkan lagi imej proses perundangan dan kalau orang yang lebih layak itu dipilih sebagai calon untuk bertanding dan sebagainya dan kemudian menjadi Ahli Parlimen dengan mendapat kemudahan-kemudahan untuk membolehkan mereka menjalankan tugas, bukankah itu lebih bagi mempromosi lagi proses perundangan serta pembinaan kapasiti rakyat kita. Itu yang saya maksudkan, bukan saya kata apa yang telah dicadangkan itu tidak bagus, saya telah ucapkan terima kasih tadi kerana kita sudah diberi sesuatu. Tetapi bagi kita meningkatkan lagi prestasi mungkin kerajaan boleh memikir apa yang saya bangkitkan itu. Sila Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya Dato' Dr. Chin. Saya pun terus setuju dengan apa yang Dato' Dr. Chin kata tadi. Disini saya dengan keizinan Tuan Yang di-Pertua hendak sebutlah satu pengalaman yang dihadapi oleh saya pada, kalau tidak salah saya dua tahun lepas, kita pun dipilih sebagai wakil dari Parlimen Malaysia, tiga orang senator bertolak ke Bangkok di bawah AFPPD untuk satu persidangan mengenai AIDS. Saya pun tidak tahu ada gangguan atau *miscommunication*, tetapi bila kita sampai ke Lapangan Terbang Bangkok tiada siapa pun jemput dan kita naik teksi pergi ke hotel sendiri. Bila saya ada di hotel saya telefon kedutaan kita di Bangkok dan saya pun telah cakap dengan seorang pegawailah orang Malaysia minta kalau boleh bila kita akan bertolak balik ke *airport* ke Lapangan Terbang Bangkok pada hari keesokannya, bolehkah kedutaan memberi pengangkutan satu kereta cukup, kita ada tiga orang. Pegawai itu kata mungkin boleh dan saya berikan nombor telefon bimbit saya, nombor hotel dan hotel itu pun hampir dengan kedutaan. Tetapi saya tunggu-tunggu tidak ada apa berita pun, kalau tidak boleh silalah telefon cakap tidak boleh. Ini pandangan saya kita tidak diberi pengiktirafan oleh kedutaan kita pun, apa pandangan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, itulah seperti saya katakan adalah kemudahan-kemudahan yang juga perkara-perkara yang harus diambil kira oleh kerajaan untuk memperkukuhkan lagi peranan Ahli Parlimen itu. Kejadian semacam itu memang berlaku, setahu saya mereka hanya memberi layanan kalau pihak itu ialah Menteri atau Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen atau mereka dari Wisma Putera tetapi selepas itu mungkin tidak adalah, tidak ada layanan yang kita berikan itu dan mungkin kita salahkan proses yang ada di negara itu.

Jadi saya semasa membahaskan Akta Ahli-ahli Parlimen (Saraan) itu saya juga menyentuh tentang kemudahan-kemudahan yang penting. Baru-baru ini pada bulan tiga saya dijemput menghadiri persidangan di Krabi dan bila saya sampai di sana sahaja saya dijemput mempengerusi dua sidang. Satu sidang awal dan kemudian untuk mengeluarkan hasil daripada persidangan itu maka saya dijemput menjadi pengerusi sesi itu dan kita telah sediakan satu *joint communique*.

Itu adalah penghormatan-penghormatan yang diberi oleh tuan rumah kepada kita. Jadi kalau kita sendiri juga memberi penghormatan kepada Ahli Parlimen kita mungkin mereka dapat memainkan lagi peranan yang lebih efektif dalam proses ini. Jadi itu ialah tambahan daripada apa yang telah dicadangkan itu. Jadi saya berharap kerajaan akan memikir bagaimana Ahli-ahli Parlimen itu boleh diberi taklimat yang lebih kerap tentang apa yang akan dibentangkan.

Dan juga kalau ada rombongan dan sebagainya, mereka dijemput. Bagi saya, saya dijemput baru-baru ini sahaja saya dengan Perdana Menteri ke New Zealand, saya memang ada peluang mengikut dan kita memainkan peranan kita dalam perjumpaan dengan banyak pihak dan sebagainya. Jadi berasaskan kepada itu, saya berharap lebih ruang akan dibuka kepada Ahli-ahli Dewan lain supaya boleh menyertainya itu. Dan dengan itu maka dalam proses pembangunan manusia, maka kita sampai ke satu tahap yang lebih tinggi lagi.

Ini bukan kerana duit. Kita telah belanja begitu banyak untuk pendidikan. Kalau kita tengok baru-baru ini sahaja apabila kita luluskan Belanjawan Tambahan, kita tengok yang paling tinggi yang kita peruntukkan ialah kepada Kementerian Pelajaran. Bagi Malaysia, kita sudah akui, kita sudah sedar bahawa pembangunan manusia merupakan aspek yang paling penting.

Baru-baru ini Perdana Menteri kita ke negara Arab untuk membentangkan satu kertas kerja yang disebut pembangunan manusia yang begitu penting. Beliau telah memberi contoh-contoh asal daripada Malaysia. Ini bagi saya adalah satu kebanggaan kerana kita mengikut satu dasar yang betul. Apa yang harus dibuat ialah supaya proses ini dipanjangkan kepada semua Ahli Parlimen juga, satu rancangan khas diadakan untuk membolehkan mereka yang ada di sini dan Dewan Rakyat itu supaya bersama-sama meningkatkan lagi kebolehan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah.

12.43 tgh.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya ikut sama menyokong Rang Undang-undang 6/2005 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Menteri hal ehwal Parlimen, sukalah saya pada awal-awalnya lagi mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T yang telah menambahkan rezeki kita dan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pemimpin-pemimpin kita terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang tahu kedudukan walaupun kedudukan itu tidak ditunjukkan secara rasminya oleh Ahli-ahli Parlimen, tetapi pernah disebut di mana-mana kepada kedua-dua orang pemimpin ini dan mereka faham.

Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Menteri yang telah memberikan penerangan yang jelas kepada kita terutama apa yang disebut bahawa rang undang-undang yang dibentang merupakan satu *consequential* dalam erti kata lanjutan ataupun susulan kepada apa yang berlaku sebelum itu. Dalam hal ini, ertinya, Tuan Yang di-Pertua, kalau setiap dua tahun difikirkan perlu pegawai-pegawai kerajaan diberi kenaikan gaji, maka Ahli-ahli Dewan atau Ahli-ahli Parlimen juga tidak ketinggalan.

Ertinya dari segi ini kiat merasakan bahawa ini satu perkara yang sangat baik. Tetapi dari segi yang lain pula, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya nampak

pertimbangan seharusnya diberi khusus kepada Ahli-ahli Parlimen sebab tugas mereka adalah berlainan. Jadi itulah timbulnya, maka kita diberi tanpa memohon atau tanpa meminta dan dalam hal ini pula saya tidak nampak ada pilihan bagi kita untuk tidak menerima, bukan menolak, tetapi untuk tidak menerima.

Jadi alangkah baiknya seperti yang saya katakan tadi, kalau satu pertimbangan yang khusus tentang kenaikan elaun atau kenaikan gaji ini diberi kepada Ahli-ahli Parlimen berdasarkan kepada tugas-tugas mereka atau masalah-masalah mereka, mungkin barangkali bukan setiap dua tahun sekali, satu penggal sekali ataupun bila-bila masa yang difikirkan munasabah memandang kepada keperluan-keperluan dan usaha-usaha untuk memartabatkan mereka yang saya nampak terpaksa dibuat.

Sama ada ini mesti disokong oleh satu akta yang sudah tiada lagi, apa yang dipanggil *Parliamentary Services Act* tadi ataupun boleh dibuat dengan cara-cara yang lain. Dan saya tidak bermaksud bahawa Ahli Parlimen ini, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mestilah dipandang sebagai satu kumpulan yang terasing daripada kumpulan-kumpulan yang lain sehingga timbul anggapan bahawa kita ini satu kumpulan yang istimewa dan mungkin kerana itu dapat dipandang sebagai satu kumpulan *untouchable*, yang tidak boleh disentuh, yang tidak boleh diusik dan sebagainya, sedangkan kita ini tidak lain dan tidak bukan hamba rakyat sebenarnya. Cuma berbeza dan sahabat-sahabat kita di Dewan Rakyat, kita tidak dipilih melalui pilihan raya. Jadi itu saya nampak satu perkara yang penting.

Perkara yang kedua saya menyokong cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh sahabat-sahabat kita terutama sekali apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin berhubung dengan kemudahan-kemudahan, layanan-layanan dan sebagainya itu yang sekira-kiranya perlu untuk menjaga kedudukan seorang Ahli Parlimen, khususnya seorang Senator. Dan saya rasa perkara yang seumpama ini tepat pada masanya kerana kebetulan kali ini, penggal ini kita mempunyai seorang menteri yang dilantik untuk menjaga hal ehwal Parlimen.

Jadi saya percaya mendengar saranan-saranan dan permintaan-permintaan tadi, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri, saya minta maaf, saya mengharapkan Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri tidak akan menolak dan saya rasa berpuas hati dan senang hati kalau Yang Berhormat Dato' boleh mengatakan bahawa cukup

“akan diteliti”, cukuplah bagi saya kali ini tetapi jangan sekali-kali menolak Yang Berhormat Dato’.

Tentang kemudahan ini, saya suka mengambil satu contoh yang dibuat di negeri Terengganu untuk Ahli-ahli Dewan, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri biasa diberikan satu peruntukan untuk membuka pejabat dengan seorang pembantu, PA dan seorang kerani dan kemudahan-kemudahan yang saya rasa sekira-kiranya peruntukan diperlukan sebulan lebih kurang RM5,000.

Saya kurang arif sama ada kemudahan yang sama telah sebenarnya diberikan kepada sahabat-sahabat kita Wakil Rakyat, Ahli Dewan Rakyat itu untuk membuka pejabat masing-masing. Kalau ada, saya rasa moleklah kalau boleh kemudahan-kemudahan ini diperpanjangkan kepada Ahli-ahli Dewan Negara tetapi kalau tidak ada saya rasa sampai masanya kerajaan memberi pertimbangan untuk membolehkan seorang Ahli Parlimen sama ada Senator ataupun Wakil Rakyat membuka pejabat mereka.

Saya percaya dan semua kita percaya bahawa tugas kita bukan bermula di sini, tidak berakhir di sini tetapi sebenarnya tugas kita bermula di luar Dewan dengan khidmat-khidmat kita kepada orang ramai, walaupun kita tidak boleh secara praktikal mengatakan kita mempunyai pengundi tetapi kita sebenarnya ditugaskan juga untuk memberi khidmat kepada orang-orang dalam kawasan kita, terutama sekali barangkali sebahagian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator merupakan bekas-bekas Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Parlimen dan masing-masing mempunyai hubungan dengan bekas-bekas pengundi mereka.

Dengan itu, saya percaya khidmat kita sebagai seorang Senator dan sebagai seorang Yang Berhormat boleh kita laksanakan sebaik-baiknya dan ini barangkali mungkin lebih kepada sayalah, saya minta maaf. Bukan saya tidak menghargai, bukan tidak bersyukur kepada apa yang diberi sebanyak 10% ini, cukup bersyukur tetapi saya rasa kalau untuk sementara ini diberi kemudahan-kemudahan untuk kita memberi khidmat yang baik di kawasan kita mungkin pejabat dan sebagainya, ini lebih munasabah Senator Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya cuma hendak tanya sedikit, Ahli-ahli Dewan Negara walaupun tidak dipilih oleh rakyat sebagaimana Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri ataupun Ahli-ahli Dewan Rakyat, adakah mereka ini masih dikunjungi oleh seperti orang-orang kampung, pengundi-pengundi dan sebagainya untuk mengemukakan masalah-masalah kepada Ahli-ahli Dewan Negara. Ada ataupun tidak?

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Banyak, termasuklah minta bantuan-bantuan dan sebagainya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, sebab itu seperti yang disebut oleh sahabat saya Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir tadi, peruntukkan yang diberi sebanyak RM150,000 untuk satu penggal itu elok kalau boleh ditambah menjadi RM300,000, ertinya keperluan itu.

Kita masih dikunjungi sebab itu saya katakan terutama sekali Senator-senator yang pernah menjadi Wakil Rakyat yang ada bekas-bekas pengundinya, bekas-bekas pengundi datang lagi berjumpa bekas-bekas Wakil Rakyat dia. Jadi, perjumpaan itu bukanlah sekadar perjumpaan berkenalan, menyambungkan silaturahim yang hampir-hampir putus tetapi tidak sebenarnya, masalah-masalah politik, masalah-masalah yang perlu di atasi masih ada di situ.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih, Yang Berhormat Senator di atas laluan yang diberi. Menyentuh perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi yang dikaitkan dengan peranan menteri di Parlimen dan kita pun telah nampak akan kehebatan, akan kebolehan, akan pentingnya seorang menteri yang menjaga Parlimen dan telah terbukti di atas kegigihan, di atas prestasi yang telah ditunjukkan oleh Yang Berhormat Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz yang telah pun memberikan kita satu kekuatan baru.

Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat tentang dua perkara iaitu dari segi *continuity* dan kelangsungan proses kita sebagai badan perundangan, Dewan Rakyat dipilih lima tahun ataupun empat tahun lebih, satu penggal dan di Dewan Negara mengikut Perlembagaan, tiga tahun satu penggal. Di sini seolah-olah kita lihat ada satu kekangan atau satu tidak *continuity* dari segi proses untuk membuat undang-undang.

Apa pandangan Yang Berhormat andai kata penggal tiga tahun itu kita tidak tahu apa hikmah di sebaliknya, tiga, empat tahun.

Apa pandangan Yang Berhormat untuk memberi pandangan kepada Yang Berhormat Menteri di Parlimen untuk mempertimbangkan penggal tiga tahun Ahli Senator dikaji semula mungkin boleh jadi empat tahun bagi memudahkan proses kelangsungan peranan Ahli Dewan Negara di bahagian dengan rakyat supaya ianya selaras dengan peranan Ahli Dewan Rakyat di Dewan Rakyat. Terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sekadar pandangan kepada apa yang ditanya tadi. Saya rasa kedua-duanya ada baik, ada hikmahnya, yang tiga tahun itu pun barangkali satu percubaan kalau yang pertama kali dilantik, Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad baru sahaja disambung, untuk melihat sejauh mana selama tiga tahun, penggal yang pertama itu Senator itu berkelakuan, Senator itu berkhidmat dan sebagainya.

Mungkin kerana khidmat-khidmat dan kelakuan yang baik, maka boleh pihak-pihak yang tertentu merekomenkan dia, dengan izin, supaya disambung lagi khidmat untuk penggal yang kedua. Terima kasih.

Satu lagi perkara, dari segi itu ertinya terputus-putus khidmat mungkin barangkali dari segi perundangan tidak begitu baik tetapi seperti yang pernah terjadi dalam sejarah Dewan Negara ini sendiri pernah satu masa dahulu kalau saya tidak salah, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bukan tiga tahun tetapi lebih daripada tiga tahun. Saya lupa sudah sama ada lima ataupun enam tahun itu ianya ini boleh dipertimbangkan masing-masing ada hikmahnya, masing-masing ada baik ada buruknya.

Mungkin barangkali kalau penggal kita panjang kita merasa dua, tiga tahun yang pertama merasa relax, kita rasa tidak perlu memberikan khidmat yang sebanyak-banyaknya, tidak perlu kita begitu komited tetapi apa yang saya perhatikan saya seorang yang baru, apa yang saya perhatikan, alhamdulillah, dari segi kehadiran, dari segi perbahasan, Ahli-ahli Dewan Negara menunjukkan komitmen yang tidak kurang, sebenarnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, seperti yang ditunjukkan oleh sahabat-sahabat kita di Dewan Rakyat.

Ini berbeza seperti yang pernah saya sebut di dalam Dewan sana terdiri daripada kebanyakan orang muda-muda. Saya tidak bercadang hendak.....

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Datin Paduka Jaya Partiban.

Datin Paduka Jaya Partiban: Terima kasih, Yang Berhormat kerana memberi laluan. Saya masih teringat pada suatu ketika dahulu, Ketua Pembangkang pernah berkata Ahli-ahli Dewan Negara adalah *dead wood*, dengan izin, tetapi saya rasa memandangkan kepada perkembangan baru-baru ini di mana perbahasan adalah lebih bermutu tinggi dan juga Ahli-ahli Dewan Negara meneliti dengan sedalam-dalamnya sesuatu bill yang dibentangkan, saya rasa mungkin pihak pembangkang dapat menukar fikiran mereka bahawa kita bukan *rubber stamp* atau *dead wood* lagi.

Dengan mengambil perhatian kepada hal itu, apa yang disarankan oleh Senator Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad tadi bahawa tiga tahun adalah terlalu pendek mungkin sebab dalam satu tahun kita ada tiga sesi sahaja, bermakna seorang Senator yang berkhidmat selama satu penggal hanya dapat mengikuti sembilan sesi sahaja, saya rasa itu adalah terlalu pendek. Apabila bersara nanti pencen dia hanya sebanyak RM800, itu adalah sedikit atas paras kemiskinan, mungkin pertimbangan perlu diberikan untuk melanjutkan lagi tempoh tiga tahun kepada empat tahun, terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih, Yang Berhormat, saya bersetuju. Nombor satu sahaja saya tidak bersetuju hendak dikatakan bahawa Senator ini atau Ahli Dewan Negara ini adalah *dead wood*, dengan izin, kepada pembangkang Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua di sini *dead wood*, di sana budak mentah-mentah. Dia sahaja yang betul dan seperti yang kita sedia maklum tidak ada yang kena, tidak ada yang molek, tidak ada yang betul kepada seorang pembangkang.

Walau bagaimanapun, kita masih memberi penghargaan termasuklah memberi elaun yang sedang kita timbangkan ini, walaupun kepada pembangkang.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tetapi kalau beri kenaikan elaun dia terima.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Dia terima, walaupun dia juga *dead wood*, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya

hendak sebut secara khusus dua perkara berhubung dengan satu daripada apa yang disebutkan oleh Datin Paduka Jaya Partiban iaitu berhubung dengan pencen.

Yang pertama, saya rasa tidak sangat ada hubungannya dengan kita dengan Ahli Dewan Negara *gratuity* atau ganjaran yang dibayar kepada seorang ahli, termasuklah Ahli Dewan Undangan Negeri juga saya rasa Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat pun tahu di dasarkan kepada *gratuity* ini, ganjaran, separuh daripada gaji akhir di kali dengan enam tahun ataupun 72 bulan, walaupun seorang Ahli Dewan Negara atau seorang Ahli Dewan Undangan Negeri berkhidmat lebih daripada 20 tahun tetapi yang diberi *gratuity* akhirnya selama enam tahun ataupun 72 bulan sahaja.

Berbalik kepada apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Jaya Puan Jaya tadi, saya rasa molek kalau boleh perkiraan pencen untuk Ahli Dewan Negara ini diberi tidak kurang daripada separuh, walaupun khidmatnya hanya tiga tahun sahaja kerana kemungkinan besar setengah-setengahnya oleh kerana desakan parti dan sebagainya dia hanya berikan berkhidmat sebagai seorang Ahli Dewan Negara selama tiga tahun sahaja, ertinya khidmatnya itu tidak disambung.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah kemungkinan-kemungkinan untuk kita beri ganjaran, walaupun tidak setimpal tetapi tidaklah sangat membayangkan bahawa tidak menghargai kita kepada khidmat mereka walaupun khidmatnya itu dalam jangka waktu yang pendek.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat maaf saya terpaksa mengganggu.....

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua:kerana masa mesyuarat sudah cukup.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Ini saya hendak habiskan, Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua menghormati waktu dengan ini saya sekali lagi menyatakan menyokong dengan penuh kesyukuran dan terima kasih apa yang dibentangkan untuk saraan Ahli Dewan Rakyat. Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah. Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah bukan sahaja Ahli Dewan Negara

yang baru tetapi beliau telah pun enam penggal berada dalam Ahli Dewan Undangan Negeri. Terima kasih, Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat masa mesyuarat telah cukup, saya tangguhkan mesyuarat ke jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tadi telah pun selesai berhujah dan bolehkah saya dapat tahu berapa orang lagi Ahli Yang Berhormat hendak berucap?

Tuan Lee Sing Chooi: *[Bangun]*

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Satu, dua, dua ya? Terima kasih. Boleh saya tanya Yang Berhormat Menteri yang bercadang hendak menggulung pukul berapa?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, bagi menghormati pandangan daripada Yang Berhormat Ahli-ahli Senator, saya akan memakan masa satu jam jugalah untuk menjawab. Jadi kalau boleh sebaik sahaja dua orang Senator habis, saya hendak jawab. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat telah memaklumkan beliau akan mengambil masa satu jam untuk menjawab dan menggulung, maka dua lagi, jadi Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi dan selepas itu Yang Berhormat Tuan Wan Nordin bin Che Murat.

2.33 ptg.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan kerajaan untuk membentangkan pindaan bil ini, kalau kita tengok juga, elaun-elaun itu dinaikkan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh tentang apa yang dibahaskan tadi oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah dan juga yang dibangkitkan oleh rakan-rakan juga Yang Berhormat Datin Paduka Jaya Partiban berkenaan dengan elaun Ahli Dewan. Kita sudah nampak dan juga kita telah saksikan prestasi Dewan Negara

dan kualiti-kualiti perbahasan Dewan Negara dan juga usaha-usaha serta apa yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat Senator. Saya ingat, prestasi dan kualiti itu kalau tidak setanding dengan Dewan Rakyat mungkin dekat situ sumbangan-sumbangan Ahli Dewan Negara. Kita sekarang ini mendapati ada jurang elaun bulanan Ahli Dewan Negara dengan Ahli Dewan Rakyat. Saya mintalah, lain kali boleh dipertimbangkan bahawa elaun bulanan itu boleh setanding dengan Dewan Rakyat atau jurang itu boleh dikecilkan kerana sumbangan dalam perundangan, tugas-tugas yang diuruskan oleh Senator juga adalah satu yang mustahak, Tuan Yang di-Pertua. Prestasi-prestasi dan kualiti-kualiti penglibatan Ahli-ahli Dewan itu juga telah kita saksikan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tambahan elaun kali ini yang dipinda maka harapan orang ramai ke atas Ahli-ahli Dewan dan Ahli-Ahli Parlimen dan juga anggota pentadbiran akan meningkat. Sudah naik gaji, yang prestasi itu dipertingkatkan atau tidak? Orang ramai akan bertanya. Kalau naik gaji, perkhidmatan itu ada atau tidak meningkat? Itu adalah *expectation* orang ramai Tuan Yang di-Pertua. Sebagai Ahli Dewan dan juga Ahli Parlimen, maka kemartabatan Parlimen adalah satu tugas setiap Ahli Dewan untuk kita memperjuangkan supaya kualiti itu dapat dipertingkatkan lagi dan juga proses dalam urusan-urusan Dewan juga adalah lebih berkesan dan lebih berkualiti. Itulah apa yang diharapkan oleh orang ramai, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau kita tengok, kita ada Wawasan 2020 dan negara kita akan menjadi satu negara yang maju. Maka, kalau kita ada, *what do we have that air in mind* Tuan Yang di-Pertua? Dengan izin. Kalau sampai Wawasan 2020, macam mana kita hendak tengok prestasi Parlimen? Peranan Parlimen itu, macam mana hendak dibuat dan juga kemartabatan Parlimen itu sampai Wawasan 2020 – *what is our target?* Apa yang kita hendak tonjolkan? Itulah yang patut kita hendak fikir dan juga supaya kita dapat mempertingkatkan lagi apa-apa yang kita buat – urusan kita, peranan kita, prestasi kita, Tuan Yang di-Pertua. Inilah prestasi kita dan tanggungjawab kita...

Puan Siti Zailah Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat tentang usaha kita untuk mempertingkatkan lagi tentang kualiti ahli-ahli kita. Cuma apa pandangan Yang Berhormat, dari segi penguasaan bahasa Melayu terutama di kalangan Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen kadang-kadang jawapan

yang diberi, kita tidak jelas kerana penguasaan bahasa yang kurang baik. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat tentang isu ini?

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, seseorang itu ada sikap *continuous improvement* – satu sikap yang kita belajar sehingga hujung hayat kita, bukan sahaja berkait dengan bahasa sahaja, kesemua skop itu. Kalau kita hendak pertingkatkan sesuatu prestasi maka setiap bidang bahasa kita kena pertingkatkan, kita belajar – *continuous improvement* Tuan Yang di-Pertua dengan izin, begitu juga kalau kita hendak tengok R&D cukup atau tidak cukup, kita juga patut pertingkatkan semua bidang; satu bidang sahaja tidak cukup. Tetapi semua bidang perlu juga dipertingkatkan supaya prestasi itu boleh setaraf dengan negara-negara yang maju Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab Ahli Parlimen yang selalunya dinasihatkan oleh Tuan Yang di-Pertua *check and balance, accountability*. Maka, selalulah kita berada di Dewan ini meminta penjelasan semoga kita.....

Tuan Yang di-Pertua: Boleh saya ganggu sebentar dan saya tambah. Sekali lagi saya baca cabutan daripada muka surat 615, *Malaysia Year Book 1964*, 41 tahun dahulu. Mungkin dia lebih lama daripada ada seorang dua Ahli Yang Berhormat, yang ada di sini. Ia berbunyi, "*the main function of the Upper House is perhaps best described as that of an auditor which examines in detail or the legislative activities of the Lower House with a view to improving legislation enacted by the latter*" supaya mengekalkan keluhuran undang-undang yang diluluskan. Maka itulah, *the main function of the Upper House* dengan izin. Terima kasih.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih. Ya, petikan itu, yang pada masa itu saya hanya dua tahun, berumur dua tahun sahaja Tuan Yang di-Pertua. Ya, petikan itu begitu tepatnya fungsi Dewan Negara yang mana kita mengauditkan sesuatu yang *legislative* dibuat di Dewan Rakyat. Maka di sini, kita hendak audit dengan begitu *detail*, terperinci Tuan Yang di-Pertua, yang disebutkan itu. Saya berpendapat itu fungsi dan begitu tepatnya. Kita juga sudah lihat kebelakangan ini, Dewan Negara juga menjalankan fungsi yang dihasratkan pada masa 1954 masa itu.

Tuan Yang di-Pertua: 64.

Tuan Lee Sing Chooi: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: 64.

Tuan Lee Sing Chooi: Ooh 64, sorry. Tuan Yang di-Pertua, masa itu saya sudah besar sikit. *[Ketawa] [Dewan gamat seketika]* Dengan *accountability* dan juga kita mesti mengkaji dengan sedalam-dalamnya apa yang dibentangkan itu, apa yang dihasratkan dan juga harapan rakyat kita dan juga orang-orang yang memberi sokongan kepada kita, supaya kita buat kerja kita. Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan soal jawab, teguran-teguran dan juga.....

Tuan Yang di-Pertua: Bila kita sudah buat kerja kita, mengambil *quote* daripada Yang Berhormat, adakah bermakna ada keadaan siapa menang, siapa kalah? Adakah konteks siapa menang, siapa kalah atau ini semata-mata demi kebaikan negara kita sama-sama.

Tuan Lee Sing Chooi: Saya setuju. Jadi, semua perkara yang kita hendak bentangkan itu, individual menangkah, kita kira *win*, semua *win* Tuan Yang di-Pertua. Yang utamanya, keutamaan dan kepentingan negara dan rakyat dipelihara. *The nation must be, the people must be* dan kita individual itu sangat tidak berapa *particular* Tuan Yang di-Pertua. Yang mustahak itu, apa yang dibentangkan, apa yang diluluskan, apa yang disokongkan, apa yang dibuat itu, kepentingan negara, kepentingan rakyatnya mesti dijaga. Tuan Yang di-Pertua, dengan.....

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanyalah pandangan Yang Berhormat Tuan Lee. Bila kata ada tidak persamaan dari segi saraan yang diberikan di antara Dewan Rakyat, Dewan Negara. Padahal, apabila saya dengar apa yang dibacakan oleh Tuan Yang di-Pertua itu, menunjukkan bahawa begitu pentingnya kedudukan Ahli Dewan Negara untuk menentukan apa sahaja yang diluluskan dalam Dewan Rakyat itu memerlukan satu kerja yang *detail* supaya undang-undang yang diluluskan di sini tidak ada lagilah. *This is* dengan izin Tuan Yang di-Pertua *check and balance*. Maknanya, kalau sudah diluluskan dalam Dewan Rakyat, kita di sini adalah tempat yang terakhir sebelum diluluskan. Sebab itu, kita kena ada secara *detailnya*. Tetapi bila kita tengok apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Lee ini, kerajaan sendiri nampaknya

membezakan, dari segi saraan pun dia bezakan di antara Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Apa yang diterima oleh Dewan Negara agak rendah daripada Dewan Rakyat. Apakah sebab yang menimbulkan perkara ini berlaku? Apakah oleh kerana kadang-kadang persidangan yang diadakan di Dewan Rakyat itu begitu panjang, mengambil masa yang lebih panjang daripada perbahasan yang diadakan di sini atau benar apa yang dahulu orang kata, bahawa Dewan Negara ini hanyalah merupakan satu *rubber stamp*? Itulah sebabnya saya hendak tanya kepada Yang Berhormat.

Mengapa tidak sekurang-kurangnya diberikan penghargaan kepada Ahli-ahli Dewan Negara ini, sekurang-kurangnya sama kalau tidak pun lebih. Walaupun dalam Perlembagaan kita, sistem Parlimen ini, Dewan Negara itu merupakan *the Upper House*. Dewan Rakyat itu dewan wakil rakyat, *representative* daripada rakyat. Dan cuba kita lihat dari segi elaun yang kita terima. Saya hendak tanya kerajaan, mengapa tidak diberikan *consideration* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, supaya apa yang kita terima itu menjadikan ianya satu elaun yang tidak kena tax, *non-taxable allowance*. Mengapa tidak kerajaan lihat ini sebagai salah satu daripada cara untuk sekurang-kurangnya memberikan sedikit *recognition* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Ini saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Tuan Lee, apakah bersetuju dengan pandangan yang saya berikan. Terima kasih.

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Presiden saya, di Kelab Senator, Yang Berhormat Senator Dato' Hamzah. Saya bersetuju apa yang diperkatakan itu. Pada mula-mulanya saya juga Tuan Yang di-Pertua, mencadangkan kerana prestasi Dewan Negara sudah berubah dan juga fungsi yang dimainkan itu sudah dikenal pasti dan juga kita *recognize* Tuan Yang di-Pertua bahawa, bolehkah kerajaan mempertimbangkan supaya elaun itu boleh setanding dengan apa yang dinikmati oleh Ahli Dewan Rakyat atau jurangnya dikurangkan kerana kita tadi sudah cakap, *accountability check and balance* dan kita kena kaji dengan sedalam-dalamnya apa yang dibentangkan dan diluluskan di Dewan Rakyat itu dan Dewan Negara, maka kita kena audit dengan terperinci Tuan Yang di-Pertua. Dalam bahasa Inggeris itu Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Sebab gaji saya pun terlibat di sini, saya ingat saya ada hak sikit untuk sampuk.

Tuan Lee Sing Chooi: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Saya bimbang terhadap saranan Yang Berhormat Dato' Hamzah tadi kerana *tax structure* perlu *equitable* dan *egalitarian*.

Kalau tidak kewibawaan pemerintah akan terjejas di sisi kaca mata rakyat. *Tax structure* perlu *equitable* dan *egalitarian*. Kalau kita minta dikecualikan dari cukai, seolah-olah kita orang tuduh teringin hendak jadi macam raja-raja pula, tidak mahu kena cukai. *So, we are against* daripada *principle of equity and of being egalitarian*. Jadi itulah *reservation* saya.

Seorang Ahli: Minta laluan.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Boleh minta laluan? Saya bersetuju bahawa apa Tuan Yang di-Pertua cakap tadi. Tetapi cuba kita lihat bahawa saya dengar perbahasan yang dibawa oleh rakan-rakan dalam Dewan ini dan juga perbahasan rakan-rakan di dalam Dewan Rakyat yang mengatakan bahawa elaun yang mereka dapat ini sebenarnya dipergunakan untuk tanggungjawab mereka di kawasan masing-masing kerana dalam Dewan ini juga ramai di kalangan mereka adalah merupakan ahli politik yang berkecimpung dengan rakyat di bawah sana. Walaupun dari segi keseluruhannya apa yang Tuan Yang di-Pertua kata tadi bahawa kita adalah merupakan *auditor* kepada apa yang dibawa oleh Dewan Rakyat. Itu dari segi perundangannya. Tetapi hakikatnya bahawa kita juga merupakan ahli politik yang bersama dengan rakyat di bawah sana. Jadi, kadang-kadang apa yang mereka dapat bukan hanya tidak boleh mereka ambil, tetapi akhirnya membebankan. Katalah dia kena bayar *tax* 30% dan katalah *income* yang di dapat RM120,000, kalau 30% maknanya RM360,000.

Tuan Yang di-Pertua: Ringkasnya sudah masalah tidak boleh makan, kena bayar cukai pula.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Kena bayar cukai lagi. Itu ringkasnya seperti yang Tuan Yang di-Pertua kata. Itu yang saya tengok. Maknanya bukan hanya kita bagi *donation* kepada rakyat di bawah sana, tetapi juga kita *donate* kepada kerajaan walaupun apa yang Tuan Yang di-Pertua cakap tadi bahawa dari segi perundangannya sini agak... yalah susah kerana kita tidak mahu letakkan kita ini sama dengan mereka

yang diberikan keutamaannya seperti yang raja-raja seperti yang Tuan Yang di-Pertua kata. Tetapi hanya elaun yang diberikan ini dianggap sebagai satu cara untuk membantu ahli-ahli Dewan sama ada Dewan Rakyat atau Dewan Negara untuk membantu mereka dalam menjalankan tugas, bukan hanya dalam Dewan, tetapi juga bersama dengan rakyat di bawah sana. Itu pandangan saya. Bagaimana dengan Yang Berhormat Senator Lee?

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan elaun dan juga gaji yang disebutkan tadi, maka kalau pada pengetahuan saya elaun bulanan itu adalah tambah cukai bagi Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara. Gaji anggota yang lain seperti anggota pentadbir itu mungkin kena cukai. Yang sini saya hendak sentuh, berkenaan dengan elaun itu. Apakah yang itu boleh disetandingkan dan juga jurang itu dikecilkan. *Position* Tuan Yang di-Pertua dan lebih senior dan juga Timbalan Tuan Yang di-Pertua di *Senate* yang protokol itu lebih senior juga dapat dikaji.

Tuan Tan Bon You: Minta laluan. Terima kasih. Tadi Yang Berhormat ada sentuh berkenaan dengan kualiti dan tahap perbahasan ataupun katanya Dewan Negara tidak merupakan satu tempat ataupun setanding dengan Dewan Rakyat. Apakah pandangan Yang Berhormat yang ada seorang pembangkang katakan Dewan Negara tidak merupakan satu tempat untuk menggulung, *they have not and they have been* persepsi itu. Apakah pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, persepsi-persepsi yang lama, yang lapuk itu mungkin sekarang patut ditukarkan. Ia ditukarkan kerana kita sudah nampak prestasi-prestasi dan Dewan Negara sebagai satu badan untuk mengauditkan apa yang dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan Rakyat. Sejak kebelakangan ini sudah menunjukkan peningkatan kualiti ahli Dewan Negara Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Mohon laluan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Saya tidak berani bercakap kalau Tuan Yang di-Pertua tidak mengatakan 'silakan' tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya menghargai Yang Berhormat begitu prihatin terhadap Peraturan Mesyuarat. Jangan masa ini sahajalah.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menanyakan kepada Yang Berhormat, Tuan Lee adakah Yang Berhormat setuju apa yang dikatakan oleh setengah-setengah pihak, bahawa fungsi Dewan Negara ini tidak berapa terserlah, malahan mereka mengatakan bahawa Ahli Dewan Negara yang ada hari ini adalah hanya memenuhi kuota ataupun lebih kepada orang yang kecewa kerana tidak diberi peluang untuk bertanding dalam pilihan raya umum ataupun, banyak atau ini, sebenarnya ramai orang tidak hendak jawatan Senator ini. Maknanya jawatan macam jawatan orang pencen, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah.

Tuan Yang di-Pertua: Suatu yang diungkapkan oleh Yang Berhormat tadi '*has been and has not*' ya Yang Berhormat?

Tuan Tan Bon You: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasihlah kepada Yang Berhormat sahabat saya. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin *the facts speak louder than a perception*. Dengan fakta-fakta yang ada kebelakangan ini maka itulah sudah tunjuk prestasi, kualitinya Dewan Negara, Tuan Yang di-Pertua. Itu adalah fakta sudah cukup menunjukkan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Hamzah bin Zainudin: Saya minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih saya...

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum itu, sebab bagi kita membantu Yang Berhormat Menteri supaya beliau dapat agak bila beliau hendak menjawab dan menggulung. Yang Berhormat akan mengambil masa berapa lama lagi?

Tuan Lee Sing Chooi: Mungkin 15 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak ada gangguan 15 minit? Yang Berhormat 25 minit. Bermakna kita benarkan gangguan 15 minit. 10 minit saya rasa kalau Yang Berhormat Menteri bersedia beliau menjawab pukul 3.40? Adakah Yang Berhormat sedia untuk menjawab pada pukul 3.40?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya menjawab 3.40 bermakna saya punya jawapan kena pendeklah yang saya fikir ini tidak akan memuaskan Ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sudah isyarat Yang Berhormat tolong pendekkan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi saya hendak jawab semua sebenarnya. Oleh kerana itu saya perlu masa. Kalau Yang Berhormat Senator bercakap dua jam. Saya ingat tidak adil bagi mereka kalau saya jawab dalam 15 minit. Saya perlu masa untuk menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi bolehkah Yang Berhormat pendekkan ucapan dan kurangkan gangguan, terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Hari ini gangguan yang terakhir Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Kita awal tadi Yang Berhormat Menteri minta, pagi-pagi tadi kata kita bersetuju di atas usul Yang Berhormat Menteri bahawa kita hari ini selagi tidak habis kita boleh tunggu dalam Dewan ini. Jadi Yang Berhormat Menteri, *don't worry* kita akan tunggu Yang Berhormat. Yes, kita tunggu Yang Berhormat. Itu permintaan saya Tuan Yang di-Pertua. Walau bagaimanapun, I *think* insya-Allah 3.40 itu habis kot.

Pandangan saya bila Yang Berhormat Senator Tuan Lee Sing Chooi berkata, fakta menyatakan bahawa kita hari telah pun membuktikan kepada rakyat bahawa Dewan Negara ini begitu relevan sekali. Saya takut kadang-kadang kita sendiri syok sendiri dalam Dewan ini, *[Ketawa]* orang luar Dewan tidak kata pun macam itu.

Jadi, saya hendak tanya ini soalnya bukan hanya tuju kepada Yang Berhormat Senator Tuan Lee Sing Chooi tetapi apakah wakil kerajaan, Yang Berhormat Dato' Nazri sendiri selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga Parlimen ini benar-benar sama dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Lee Sing Chooi tadi. Saya mintalah Yang Berhormat Senator Tuan Lee Sing Chooi supaya kalau boleh pandangan kita ini adalah pandangan yang menyatakan kita cuba untuk mempertingkatkan mutu perbahasan, mutu perbincangan untuk benar-benar membuktikan bahawa yang Ahli-ahli Dewan Negara itu relevan. Itu pandangan saya, Yang Berhormat macam mana? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, jangan benarkan lagi gangguanlah.

Tuan Lee Sing Chooi: *[Ketawa]* Saya cuba, saya setuju iaitu kita akan menilaikan apa yang kita diri sendiri dan juga penilaian yang di luar, kita akan ambil kira dua-dua itu. Tuan Yang di-Pertua, fungsi dan peranan Dewan Negara untuk

mengauditkan apa yang dibentangkan dan diluluskan di Dewan Rakyat dan dibentangkan di sini, maka kita kena kaji dengan sedalam-dalamnya dan dengan apa yang disebutkan oleh orang putih, *no stone left unturn*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Boleh guna, *no stone left unturn*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bila kita hendak *turn* batu-batu itu, dan kena kaki sendiri juga, apabila kita hendak pusing tengok itu, tengok itu maka *check*, hendak auditkan itu,

Tuan Yang di-Pertua, dapat ini okey. Satu lagi okey, mungkin ada sedikit kebocoran kita juga sumbatkan kebocoran itu maka kita gunakan pada masa dahulu itu perkataan manusia untuk menyumbatkan dan menjadikan ia lebih sempurna dengan keauditan Dewan Negara, Tuan Yang di-Pertua. Kita juga memusingkan batu itu dan lain juga kita nampak dan ini juga mungkin kena *overhaul*, Tuan Yang di-Pertua, *overhaul* mesti kita tarik balik dan dikaji semula supaya disempurnakan lagi. Kita juga apabila tengok satu lagi mungkin ada kecacatan atau tidak, selepas muafakat mungkin kita setuju dan sokong kerana dengan kepentingan negara dan kepentingan rakyat itu dikira dan semua itu dibuat dengan hati yang jujur supaya peranan Dewan Negara itu dapat dipertingkatkan lagi prestasinya.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga menjalani fungsinya *check and balance* dan *accountability* dan ini adalah satu proses kemartabatan Parlimen dan ini akan berterusan. Kita kalau ada Wawasan 2020, apa yang kita hendak *add in mind* maka satu proses perundangan dan proses Dewan supaya kita dapat pertingkatkan lagi. Kita tengok negara maju macam mana mereka buat dan mereka juga membentangkan rang undang-undang mereka oleh Ahli Dewan itu di Parlimen. Maka ini adalah satu lagi peringkat yang kita hendak menunjukkan, Tuan Yang di-Pertua, dengan harapan dan juga ekspektasi orang ramai bahawa peningkatan itu perlu dilakukan kalau ini adalah hala tuju kita dan tidak adalah apa yang kita hendak buat itu.

Maka saya di sini mencadangkan supaya setiap Ahli Dewan itu dan Parlimen diberi satu seorang pembantu penyelidik supaya kualitinya dan perbahasannya dan kualiti penyelidikannya itu boleh dipertingkatkan supaya perkhidmatannya boleh juga dipertingkatkan dengan menuju Wawasan 2020 itu kita boleh meningkatkan prestasi Parlimen, Tuan Yang di-Pertua.

Inilah cadangan saya berkenaan untuk memperkasakan Parlimen dan memartabatkan Parlimen yang tadi rakan-rakan saya sudah sentuh, satu lagi berkenaan dengan Parlimen di mana Parliamentary Service Act yang disebut oleh Yang Berhormat Ismail Kassim dan juga tadi oleh Yang Berhormat Dato' Hamzah dan juga.....

Tuan Yang di-Pertua: Kalau *points* atau perkara-perkara yang sudah disebut mungkin tidak perlu disebut berulang kali.

Tuan Lee Sing Chooi: Ya, ya. Saya hendak buat satu cadangan yang khas dan yang khusus dengan itu maka sekarang itu kita hendak pertingkatkan lagi yang *the next stage* itu bolehlah kita hendak tengok balik akta ini, maka saya cadangkan di sini dengan khususnya bahawa satu jawatankuasa di tubuh oleh Dewan yang mengandungi Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat dan mempunyai dua fungsi serta dua objektif.

- (i) *feasibility* juga menengok macam mana bolehkah mengembalikan akta ini dalam dasarnya atau bolehkah akta ini boleh di hidup balik dengan kemas kini;
- (ii) *feasibility* Ahli Parlimen yang mengemaskinikan akta ini dengan sendiri dan bantangkan akta ini di Dewan, di Parlimen sendiri bahawa ini adalah satu sejarah bahawa Ahli Dewan membentangkan bahawa mereka itu apa yang bersangkutan-paut dengan perkara-perkara Parlimen itu dibentangkan oleh Ahli Parlimen.

Kedua-dua *feasibility* dengan pembentukan satu jawatankuasa dan juga saya meminta ini sebagai satu pertimbangan dalam usaha kita menuju ke Wawasan 2020, meningkatkan prestasi Parlimen ke satu tahap yang lebih tinggi lagi, Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong pindaan ini, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Wan Nordin bin Che Murat.

3.08 ptg.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil keputusan ini mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan bagi kita membahaskan suatu akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2005.

Tuan Yang di-Pertua, kita merapatkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan keizinannya maka terbuka pintu hati kepimpinan negara untuk melihat atau memberi kita ganjaran yang setimpal daripada pandangan kepimpinan untuk dinaikkan elaun untuk Ahli-ahli Parlimen termasuklah Ahli Dewan Negara. Tuan-tuan dan puan-puan sifat amal makruf yang diamalkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalannya yang sentiasa melihat kebajikan Ahli-ahli Parlimen amat terpuji dan kita mengucapkan ribuan terima kasih di atas pemikiran Yang Amat Berhormat dan Kabinet untuk mencadangkan kenaikan ini.

Tuan-tuan dan puan-puan, semua orang setuju di atas kenaikan tetapi ada juga yang menyatakan tidak cukup dan ada yang menyatakan tidak mahu tetapi akhirnya dalam prinsip demokrasi ini majoriti akan membuat keputusan. Apa pun sekali keputusan yang dibuat ia akan menimbulkan satu persoalan apabila gaji naik, apakah peranan Ahli-ahli Dewan Negara akan bertambah mantap, dapat bekerja dengan lebih berkesan, apakah Ahli-ahli Dewan Negara akan bekerja dengan lebih bertanggungjawab. *This is the question of the accountability*, Tuan Yang di-Pertua.

Kita memuji sikap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila beliau mengambil alih teraju kepimpinan negara dengan mewujudkan beberapa kementerian tambahan yang dulu kementerian yang besar-besar diperbanyakkan kemudian adalah di atas usaha dan penelitian beliau supaya kementerian ini dapat meng*address* atau mengambil tindakan yang lebih terperinci supaya isu-isu yang bersabit dengan kementerian-kementerian dapat diambil tindakan oleh menteri-menteri dengan lebih berkesan lagi.

Penelitian, kecermatan beliau dalam membentuk itu maka wujudlah Menteri yang *handsome* di Parlimen ini Dato' Seri Mohamed Nazri Aziz. Kita berterima kasih kepada sidang Dewan ini sejak tertubuhnya dipertanggungjawabkan kepada Dato' Seri Nazri kita nampak banyak perubahan di Dewan Negara. Pertamanya, tuan-tuan saya hendak sebut di sini ialah tempat duduk kita pun berubah. Cuma ada kawan-kawan tanya

kenapa di Dewan Rakyat di belakangnya tinggi daripada Dewan Negara. Saya pun tak tahu hendak jawab, saya kata nantilah saya beritahu dalam kesempatan ini.

Begitu juga tuan-tuan dan puan-puan, kita mempunyai.....

Tuan Yang di-Pertua: Sebab Ahli Dewan Negara pendek-pendek semua...
[Ketawa]

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Tetapi Dato' Seri Nazri kata dia tak pendek, dia tinggi, dia *handsome* dan tinggi. Begitu juga dengan Tuan Yang di-Pertua pun tinggi.

Tuan-tuan dan puan-puan, saya kena sebut ini bukan kerana saya hendak memuji Tuan Yang di-Pertua, tetapi tuan-tuan dan puan-puan, *he has provide a very good leadership to the Dewan.* [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Dengan izin.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Ya, dengan izin. [ketawa]. Jadi tuan-tuan dan puan-puan, saya tidak boleh bubuh. banyak-banyak, nanti depa kata dok *jek* tetapi *this is fact*, ini satu kenyataan yang harus kita terima.

Begitu juga kadang-kadang soalan-soalan adalah sesetengah merungut, "Aku nak cakap je.....".

Datuk Jins Shamsudin: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua, laluan. Gangguan yang pertama dan terakhir. Okey, terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat, apakah pandangan Yang Berhormat sekiranya untuk mempertingkatkan lagi kewibawaan Ahli-ahli Dewan Negara membuat satu cadangan secara bertulis, setiap Ahli Dewan Negara membuat cadangan bertulis kepada Tuan Yang di-Pertua dan ditapis oleh Setiausaha Dewan bagi melihat kalau-kalau ada yang bertindih.

Dengan cadangan itu barangkali apa yang dicadangkan setiap Ahli Dewan Negara dapat dibincangkan dan dikemukakan kepada Menteri yang berkenaan. Terima kasih, apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih Datuk Jins. Saya ingat apa-apa cadangan ke arah untuk mempertingkatkan dan memperkasakan kedudukan Parlimen ini, kita patut setuju dan kita patut sokong. Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut ini kerana apabila kita mempunyai satu Kelab Senator, fungsinya sekurang-kurangnya kita dapat mengatur perbincangan isu-isu yang hendak kita

timbulkan dalam Dewan ini. Umpamanya kita wujudkan beberapa orang untuk membuat penyelidikan sebab itu tuan-tuan dan puan-puan, saya tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikeluarkan dalam *New Straits Times* yang mengatakan *symptom* menolak *bill* telah bermula di Dewan Negara ini. Kita tidak setuju sama sekali kerana apa tindakan yang kita buat ialah demi.....

Tuan Yang di-Pertua: Ungkapannya ialah "*withdrawal syndrome*".

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Ha, "*withdrawal syndrome*".

Tuan Yang di-Pertua: Seolah-olah Ahli-ahli Yang Berhormat ini penagih dadah belaka. *[Ketawa]*

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya marah itu. Tetapi Tuan Yang di-Pertua sudah tegur ini, tidak jadi marah sangatlah. Walau bagaimanapun

Tuan Yang di-Pertua: Itu pun mungkin tidak faham. "*Withdrawal syndrome*" tu ialah orang yang ketagih, bila berhenti dia menghadapi sengsara daripada *withdrawal* itu, orang itu sendiri. Ini orang lain yang bantah, orang lain yang tarik balik, itu pun "*withdrawal syndrome*". Akhbar ini pun tidak tahu makna "*withdrawal syndrome*" juga, dia hendak tulis akhbar. *[Ketawa]*

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit. Pembetulan, yang di akhbar itu "*withdrawal symptom*", bukan "*withdrawal syndrome*" Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya - *I stand corrected*. Terima kasih.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih atas apa pandangan, itulah kehebatan Tuan Yang di-Pertua kita. Kadangkala dia *guide* kita juga dalam perbincangan ini. Tuan-tuan dan puan-puan.

Tuan Yang di-Pertua: Salah itu Yang Berhormat, dalam Peraturan Mesyuarat saya tidak boleh berperanan memandu. *[Ketawa]*

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Menegur, menegur. Saya punya *point* pun dah berclaru dah ni Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Tetapi walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya hendak turut menyokong supaya kita perlihatkan semula *Parliamentary Services Act* yang dikemukakan, yang dimansuhkan pada suatu ketika dan kita minta supaya yang kita beri Dato' Nazri untuk

melihat semula, kerana kita berpendapat bahawa Parlimen ialah sepatutnya di luar..... Kita bercakap soal *separation of powers* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua supaya kita dapat memperkasa lagi keluhuran Parlimen, maka bidang isu-isu yang bersabit dengan perjalanan ini biarlah di bawah seliaan terus di bawah akta yang diwujudkan dalam Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali sebagai seorang Ahli Dewan Negara saya berterima kasih di atas kenaikan elaun-elaun dan imbuhan-imbuhan yang disebutkan di bawah Akta ini. Cuma saya hendak sebut, saya pun kadang-kadang... macam di Perlis, saya tidak tahu di tempat lain tetapi di Perlis, Ahli Dewan Negara ini dipanggil Yang Berhormat jadi orang Perlis kalau disebut Yang Berhormat ini dikira wakil rakyat. Bil elektrik kena potong di rumah pun, dia mai cari wakil rakyat.

Jadi Menteri Besar Perlis pula memang orang pemurah. Orang kena potong elektrik, orang hendak kahwin, semua dia sanggup tolong. Ini adalah kelebihan Menteri Besar Perlis. Oleh sebab itu, wakil-wakil rakyat pun yang duduk di bawah dia pun, kena lebih macam itu lah. Jadi terima kasih lah sebab elaun naik, bolehlah bil-bil elektrik yang kalau orang susah mai, dia kata, "*Tiada api, tiada air kena potong, tak bayar*", "*Duit yuran sekolah tak bayar*", Perlis bukan macam Kuala Lumpur tuan-tuan, kita tidak nampak, sana kita boleh nampak sendiri.

Oleh sebab itu kita berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana membawa usul ini, kalau boleh lebih daripada itu pun, insya-Allah, kita terima dengan syukur. Banyak yang menyokong bila sebut tang lebih tu. [*Ketawa*] Saya dok kata dah tadi. Ada juga yang tak mahu terima elaun yang lebih sebab depa takut komitmen.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, Ahli Dewan Negara yang ada dalam Dewan ini semua tidak takut kepada komitmen, sama-sama sanggup untuk membuktikan kepada masyarakat dan kepercayaan yang diberikan oleh kepimpinan negara untuk sama-sama terus mengorak langkah agar negara terus maju. Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong akta pindaan ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya sudah janjikan kepada Yang Berhormat bahawa hanya dua. Saya tanya tadi siapa yang hendak bercakap lagi. Silakan Yang Berhormat.

3.18 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya nak mengambil kesempatan yang di peringkat awal ini untuk mengucapkan setinggi tahniah dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara di mana tujuh daripada wakil mereka ini telah pun berucap, memberikan hujah-hujah yang bagi saya oleh sebab saya duduk daripada mula sampai habis, saya mendengar satu-persatu ucapan, hujah-hujah yang telah dibangkitkan dan saya lihat itu bahawa ia memang satu perbahasan yang mutunya tinggi, *very comprehensive* dan sememangnya relevan dengan apa yang dibahaskan dalam rang undang-undang ini. *[Ketawa]*

Jadi, saya berterima kasih jugalah kepada Yang Berhormat Senator Dato' Hamzah, dia kata dia akan tunggu. Sebenarnya tadi saya kata saya hendak sejam, tetapi sebenarnya dua jam Yang Berhormat jadi tunggulah. *[Ketawa]*

Walau bagaimanapun Yang Berhormat, saya di belakang Timbalan Menteri dia ada satu lagi rang undang-undang dan saya cubalah untuk memendekkan jawapan saya tapi saya bercadang, saya rasa agak rugi kalau sekiranya saya tidak memberi respons kepada setiap perkara yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat Dewan Negara.

Pertamanya, Yang Berhormat Dato' Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain. Saya tidak tahu dia mewakili parti ataupun IT kerana dia baru menjadi ahli IT saya difahamkan. ITM kah atau ITT? Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain telah membangkitkan berkenaan dengan perkara itu bahawa apa yang dilakukan oleh kita ini bagi Ahli-ahli Dewan Negara kenaikan itu adalah menyeluruh kepada semua.

Saya telah sebut dalam ucapan saya semalam kalau daripada segi pegawai kerajaan kenaikannya di antara 4% hingga 10% berdasarkan kepada prestasi pegawai-pegawai kerajaan. Tetapi kita merupakan kerajaan yang adil. Kita tidak mahulah untuk di kalangan Ahli Dewan Negara kita juga menilai kebolehan dan prestasi masing-masing kerana saya rasa kita terbuka untuk berbuat demikian saya ingat Yang Berhormat Senator Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff saya bagi kenaikan 4% sahaja sebab dia membangkitkan isu tetapi banyak merupakan fitnah dan sindiran. Jadi sebab itu

sebenarnya tidak layak dapat 10%. Tuan Hassan bin Haji Shukri tidak ada di sini tapi kita bagi dia 10% sebab Tuan Hassan bin Haji Shukri lain sedikit. Dia objektif.

Namun oleh kerana kerajaan yang adil kita bagi semua Yang Berhormat ya, tidak ada masalah. Kita bagi semua 10% tidak kira sama ada dia datang daripada pembangkang ataupun daripada kerajaan, yang penting kita berlaku adil kepada semua. Kita kerajaan yang mendengar dan kita menerima baiklah apa juga hujah-hujah yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan Negara termasuk daripada pembangkang.

Yang Berhormat Dato' Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain juga membangkitkan berkenaan dengan perkara peruntukan yang mana ramai Ahli Dewan Negara telah membangkitkan perkara ini iaitu berkenaan dengan meminta supaya peruntukan dinaikkan tidak RM100,000 untuk tiga tahun tetapi kalau boleh RM100,000 tiap-tiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya pernah menjadi Ahli Dewan Negara empat tahun, saya faham iaitu bahawa walaupun kita merupakan orang yang dilantik tetapi di peringkat akar umbi kita merupakan ketua-ketua parti politik kita. Namun setiap kampung yang kita datang pun mempunyai Ahli Parlimen. Jadi merupakan tanggungjawab Ahli Parlimen itu sebenarnya untuk memberikan bantuan kepada mereka yang berada di akar umbi. Jadi oleh kerana itulah kita tengok iaitu Ahli-ahli Dewan Rakyat diberikan RM500,000 dan Ahli Dewan Negara hanya RM100,000 bagi tiga tahun. Kalau kita bagi sama Yang Berhormat, maka apa yang akan berlaku ialah berlakunya ketidakadilan bagi kawasan-kawasan tertentu.

Sebagai contoh, sahabat dan adinda saya Yang Berhormat Senator Dato' Hamzah bin Zainudin, kalau kita beri dia RM500,000 bermakna Ipoh barat dapat RM1 juta sebab kawasannya ada Ahli Parlimen walaupun yang mewakilinya itu pembangkang tetapi peruntukan itu turun kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri turun juga kepada kawasan itu tetapi tidak melalui Ahli Parlimennya tetapi melalui Perdana Menteri sendiri. Begitu juga kalau kita lihat macam Yang Berhormat.....

Puan Siw Chun a/p Eam: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan boleh tidak?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti sekejap, nanti sekejap. Macam Yang Berhormat sahabat saya juga Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik, dia datang daripada Kuala Terengganu. Ahli Parlimennya Barisan

Nasional dapat RM500,000. Kemudian dia juga kita bagi RM500,000. Bermakna Kuala Terengganu dapat RM1 juta.

Jadi tidak adil kepada kawasan-kawasan yang lain yang mana dia tidak mempunyai senator daripada kalangan ahli-ahli politiknya. Jadi itulah yang utama sekali Yang Berhormat sebut kita mesti berlaku adil kepada semua. Oleh kerana akan berlaku keadaan yang tidak adil itulah kita fikirkan iaitu bahawa cukuplah setakat RM100,000, untuk tiga tahun, bermakna bagi kawasan itu kawasan yang mana ada Ahli Parlimen dan ada Senator mereka mempunyai kelebihan pada satu tahun itu jumlah RM30,000 lebih. Jadi itu tujuan sebenarnya. Bukan kerana tidak menghargai tanggungjawab yang dilakukan Ahli Dewan Negara. Saya juga Ahli Dewan Negara dahulu empat tahun, saya tahu tapi perkara ini akan berlaku tidak adil kepada kawasan-kawasan yang mana kalau ada senator dia dapat *extra* RM500,000 kalau kita bagi per year. Jadi itu asas mengapa kita tidak beri kepada Ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian Yang Berhormat Dato' Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain juga.....

Puan Siw Chun a/p Eam: Saya minta laluan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Kanda bagi saya.....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Boleh saya habiskan sekejap? Saya habis Dato' Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain ini dahulu lepas itu boleh. Sebab terganggu, fasal saya dah sebut tadi kalau tengah stim dia potong.....

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:marah orang. Jadi biar saya tengah dok stim ini biar saya jawab dahulu. Menjawab soalan Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain. Keduanya berkenaan dengan untuk menjadi Jawatankuasa Tindakan Daerah. Sebenarnya tindakan daerah ini untuk mewakili kawasan Parlimen di dalam daerah yang berkenaan. Kalau macam kawasan Parlimen saya Padang Rengas kita ada tiga Ahli Parlimen dalam daerah itu dan kita mewakili kawasan kita. Jadi kalau kita tambahkan lagi iaitu seorang senator duduk di dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah bermakna sekali lagi dari segi *participation* itu ada kawasan-kawasan lain yang kekurangan satu kawasan Parlimen itu kerana dalam kawasan Parlimennya tidak ada seorang ahli politik menjadi senator.

Ini juga akan berlaku ketidakseimbangan di mana kawasan Parlimen itu mempunyai dua wakil di dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah yang kadangkala mewakili parti yang sama, Barisan Nasional. Jadi bila mewakili parti yang sama bermakna kita bawa perkara yang sama. Sebab apa yang dibangkitkan oleh Ahli Barisan Nasional dalam kawasan tindakan daerah itu, itu juga akan dibangkit oleh senator. Jadi sebab itu daripada segi juga berlaku adil kepada sesetengah dan supaya tidak *redundant*, maka sebab itulah Ahli Dewan Negara, kita tidak memberikan mereka tempat dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah kerana dia menambahkan satu lagi orang dalam jawatankuasa itu yang mungkin kawasan Parlimen lain tidak ada. Mungkin tidak adil daripada segi pengagihan wakil dalam kawasan tindakan daerah itu.

Jadi ini merupakan perkara yang telah pun difikirkan dan kita buat ini supaya berlaku adil kepada semua. Yang keempat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ialah berkenaan dengan RM100 yang dipotong untuk sakit kronik ini. Sebenarnya daripada segi kita, kerajaan tidak boleh memotong apa-apa potongan melainkan kalau ianya merupakan potongan yang diwajibkan. Kalau macam gaji kita potong EPF. Jadi gaji memang tidak boleh dibuat potongan oleh mana-mana pihak melainkan kalau ianya sudah diwajibkan seperti EPF dan SOCSO. Itu perlu kita, maknanya ada undang-undang atau akta yang menguatkuasakan itu.

Jadi RM100 yang hendak dipotong setakat ini tidak ada lagi keputusan yang dikuatkuasakan oleh undang-undang yang boleh memotong RM100 untuk sakit kronik. Saya pun tidak tahu apa juga sakit kronik yang ini. Macam-macam, kita hendak kena definisi juga apa sakit kronik ini. Oleh kerana itu setakat ini tidak ada lagilah potongan yang boleh dibuat.

Kemudian saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Sharifah Azizah iaitu berkenaan dengan jawapan mesti tepat dan ini selalu kita mengingatkan kepada kementerian bukan sahaja kepada pegawai kerajaan. Pegawai kerajaan yang memberi jawapan itu mereka membantu sahaja kementerian. Sebenarnya wakil kementerian itu sama ada Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen mereka sendiri sebenarnya kena duduk dan mendengar apa yang dibahaskan dan diujahkan supaya mereka dapat memberi jawapan yang tepat. Kerana hendak memberi jawapan yang tepat itulah saya duduk dari mula sampai habis kerana saya takut. Jangan salahkan

kepada mereka, kalau Yang Berhormat tengok jawapan yang mereka berikan kepada saya untuk rang undang-undang ini, ada jawapan yang diberi di mana fakta diberi tetapi yang lain itu dia tulis "input politik" yang bermakna saya kena jawab sendiri. Mereka bukan orang politik, mereka hanya boleh menjawab perkara yang fakta (facts), mereka boleh jawablah, tetapi yang lain-lain itu macam kata 'hendak pertimbangkan kenaikan' mereka tidak boleh jawab. Yang kena jawab tu ialah Menteri. Oleh sebab itu sebenarnya saya sentiasa memperingatkan [*telefon berbunyi*] minta maaf Yang Berhormat telefon ni. Tidak reti bahasa juga dia orang ni dah tahu saya tengah dok menggulung, dia telefon. [*Ketawa*]

Jadi jawapan tepat itu tanggungjawab kementerian, bermakna Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen. Sebab itu saya sentiasa bangkitkan di Dewan Negara memperingatkan kepada Ahli-ahli Jemaah Menteri supaya dalam hujah sebenarnya waktu rang undang-undang - sepatutnya selepas membentangkan rang undang-undang, orang yang membentangkan itu tidak boleh keluar, dia kena tunggu. Jangan serahkan kepada pegawai kerajaan untuk melakukan semua ini kerana dalam jawapan ini ada pertimbangan politik sebenarnya yang perlu kita beri yang hanya boleh diberi oleh ahli-ahli politik. Oleh sebab itu, saya setuju dengan Yang Berhormat dan saya akan sekali lagi memperingatkan kepada Ahli-ahli Jemaah Menteri supaya mereka memastikan iaitu apabila rang undang-undang dibentangkan maka orang yang membentangkan itu sama ada Menteri atau Timbalan Menteri ataupun Setiausaha Parlimen dia mesti duduk bersama untuk mendengar hujah-hujah untuk memberi jawapan yang tepat.

Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat dan perkara ini telah pun saya bangkitkan juga berkenaan dengan jawapan lisan yang tidak dapat ditanya, jawapan secara lisan. Saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Wan Nordin. Tuan Yang di-Pertua, dia menggunakan kuasa dia untuk membenarkan walaupun dikatakan sesi Soal-Jawab satu jam, Tuan Yang di-Pertua membenarkan sampai satu jam 20 minit itu kuasa Tuan Yang di-Pertua. Sebab Yang Berhormat Menteri tahu itu bahawa jawapan ini mesti sampai kepada Ahli Dewan yang bertanya. Jadi sebab itu agak dukacita kalau sekiranya kalau kita sudah sediakan jawapan kemudian tidak dapat dijawab secara lisan dalam Dewan ini tetapi hakikatnya jawapan sudah ada. Sebab itu

kita dalam *Standing Order* menyatakan bahawa mana-mana jawapan lisan yang tidak dapat dijawab secara lisan dalam Dewan hendaklah dijadikan sebagai jawapan bertulis, dan jawapan bertulis mesti sampai kepada orang yang bertanya, tidak boleh tidak.

Saya tidak menggalakkan untuk melepaskan diri dengan menyatakan itu membuat janji dan tidak tunai. Kadang-kadang kita tengok bagi pihak kementerian ada orang yang menjawab dia kata "*yang mana yang saya tidak jawab saya jawab bertulis*" lepas itu dia tidur terus. Yang ini tidak boleh. Saya sentiasa peringatkan kepada Menteri-menteri dan Jemaah Menteri iaitu mana-mana jawapan lisan yang tidak dapat dijawab secara lisan mesti menjadi jawapan bertulis dan mesti disampaikan kepada orang yang bertanya. Malah ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang minta pula tidak semestinya bagi kepada orang yang bertanya sahaja, mesti diberi kepada semua Ahli Dewan kerana mereka juga berminat untuk mengetahui tentang jawapan kepada soalan yang telah dibangkitkan secara soalan lisan.

Oleh sebab itu saya sekali lagi bersetuju dengan Yang Berhormat Sharifah dan saya akan pastikan mana-mana jawapan lisan yang telah menjadi jawapan bertulis mesti difotostat dan diletakkan di tempat Ahli Dewan. Siapa yang berminat boleh ambil jawapan di situ, bukan hanya diberikan kepada Ahli-ahli yang bertanya sahaja. Siapa yang berminat boleh dapat jawapan itu.

Nombor dua, saya juga mahu supaya mana-mana janji yang dibuat yang mana tidak dapat dijawab secara lisan, kita hendak jawab bertulis, kalau kita janji dalam Dewan kita kena tunai. Jangan hanya sekadar untuk *escape root* sahaja iaitu tidak mahu menjawab, kemudian jawab demikian (kita jawab bertulis) selepas itu dengan harapan supaya orang yang bertanya itu akan lupa dan tidak perlu beri jawapan. Ini akan saya pastikan ia akan dilakukan insya-Allah.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Sri Mohamed Nazri. Berbalik kepada peruntukan. Saya rasa tadi Yang Berhormat Dato' Musa mencadangkan supaya satu tahun RM100 ribu di mana beliau mewakili satu-satu kawasan. Bagi saya RM100 ribu untuk satu penggal untuk satu kawasan mungkin cukup dan lain dengan saya dan juga Yang Berhormat Tuan Osman bin Bongsu yang mewakili kaum yang merangkumi tujuh negeri, macam kaum Siam tujuh negeri dan seramai 60,000 orang. Jadi saya ingin

hendak bertanya pendapat Yang Berhormat Dato' Menteri bolehkah kerajaan tambahkan peruntukan khas untuk, bagi saya kerana kami perlu banyak, bukan satu kawasan sahaja tetapi tujuh negeri 60,000 orang.

Jadi saya memohon jasa baik Yang Berhormat Dato' Menteri yang menjaga hal ehwal Parlimen untuk mempertimbangkan permohonan ini di mana saya ingin memaklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini bahawa saya bersyukur kepada Tuhan yang Maha Berkuasa kerana telah mengurniakan dua insan atau dua hambaNya, hamba Allah iaitu salah seorang daripada ialah Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri kerana beliau dengan gagah dan berani menyuarakan untuk memertabatkan masyarakat kaum Siam di Malaysia. Jadi saya rasa beliau adalah orang yang benar-benar sesuai untuk menyuarakan perkara ini kepada pihak kerajaan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun rasa lain macam sikit. *[Ketawa]* Tetapi saya hendak beritahulah saya sokong, pembantu saya penaung kepada Persatuan Orang Siam sebab saya orang Petani. Jadi orang Petani ini daripada Thailandlah. Saya kena jelaskan nanti ingat ada agenda lain pula.

Tuan Yang di-Pertua, apa juga kita buat kita kena berlaku adil. Apa juga peruntukan kewangan yang kita beri mesti ada kaedahnya dan kaedahnya mengikut kawasan Parlimen. Apa pun peruntukan yang diberikan kepada Parlimen untuk dibelanjakan kaedahnya mestilah mengikut kawasan Parlimen dan pembahagiannya itu mestilah adil. Kalau kita mengambil kira Orang Asli dan orang Siam maka kita akan buka apa yang dikatakan *flight game* kerana sudah tentu kaum-kaum yang lain pun minta juga seperti kaum Benggali dan juga minoriti tidak ada langsung wakil dalam Dewan Negara. Kalau ada di dalam Dewan Rakyat pun dia sebagai pembangkang. Benggali itu bernama Karpal Singh. *[Ketawa]*

Jadi, kalau kita mahu minta sesuatu untuk sesuatu kaum maka dia mestilah luar daripada peruntukan yang disediakan untuk Parlimen, itu boleh Yang Berhormat. Minta terus kepada Yang Amat Berhormat Menteri, saya boleh menjadi posmennya kerana saya memang menjadi penaung kepada Persatuan Orang Siam ini. Tetapi kalau

peruntukan itu peruntukan melalui Parlimen maka kaedah pengagihannya adalah mengikut kawasan Parlimen. Tuan Yang di-Pertua,

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Mohon laluan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dah jawab dah.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri sebenarnya Yang Berhormat Dato' bila disebut Yang Berhormat Senator itu anggapan keseluruhan orang luar maknanya dia ini tidak ada kawasan. Tidak ada kawasan maknanya dia macam milik satu Malaysia tambahan pula dalam parti kita banyak rangkaian kawan-kawan yang harus kita juga dipanggil untuk merasmikan, bila rasmi ini mesti adalah satu *envelope* kecil. Jadi, itu sebab supaya Yang Berhormat sebagai Menteri yang bertanggungjawab untuk menyuarakan supaya ditambahkan peruntukan ini. Kita ini dari segi gaji sudah kurang daripada Ahli Parlimen biasa yang berkawasan, dari segi penggal pun kurang, Ahli Parlimen biasa 5 tahun kita tinggal 3 tahun.

Dari segi peruntukan pun kurang, mereka dapat RM500,000,00 setahun kita dapat RM30,000,00 setahun. Jadi, kalau dapatlah benda ini sekali lagi saya merayu kepada pihak kementerian untuk memikirkan sedalam-dalamnya bukan banyak kalau satu tahun RM100, sepenggal baru RM300 jika dibandingkan dengan Ahli Parlimen yang berkawasan, satu tahun RM500 kali dengan 5 sudah RM2.5 bilion, jadi maknanya jauh RM300,000,00 dengan RM2.5 juta jauh macam dengan langit dengan dasar laut bukan langit dengan bumi lagi. Itu sahaja, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebut sebentar tadi bahawa peruntukan yang diberikan untuk kawasan Parlimen itu mesti untuk pembangunan kawasan Parlimen itu dan yang kita sebut tentang RM500,000,00, RM100,000,00 untuk senator *by right*, ianya mesti dibelanjakan untuk pembangunan kawasan itu kalau tidak kita telah melakukan sesuatu yang telah pun diamanahkan kepada kita. Kalau kita dikatakan mesti belanja untuk kawasan itu kita kena belanja untuk kawasan itulah.

Oleh kerana itu, Yang Berhormat, sebenarnya peruntukan yang RM100,000,0,0 kalau ikut yang diamanahkan sebenarnya tidak boleh diberi kepada mana-mana

kawasan lain, itu untuk pembangunan dalam kawasan itu. Cuma menteri sahaja yang boleh berbuat demikian, jadi sebab itu walaupun tidak adalah undang-undang yang menyatakan tidak boleh buat.

Puah Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Mohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk dahulu Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tetapi daripada segi amalan kita sebenarnya ialah untuk kita belanjakan dalam kawasan kita walaupun memang boleh kita belanja untuk kawasan-kawasan lain tetapi kalau kita belanja untuk kawasan lain juga bermakna bahawa akan berlaku suasana yang tidak adil, yang mana kawasan lain akan menerima lebih daripada apa yang patut mereka terima. Walau bagaimanapun, kita tidaklah menghalang, saya faham saya pun pernah jadi Ahli Dewan Negara.

Kita perlukan kepada wang ini untuk, sebenarnya kita juga sendiri bercakap kalau tidak silap saya Yang Berhormat-Yang Berhormat bercakap tentang pertambahan peruntukan ini sebenarnya menyatakan bahawa mereka merupakan pemimpin di masyarakat tempatan mereka. Bermakna mereka menuntut wang lebih untuk hendak belanja di kawasan dia jadi sebenarnya ini sudah bercanggah, sudah bercanggah kerana saya dengar daripada mula sampai habis tadi hujah-hujah yang dibangkitkan ialah masing-masing menyatakan itu bahawa mereka juga merupakan dalam UMNO ketua bahagian dia ada kawasan dia.

Macam Yang Berhormat Senator Rashid Ngah, dia juga menceritakan bahawa dia perlu pejabat sebab dia balik kawasan dia, orang minta duit daripada dia, jadi permintaan kita untuk penambahan itu sebenarnya untuk kawasan kita tetapi kita hendak guna untuk tempat lain, tidak boleh. Jadi, ini ada percanggahan sebenarnya. Pada pandangan saya, khidmat saya, saya dengar tadi permintaan tambahan ini ialah kerana masing-masing menyatakan, masing-masing merupakan ketua parti dalam kawasan masing-masing. Rakyat berjumpa dengan mereka walaupun dia bukan Ahli Parlimen dia ketua MCA bahagian dia ketua gerakan bahagian, orang dalam bahagian dia, jumpa dia untuk minta itu dan ini .

Jadi, bermakna bahawa permintaan kita pertambahan itu merupakan untuk perbelanjaan kawasan kita, jadi tidak bangkitlah soal kita hendak belanjakan orang lain pula. Saya tidak mahu hujah itu bila sudah kenakan diri, pasang benda lain pula tetapi

saya dengar setiap senator yang bercakap masing-masing menyatakan mereka juga merupakan ketua-ketua parti dalam dan pemimpin masyarakat tempatan. Fahaman saya perbelanjaan itu ialah untuk kawasan dialah bukan untuk diberi ke seluruh Malaysia. Jadi, sebab itu saya kata berdasarkan kepada itu maka kalau pertambahan bermakna akan berlaku di kawasan itu, dia kerana ada senator dia dapat RM100,000,00 lebih dan sepatutnya dia patut dapat RM500,000,00 sahaja. Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Osman bin Bungsu: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, di sini saya.....

Tuan Osman bin Bungsu: *[Masih berdiri]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 34 hingga 39 adalah peraturan-peraturan bagi memandu dan mengawal perbahasan, bermakna ada peraturan yang kawal pertanyaan, ada peraturan yang mengawal usul, ada peraturan yang mengawal pemberitahuan. Maka peraturan mesyuarat 34 hingga 39 mengatur susun, mengendali, memandu dan mengawal perbahasan.

Perbahasan ertinya, satu pihak sampaikan hujah habis-habisan, satu pihak lagi dengar, lepas itu satu pihak itu jawab gulung, lepas itu pengerusi kata kita sudah dengar sebelah situ, kita sudah dengar sebelah ini, maka sekarang kita undi bagi diputuskan, itu baru dinamakan perbahasan. Kalau lain daripada itu, coraknya ialah pertengkaran, atau pertelingkahan yang membuatkan Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir tempoh hari marah dalam hati, saya tahu dia marah, jadi kita hendak kawal supaya sidang sekarang ini, di masa ini menepati Peraturan 34 hingga 39.

Bukanlah saya hendak menghalang Yang Berhormat tetapi hati-hati kalau hendak mohon penjelasan, sekali mungkin saya benarkan atau Menteri rela memberi laluan tetapi kalau bertubi-tubi, saya sudah kerana lalai membenarkan perbahasan dalam perbahasan. Selepas itu ada perbahasan dalam perbahasan dalam perbahasan, maka kita sudah tidak menghormati Peraturan Mesyuarat lagi. Jadi sekarang, Yang Berhormat bagi laluan kepada Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, bila sudah dengar penjelasan dari Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh bagi jalan lagilah sebab perbahasan telah pun berlaku tadi dan saya memberi jawapan. Jadi, jawapan ini kita

tidak boleh berhujah sampai menteri itu menjawab mengikut kehendak dia, jadi sebab itu saya cuma boleh memberi jawapan daripada pihak kerajaan. Suka tidak suka dia kena terimalah melainkan kalau hendak penjelasan, itu saya boleh beri. Jadi saya ingat oleh kerana tidak berbangkit sebenarnya soal tentang komuniti yang kecil dalam perbahasan tadi saya rasa tidak perlu saya memberi peluang untuk pertanyaan kalau dia berbangkit soal komuniti yang kecil tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Senator Dato' Dr. S. Vijayarajam bangkitkan tentang akhbar. Yang Berhormat akhbar ini kita tidak boleh *control* dia sebab kita telah berjanji bahawa dalam sebuah negara yang demokratik akhbar adalah merupakan bebas. Kadang kala marah kita kerana apa yang ditulis oleh mereka itu tidak seperti mana yang kita kehendaki. Tetapi kita kena ingat, dari segi dia menulis itu dari segi slant dia apa yang dia dapat memahami daripada kita dan apa yang difikirkan perkara yang mungkin sensasi, saya kata, tetapi itu merupakan hak mereka, seperti juga mereka tidak ada hak untuk mengawal kita bagaimana kita harus berucap di Dewan ini.

Jadi sebab itu pada saya apa jua *slant* yang hendak diambil oleh mereka, itu merupakan hak merekalah sebab mereka melapor dan mungkin laporan itu mereka menulis dari segi tanggapan dia. Kita tidak boleh hendak marah sebab itu tanggapan dia, walhal daripada tanggapan kita lain. Jadi kita rambut saya hitam tetapi fikiran hati lain-lain.

Sebab itu saya rasa saya hendak mempertahankan kebebasan akhbar untuk mereka menulis kerana akhirnya walau apa sekalipun mereka tulis, *the truth will prevail*. Jangan bimbang, jangan takut iaitu kalau apa sekalipun mereka menulis tentang kenaikan saraan kita ini, akhirnya rakyat tahu bahawa saraan ini bukan kita yang minta. Mereka akan tahu kerana hendak mempertahankan kebenaran cukup mudah, hendak mempertahankan penipuan itu cukup susah.

Jadi kepada saya, Yang Berhormat, saya rasa kita tidak boleh hendak *control* dan saya tidak mencadangkan untuk *control* juga sebab saya percaya kepada *freedom of press*, mereka berhak untuk tulis. Saya pun juga kena macam-macam. Waktu pilihan raya dahulu, hendak kata kena gugur tetapi saya jadi calon juga. Selepas itu bila sudah

jadi calon, dia kata hendak kena gugur jadi menteri, hari ini saya jadi menteri juga. Dahulu mereka tulis kata saya *corrupt*, hari ini saya jadi menteri jaga *corruption*. Jadi tidak payahlah. Saya ingat akhirnya orang akan tahu iaitu *the truth will prevail*. Dan orang tahu, Yang Berhormat, iaitu bahawa kita tidak pernah, *we are selfless people*, kita tidak memikirkan tentang diri kita melainkan apa yang kita lakukan ini adalah untuk rakyat.

Rakyat akan tahu dan rakyat akan menilai tentang kebenaran sebenarnya apa yang kita lakukan dalam Dewan ini. Jadi, Yang Berhormat, jangan bimbang, saya boleh kata, dengan izin, *the truth will prevail, eventually they will know*, dengan izin, *that* apa yang kita buat ini adalah betul dan bukan di atas permintaan daripada kita. Rakyat akan tahu akhirnya, ya, jangan bimbang.

Kemudian Yang Berhormat bercakap tentang pencen. Pencen ini, Yang Berhormat, waktu kita bekerja sebelum kita menerima jawatan, kita sudah tahu pencen kita apa, sudah tahu. Jadi untuk kita *later on*, dengan izin, mempertikaikan tentang pencen ini tidak adil kerana kita sudah tahu dan kita mula bekerja di situ, semua syarat diberitahu – gaji kita berapa, kenaikan berapa dan akhirnya kita pencen besok berapa kita punya pencen, kita sudah tahu. Kita sudah tahu apa dia punya syarat, kita terima, jadi kita kena terimalah juga kerana gaji pada ketika itu kita terima, takkan pencen selepas itu kita tidak hendak terima. Itu pun kerajaan baik. Setiap kali dia naikkan berapa peratus, dia akan cuba seimbangkan.

Namun untuk kita hendak naikkan lebih daripada apa kenaikan sebenar kepada pegawai yang bekerja, itu tidak adil sebab pegawai, dia bekerja. Jadi kita hendak menaikkan saraan kepada orang yang tidak bekerja. Kalau daripada segi logik, Yang Berhormat, sebenarnya kalau kita bagi bonus, kita tidak sepatutnya beri kepada orang yang pencen. *Bonus for what? Bonus for not working*, tidak boleh! Bonus kepada orang yang bekerja. Mereka buat prestasi yang baik, maka mereka patut diberi bonus.

Yang tidak bekerja, dia tetap tidak bekerja dah. Jadi sebab itu kita tidak boleh ... kenaikan itu kita cuba *adjustkan* supaya dapat *adjust* orang yang pencen itu dia punya kenaikan itu lebih baik daripada orang yang bekerja, tidak boleh. Pencen, dia sudah pencen kerana dia tidak melakukan apa-apa kerja dan kenaikan itu kita seimbangkan. Cma untuk supaya adil dengan keadaan harga semasa sebab kalau kita naikkan gaji

orang yang bekerja pun, kita naikkan kerana mungkin harga keadaan sekarang ini naik, kita pun naikkan gaji mereka. Itu tidak apa.

Naik, katalah naik 4%, orang pensen pun kita naikkan pensen dia, itu tidak mengapa. Tetapi untuk dia lebih baik daripada orang yang bekerja, itu adalah tidak adil dan tidak boleh kita laksanakan.

Yang Berhormat membangkitkan tentang 25 tahun merupakan maksimum, saya setuju. Saya rasa kita kena bayar ganjaran atau apa sekalipun mesti mengikut perkiraan tempoh kerja kita sebenar. Walaupun kita faham bahawa itu kita had kepada 25 tahun kerana tanggungan kerajaan itu besar tetapi dari segi *equitable* punya *treatment* kepada warga kita, saya rasa iaitu bahawa kita mesti ikut tempoh tahun dia bekerja sebenarnya. Kalau lebih daripada 25 tahun, kita kena bayarlah. Kita tidak patut *pinch on* apa juga sumbangan yang telah diberikan oleh rakyat kepada negara kita.

Jadi dalam hal ini saya berat untuk memberi pertimbangan daripada apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu kalau boleh jangan kita hadkan kepada 25 tahun. Kita mahu kepada *actual number of years of service*, kalau 30 tahun kita kali dengan 30 tahun. Saya berat untuk menyokong apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan saya akan cuba bangkitkan perkara ini kepada pihak yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Dato' Musa bangkit soal yang sama, begitu juga dengan peruntukan telah pun saya jawab sebentar tadi.

Senator Tuan Ismail bin Kasim, saya ingin menyatakan rasa kekaguman saya di atas *research* yang telah dibuat dalam dia menghujahkan betapa pentingnya kita mesti cuba hidupkan kembali *Parliamentary Services Act* ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar hujahnya dan saya boleh menyatakan di sini iaitu apa yang telah dilakukan di mana kalau dahulunya kita mempunyai akta kita sendiri dan sekarang ini diletakkan di bawah JPA, saya rasa itu adalah satu *a step backward*. Kalau kita buat undang-undang, kita belajar *constitutional law*, memang Yang Berhormat Tuan Ismail sebut tadi itu betul. *There must be a separation of powers* di antara eksekutif, legislatif dan juga *judiciary*.

Tetapi apa yang berlaku pada hari ini yang kita lihat ialah dari segi skim gaji pun, menampakkan bahawa kita tidak bebas sebab gaji-gaji pekerja di Dewan Rakyat ini

terpaksa mendapat kelulusan daripada KSN, JPA, jadi di mana kebebasannya. Tidak ada kebebasan. Malah kita punya elaun pun, dia *benchmark* kepada JPA. Jadi kita hendak apa pun, hendak minta kelulusan daripada JPA. Jadi itu jelas menunjukkan tidak ada kebebasan. Kita boleh ceritakan kepada orang, kita menggubal undang-undang, kita rakyat pilih, kita pemimpin masyarakat tetapi hakikat sebenarnya kita tidak bebas.

Kerana apa? Kerana pada hari ini *Parliamentary Services Act* ini telah pun dibubarkan, dibatalkan pada tahun 1992. Pada hari itu, hari gelaplah kepada Parlimen kerana pada hari itu kehilanganlah kepada kita kebebasan kita sebagai satu badan yang sama tarafnya dengan eksekutif dan legislatif. Saya dengar hujah-hujah yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Senator yang telah dibahaskan dalam perbahasan rang undang-undang terdahulu.

Saya rasa hujah-hujah yang diberi itu adalah tidak sebenarnya patut dihujahkan sedemikian. Kalau kita hendak berbincang tentang Parlimen, kemudian kita hendak hilangkan kebebasan Parlimen itu semata-mata kerana hendak bagi peluang kepada kakitangan Parlimen naik pangkat dalam JPA, itu tidak adil. Kalau kita hendak bubar kerana Ahli Parlimen tidak mengapa, tetapi kita bubar *Parliamentary Services Act* bukan kerana Ahli Parlimen, bukan kerana Ahli Dewan Negara tetapi kerana hendak bagi peluang kepada kakitangannya untuk mendapat kenaikan pangkat dalam Jabatan Perkhidmatan Awam, itu tidak adil.

Akta itu untuk Ahli Parlimen, bukan untuk kakitangan Parlimen. Macam mana kerana hendak bagi mereka peluang naik pangkat dalam JPA, maka kita terpaksa hilang kebebasan kita, cukup tidak adil. Cukup tidak adil! Sebab itu saya ingin menyatakan iaitu bahawa saya menyokong sekuat-kuatnya supaya...

Tuan Yang di-Pertua: Lagi satu, Yang Berhormat, mohon izin.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya...

Tuan Yang di-Pertua: Saya mohon izin, Yang Berhormat. Lagi satu, terlintas kepada saya, ia timbul satu *inconsistency*, jawatan-jawatan Setiausaha Dewan Rakyat dan Setiausaha Dewan Negara ialah *constitutionally designated appointments*. Dengan terbubarnya undang-undang itu, timbullah *inconsistency* seperti mana ada sekarang di

mana *constitutionally designated appointments are subject to public services department requirements*. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa yang Tuan Yang di-Pertua sebut, keperluan Parlimen ini *constitutional*. Kita tidak boleh meletakkan kepentingan Parlimen itu di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam sebenarnya, *Clerk of Parliament* sepatutnya dia mesti lantik oleh Yang di-Pertuan Agong bukan yang dipilih oleh JPA. Saya memang setuju dengan hujah supaya kita

Tuah Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, mohon sedikit.....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:nanti sekejaplah saya hendak jawablah.....

Tuah Hassan bin Haji Shukri:penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:orang tengah stim, dia tidak reti ini. Saya sudah cakap banyak kali tengah stim jangan potong, boleh marah. Saya tengah dok stimkan, sebab saya dalam perbahasan saya sedang hendak bercerita kenapa saya sokong supaya *Parliamentary Services Act* ini, sebab itulah saya hendak beritahu itu bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melantik seorang menteri menjaga Parlimen untuk supaya kita melihat kembali kepincangan yang telah berlaku selama hari ini dan saya merasa begitu gembira iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat bukan sahaja Dewan Negara, di Dewan Rakyat juga telah dibangkitkan berkenaan dengan perkara ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf Yang Berhormat, saya asyik mendengar hujah-hujah Yang Berhormat.....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya setuju dengan Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Kasim sebab pengalaman untuk kita perolehi oleh kakitangan dalam Dewan, mesti dia bekerja dalam Dewan dah. Kalau dia mari daripada kementerian lain, tiba-tiba jadi setiausaha dia tidak tahu. Dia tidak tahu tentang pengalaman, dia baru hendak belajar walhal kita hendak supaya orang yang berpengalaman yang menjaga Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Ia ini orang itu mari dia baru hendak belajar, sudahlah kita masuk tiga tahun sekali, sepatutnya kakitangan di Dewan itu dia mesti berpengalaman, tahu apa dia hendak buat tetapi dia sendiri baru datang daripada jabatan lain jadi setiausaha dia tidak tahu apa, sebab itu saya agak marah juga macam berlaku ini apa, *renovation* ini.

Kalau Ahli Senator semua ingat dahulu kerusi kita merah Dewan Negara, kerusi di Dewan Rakyat biru, itu ada makna dia, tradisinya *Lower House* itu biru, *Upper House* merah. Ini *carpet* merah ini bukan sengaja, ini ada tradisi sebab Dewan Negara memang merah. Kalau kita pergi ke Parlimen *Westminster*, kalau kita pergi ke *House of Lords*, dia merah, kerusi dia merah, *carpet* dia merah.

Ha ini merah.....[*sambil menunjukkan senaskhah Penyata Rasmi Dewan Negara (Hansard)*]......bukan sengaja, ada tradisi. Mengapa tidak pilih warna ungu, kuningkah, tetapi merah kerana apa kerana ada tradisi. Kalau pergi ke Dewan Rakyat dia punya penyata (*Hansard*) dia biru, itu tradisi kerana di Dewan Rakyat memang warna biru. Kalau di United Kingdom, dia punya *House Of Commons* itu hijau tetapi hijau di sini lain makna pula, fasal kita hijau kita agama, agama Islam itu lambang dia hijau. Kita tidak pakailah itu, kita pakai biru.

Apabila kita ada pegawai yang tidak bekerja di dalam Dewan, tidak tahu tentang tradisinya, bila mari *renovation* inilah warnanya hitam, apa benda ini, apa maknanya ini. Kerusi hitam apa maknanya kepada kita pada saya tiada makna, Yang Berhormat ingat tidak yang dahulu warna apa, merah, Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd Yusof merah itu tradisi kita. Macam mana boleh berlaku macam ini kerana tidak ada pengkhususan bagi mereka yang bekerja sebagai kakitangan di Parlimen.

Sebenarnya tidak bangkit soal hendak bagi peluang orang naik pangkat kerana setiap siapa yang masuk hendak bekerja dengan Parlimen dia sudah tahu sudah, kalau aku bekerja di Parlimen ini memang aku tidak boleh naik pangkat tetapi dia hendak kerja juga bermakna dia berminat dengan Parlimen.

Tidak boleh kita pinda akta untuk Dewan Negara, Dewan Rakyat, Akta Parlimen kita kerana hendak memikirkan tentang kakitangan, itu tidak betul, yang penting kita, Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Rakyat itu penting. Kalau hendak pinda kerana kita bukan kerana hendak bagi peluang kepada kakitangan hendak naik pangkat, peluang kepada mereka itu tidak betul.

The premise is wrong, sebab itu saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa saya akan bangkit perkara ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya untuk memperbetulkan kerana tidak guna kita bercakap kita sebuah negara yang mengamalkan *separation of powers* tetapi hakikat sebenarnya Dewan Negara, Dewan Rakyat tunduk dan terletak di bawah JPA. [*Tepuk*] Saya akan bangkit perkara ini, perkara yang sama juga telah bangkit oleh Ahli Dewan Rakyat.

Saya percaya Yang Berhormat apabila Perdana Menteri kita, apabila dimaklumkan tentang perkara ini akan memberikan pertimbangan dan saya akan bawa perkara ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tuan Hassan bin Haji Shukri.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Ya, sudah jawab.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sudah jawab. Terima kasih, sebab itu lain kali bagi saya stim, kalau tidak saya inanya sahaja. Saya punya benda yang sama tetapi potong stim saya. Saya sokong supaya yang dibangkit oleh Yang Berhormat Senator dan saya juga ingin mencadangkan menyokong apa yang dibangkit supaya satu jawatankuasa dibentuk bagi Ahli-ahli Dewan Negara untuk mereka memikirkan untuk melakukan reformasi bagi Dewan Negara untuk kepentingan Dewan Negara.

Jawatankuasa yang sama telah pun saya minta dibentuk di Dewan Rakyat dan saya juga telah pun memaklumkan kepada semua ketua-ketua parti termasuk pembangkang, bukan sahaja Ketua Pembangkang tetapi ketua-ketua bagi parti Pas, Keadilan dan juga DAP supaya mereka juga memberi cadangan-cadangan bagaimana kita hendak reformasi tetapi reformasi ini bukan reformasi jalanan itu. Saya hendak ingatlah ini reformasi di Dewan yang tertinggi.

Saya bersetuju dengan cadangan daripada Yang Berhormat Lee Sing Chooi dan juga Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim supaya Dewan Negara juga dibentuk satu jawatankuasa. Panggillah apa sekalipun *House Of Committee* untuk Dewan Negara supaya kita mengambil segala maklumat daripada Ahli-ahli Dewan Negara daripada orang ramai bagaimana kita boleh mereformkan Dewan Negara kita, jadi yang itu saya sokong.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim, saya ucap tahniah Datuk difahamkan baru dapat cucu ini, tidak dapat. Dia membandingkan berkenaan dengan elaun kita dengan Singapura dan juga Hong Kong. Mereka di sana kenaikannya itu, saraannya itu agak tinggi disabitkan oleh kerana pertamanya ialah *cost of living* dia memang tinggi. Dia punya *cost of living* pun memang tinggi tetapi memang tidak boleh nafikan iaitu bahawa dia punya saraan itu memang jauh tinggi iaitu kalau tidak silap saya Ahli Dewan Parlimen mereka S\$20,000.

Saya percaya di kalangan kita, kita hendak minta tukar Sing kepada RM kita sudah puas hatikan. RM20,000 itu besar itu tetapi dia S\$20,000 tetapi Yang Berhormat masalahnya di sini di Singapura itu lain dengan di Hong Kong di sana susah hendak cari orang yang minat dengan politik kerana orang yang bekerja di swasta itu dia punya imbuhan itu lebih lumayan lagi daripada mereka yang terlibat dengan politik, lebih banyak selepas itu bukan sahaja lebih banyak, bila dia dapat duit banyak dia tidak perlu berkongsi pula dengan *constituency* dia, dia dapat terus masuk poket sahaja.

Jadi sebab itu di Singapura orang tidak minat dengan politik, Hong Kong pun begitu juga. Dua-dua ini pulau, kecil jadi orang tidak minat tetapi di Malaysia lain sedikit yang minat politik ini ramai Yang Berhormat. Kadang-kadang dengar Yang Berhormat baru sakit sahaja, dengar sahaja yang menunggu hendak ganti sudah ramai. Kita tidak ada masalah sebenarnya untuk mencari orang yang minat dengan politik.....

Timbalan Yang di-Pertua: Sampai berebut-rebut pun ada.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, betul. Sekarang ini, kita tidak boleh langsung sebut kita sakit. Sebut kita sakit, bukan hendak datang dengan kad simpati atau apa, orang sudah bincang tentang pengganti kita. Itu Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah ada masalah hari ini. Saya dapat tahu dia sakit, bukan menerusi surat khabar, menerusi satu perbincangan – siapa hendak ganti Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah. Itu di Malaysia, berseparah – kalau cakap orang muda kata, hendak jadi ahli politik, hendak jadi Senator pun Ahli Yang Berhormat, saya hendak beritahu. Jadi Senator ini pun berebut – satu lori yang hendak jadi Senator ini. Banyak, siapa kata orang tidak hendak jadi Senator. Jangan, saya tahu, saya jadi Senator dahulu, orang minta untuk wakil Pemuda – Pemuda minta, saya jadi Senator

muda Yang Berhormat, baru umur 36 tahun jadi Senator [*Ketawa*] muda, muda dari Yang Berhormat kot.

Jadi, Malaysia lain, mereka beri ganjaran yang tinggi kerana tidak ada ramai yang berminat dengan politik. Di Malaysia, kita tidak menghadapi masalah itu. Yang hendak masuk politik ini, kadang-kadang ada orang itu dia gaji tinggi di luar pun, tak kira dia gila hendak jadi Senator. Ada, ada yang hendak jadi Senator ini sampai gila pun ada, [*Ketawa*] saya tidak mahu sebut nama – ada kawan saya seorang, sampai hari ini tidak dapat jadi Senator, tetapi dia kalau boleh dia hendak sangat jadi Senator ya, betul Yang Berhormat ya? [*Bertanyakan kepada seorang Menteri*] Lagi gila. Rupanya lagi lama tidak dapat jadi Senator, lagi gila kita, memang betul. Jadi tidak betul kalau Yang Berhormat kata orang tidak minat jadi Senator, tidak betul. Orang minat jadi Senator sebenarnya. Jadi, sebab itu saya rasa kita tidak boleh hendak bandingkan dengan Singapura dan Hong Kong kerana keadaan di sana berbeza dengan keadaan kita.

Kemudian, berkenaan dengan Parliamentary Service Act 1963 yang telah dibatalkan pada tahun 1992 – saya telah jawab iaitu kita perlu memperbuatkan balik supaya Parliamentary Service Act ini dikembalikan. Kembalinya Parliamentary Service Act ini ialah kembalinya maruah kita sebagai satu badan yang bebas. Ini perlu kita lakukan. Itu yang sebut tidak faham tradisi Parlimen kerana dia tidak bekerja di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara, dia tidak faham tentang *significants* warna-warna seat ini, dia tidak faham. Nanti besok, dia jadi Setiausaha, dia suka kepada seni, dia suruh batik di sini pula, padahal tidak boleh ini kena merah kerana ia melambangkan Dewan Negara. [*Sambil merujuk kepada buku Peraturan Mesyuarat*] Banyak benda lain lagi – karpet itu merah, kerusi ini, ini bukan apa, ini lambang Dewan Negara. Jadi saya fikir balik, hendak tukar ini balik kepada asal – merah. Tetapi ini boleh berlaku kerana apa? Kerana pegawai tidak faham tentang tradisi yang ada dalam Dewan Negara dan Dewan Rakyat kerana dia datang daripada *services* yang lain, jadi setiausaha dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkit kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng. Sebenarnya walaupun kita punya saraan ini naik, kita tidak minta tetapi ada kelebihan kita. Jangan bimbang, jangan ragu kerana ada ketikanya Ahli Yang Berhormat Puan Siw Chun a/p Eam atau siapa tadi yang bertanya iaitu tentang

pertimbangan khusus untuk kita – ada. Ada tahun-tahun yang berkenaan yang kita bincang kenaikan khusus untuk Ahli Parlimen dan kita naikkan tetapi pegawai kerajaan tidak naik, itu khusus untuk kita. Sebab itu disebut tahun-tahun kenaikan tadi – Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin ada sebut; tahun 2002 ada sekali, itu kenaikan khusus untuk kita, di atas permintaan kita. Tetapi yang ini, takkan kita hendak tolak? Fasal apa? Kita tidak minta pun dia naik. Kita ambil sahajalah. Walaupun saya faham ada yang sesetengah wakil rakyat di mulut kata, tidak mahu....

Timbalan Yang di-Pertua: Di hati lain?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bukan di hati, di tangan lain, dia keluarkan tangan, walaupun dia tidak hendak, tetapi tangan dia keluar juga – dia hendak sebenarnya. Apatah lagi bila kita bilang *back dated*, 1 Januari 2004, banyak juga. Jadi sebenarnya kita untung, kita ada kelebihan kita. Pegawai kerajaan naik, kita automatik naik tetapi khusus untuk kita, pertimbangan kita naik, ada orang tidak naik. Jadi dari segi itu, ada juga kita punya kelebihan yang ada kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara.

Kemudian saya juga hendak bangkitkan berkenaan dengan wakil rakyat di Singapura dan Hong Kong berbanding dengan kita. Kita sebenarnya Yang Berhormat, kita hendak orang jadi Ahli Dewan Negara kerana mahu beri khidmat dan sumbangan kepada rakyat, bukan kerana tawaran gaji atau pun saraan yang tinggi – yang ini tidak ada. Kita mahu orang yang ikhlas, yang memang menjadi pemimpin masyarakat; yang tidur fikir tentang rakyat, bangun fikir tentang rakyat, waktu bila pun fikir tentang rakyat. Kalau kita buat macam Singapura, bermakna orang itu hendak jadi Senator ataupun Ahli Dewan Rakyat bukan kerana hendak sumbangkan kepada rakyat tetapi kerana gaji itu tinggi. Sebab itu ada baiknya supaya kita tentukan iaitu bahawa inilah ganjaran yang diberi; hendak ambil, tidak hendak sudah. Yang penting, keikhlasan kita untuk beri sumbangan kepada rakyat, itu penting. Sebab itu kita tidak akan ikut Singapura kerana kita mahu ada keikhlasan dalam kehendak kita untuk menjadi Ahli Dewan Negara dan bukan tarikan gaji yang tinggi.

Di Senate ini sudah tentulah kita lantik ahli-ahli yang mewakili kaum minoriti seperti Siam tadi, Orang Asli dan juga kumpulan-kumpulan lain macam Yang Berhormat Senator Datuk Jins Shamsudin – selain daripada ahli UMNO, tetapi kita lantik dia oleh

kerana dia *film star* juga, itu juga satu golongan yang penting, yang menjaga seni dan kita juga perlu sumbangan, input daripada dunia seni, jadi kita ada lagi banyak. Tetapi kita juga bagi kepada ahli politik kerana dalam negara kita, kita mengamalkan sikap bekerjasama. Kadangkala ada orang yang menjadi ketua dalam kawasan yang mana parti dia tidak bertanding tetapi kerana dia punya sumbangan itu memang baik, kita kena bagi ruang kepada dia untuk menjadi ahli politik – jadi Senator. Macam Dato' Hamzah bin Zainudin, Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng, Puan Siw Chun a/p Eam dan semua ini menjadi Senator kerana apa? Kerana sumbangan mereka, kerana tidak ada peluang untuk hendak menjadi Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri maka kita mengiktiraf sumbangan dia. Jadi kita bagi tempat di dalam Dewan Negara. Jadi sebab itu Senat ini merupakan satu tempat yang penting dan jangan pandang ringan terhadap peranan yang dimainkan oleh mereka. Saya boleh cakap ini sebab saya dahulu pun Senator, jadi saya tidak mungkin akan menghina Senator ini sebab sebelum saya jadi wakil rakyat, saya Senator dan saya tahu peranan yang dimainkan oleh Senator ini.

Kalau Senat ini tidak bagus, takkan enam penggal jadi Dewan Undangan Negeri jadi Ahli Dewan Negara? Maknanya sumbangan dia itu bagus, kita rasa rugi kalau dia tidak dapat jadi Ahli Dewan Negeri atau Ahli Dewan Rakyat kita letak dalam Dewan Negara – macam Senator Dato' Hamzah bin Zainudin, rugi kita. Dia tidak boleh jadi Ahli Wakil Rakyat mungkin dia menjadi pemimpin di Ipoh Barat tetapi dia punya sumbangan besar, maka kita kena bagi tempat kepada dia. Sebab itu Senat ini bukan tempat, kalau saya baca, Senat ini kononnya kepada senior sebab Senator ini 30 tahun ke bawah, mengikut Perlembagaan kita tidak boleh jadi Senator. Tetapi Ahli Parlimen 21 boleh. Jadi maknanya Senator itu bagus, cuma janganlah kita panggil “senatua” pula kan. Senator, jangan panggil “Senatua” atau orang tua, bukan untuk orang tua tetapi untuk orang yang mempunyai sumbangan yang diiktiraf oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mereka perlukan kepada pembantu, itu kita setuju, malah bukan sahaja untuk Dewan Rakyat tetapi Dewan Negara. Nasib kita baik kerana Dewan Negara dengan Dewan Rakyat itu bersidang asing melainkan di akhir tahun dia ada dua hari kita bersama, tetapi boleh guna. Ini yang sepuluh orang yang kita lantik baru ini memang untuk kegunaan Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara supaya mereka buat *research* untuk kita dan kita sudah pun iklan untuk jawatan ini sebenarnya bagi mereka

yang tidak ada kerja – budak yang baru keluar universiti ini, jadi elok kalau mereka suka dengan *research*, ambil mereka jadi *researcher* untuk mereka *research* untuk kita supaya kita dapat mengisi ucapan kita dengan hujah-hujah yang kukuh dan kuat.

Tuan Yang di-Pertua, pejabat memang kita tidak sediakan, dahulu ada untuk Ahli Dewan Rakyat, dahulu ada. Tetapi kita telah menyediakan pejabat, akhirnya tidak digunakan oleh Ahli Dewan sebenarnya hinggalah kalau dahulu, di Menara itu, orang kata sudah sarang hantu. Selepas Asar jangan pergi, sebab sudah berhantu. Sebab apa tidak pergi? Masing-masing dahulu ada bilik. Satu bilik dua orang tidak silap saya. Tetapi, ahli-ahli kita tidak pernah menggunakan dan ia terbiar puluhan tahun, 30 tahun juga, hingga akhirnya kita ambil keputusan, kita pindahkan semua kakitangan duduk di *Tower* dan yang di tepi-tepi ini kita buat untuk ahli-ahli kita gunalah.

Kita tidak bercadang untuk memberikan bilik kerana kita pun faham iaitu Ahli-ahli Parlimen kita, sebenarnya mereka juga ada kerja lain dan mereka tidak membuat kerja dari sini. Hendak buat kerja di sini, bukan sembarangan orang boleh masuk. Kalau kita hendak buat *appointment* kita kena beritahu, sekian-sekian jam orang ini hendak masuk sebab kemasukan ke Dewan ini terhad. Jadi, oleh kerana kita punya Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Rakyat, mereka juga merupakan orang yang mempunyai *business* mereka sendiri, mereka lebih suka untuk mereka buat kerja di luar dan kalau ada waktu ketika mereka mengambil bahagian, mereka datang. Jadi itu, tidak ada masalah, sebab kita tidak mensyaratkan Ahli Dewan Negara mesti 100% menjadi Ahli Dewan Negara dan tidak boleh pegang jawatan lain, tidak ada. Jadi, sebab itu, kita tidak mencadangkan untuk mengembalikan, menyediakan pejabat bagi ahli-ahli kita.

Berkenaan dengan jawatankuasa di peringkat Dewan Senat, Dewan Negara, itu terpulang kepada Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat fikirkan bahawa hendak buat *Select Committee*, mengikut isu tertentu, yang menjadi tumpuan dan minat kepada Ahli Dewan Negara pada ketika itu, Yang Berhormat boleh buat *Select Committee*, beritahu kepada kita. Ia tidak boleh kita ada *Select Committee* Dewan Rakyat, kemudian kita letak satu, dua Dewan Negara, tidak boleh. Itu untuk Dewan Rakyat. Jadi, Dewan Negara ia boleh buat. Ia hendak buat kata *Select Committee* atas apa sekalipun, beritahu kepada saya. Kita benarkan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa kita kena beri peluang kepada ahli-ahli kita untuk mereka aktif. Kalau mereka mahu ada *Select Committee*, cuma beritahu kepada kita. *Select Committee* untuk apa? Cuma kita tidak buatlah *Select Committee* untuk kementerian. Kita tidak mahu nanti kita paksa ada, orang tidak minat. Ia tidak berjalan juga tidak bagus. *Select Committee* sudah ada tetapi tidak bergerak, tidak mahu.

Select Committee mesti berdasarkan kepada topik atau isu yang menjadi tumpuan kepada Ahli Dewan Negara pada ketika itu, apa dia? Perlu ada *Select Committee* kerana kita hendak dengar pandangan daripada bawah, boleh buat. Tidak ada peraturan yang menghalang Ahli Yang Berhormat untuk *Select Committee*, cuma maklum melalui kita. Kerana bila ada *Select Committee* ini kena bergeraklah. Tidak mahu *Select Committee* ini semata-mata kerana hendak wujud, tetapi selepas itu tidak bergerak, kita tidak mahu itu.

Jadi, *Select Committee* saya ingin maklumkan, Ahli-ahli Dewan Negara boleh mengadakan *Select Committee*. Kursus yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng. Yang Berhormat, kita punya orientasi ini berbeza sedikit. Bagi kita, sama ada kita Ahli Parlimen ataupun Ahli Dewan Negara, orientasi kita sebagai wakil rakyat ialah di luar, bukan di dalam Dewan. Ini, perkara hakikat. Yang Berhormat boleh berucap dan membuat prestasi yang begitu baik.

Memang perlu kita buat tetapi kalau tidak jaga kawasan, tidak jadi Senatorlah. Ini orientasi kita, macam itu. *This is our orientation*. Kalau kita pergi ke United Kingdom, kita pergi ke negara-negara Barat, mereka punya orientasi ialah kerja-kerja dalam Dewan. Mereka ada buat itu, buat ini, buat itu. Tetapi, orientasi kita di Malaysia, kerja di luar Dewan, jauh lebih penting lagi. Saya boleh bercakap berjam *contribute* tetapi kalau saya tidak jaga kawasan saya, saya akan diminta supaya mengosongkan kerusi saya, sebab apa? Sebab tanya orang kampung, macam mana wakil rakyat? *“Ughh! Tidak balik pun. Kami punya jalan pun tidak ada tar, tidak mari tengok. Orang kahwin tidak datang pun, tidak tunjuk muka pun. Itu jambatan rosak tidak mari tengok”*. Ini merupakan penilaian rakyat kepada Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Negara.

Dia bukan kira kita dalam Dewan berhujah macam Dato' Dr. Chin Fook Weng berhujah. Tetapi, kalau tidak jaga kawasan, tidak mungkin dia jadi Ahli Dewan Negara

pun, saya hendak beritahu. Sebab saya percaya dia juga mesti jadi ketua parti dalam kawasan itu sebelum dia dapat dipertimbangkan untuk menjadi Ahli Dewan Negara.

Jadi, sebab itu orientasi kita berbeza Yang Berhormat sebab itu kita memberi penekanan kepada Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Rakyat kita supaya *service your constituent*. Itu yang menentukan sama ada sama ada kita menubuhkan kerajaan ataupun tidak. Yang parti lain kalah dengan kita ini sebab kita punya servis kepada rakyat *first class*. Saya jadi ahli, saya jadi Menteri, tiap-tiap minggu saya balik. Saya boleh kata saya sibuk, saya hantar orang saya. Dia kata, "*Kami bukan hendak jumpa orang Yang Berhormat, kami hendak jumpa wakil kami*". Itu dia. Jadi, oleh kerana orientasi kita ini lebih kepada servis kepada komuniti daripada kerja dalam Dewan, maka sebab itu kita tidaklah macam Parlimen di luar negara.

Tetapi Parlimen di luar negara pun, walaupun nampak dia bagus, dalam Dewan buat kerja itu, buat kerja ini, tetapi saya tengok kerajaan itu kalah juga. Sebab orang tidak akan mengundi kita kerana apa kerana apa yang kita lakukan di sini. Orang mengundi kita, ini yang *delivery system*. Orang mengundi kita kerana servis kita kepada masyarakat. Semua kita ini pemimpin masyarakat. Macam mana kita servis masyarakat kita, itulah yang akan menentukan sama ada kita akan menang pilihan raya ataupun tidak. Bukan di atas kerja-kerja kita di sini.

Sebab itu, jangan banding kita dengan dewan-dewan yang lain. Saya lebih suka Dewan kita ini. Kerana apa? Kerana kita servis rakyat, rakyat yang mendapat bantuan daripada kita. Jadi, sebab itu kalau hendak dikatakan kita hendak kena kursus, ahli-ahli kita, saya ingat tidak perlulah. Kalau kita hendak kursus bagaimana kita mesti servis rakyat, itu kita sudah tahu. Kita semula jadi, *natural leaders, we know how to serve our people*. Tidak perlu kursus dah.

Jadi, sebab itu, Yang Berhormat, saya rasa oleh kerana orientasi kita yang lebih kepada apa yang kita lakukan di luar Dewan, maka lebih penting kita mesti memusatkan perhatian kita kepada *delivery system* kita, kepada servis kita, kepada rakyat yang mengundi kita di kawasan *grass root* itu itu jauh lebih penting. Jangan kita bebankan pula Ahli Dewan Negara kita, Ahli Dewan Rakyat kita dengan kerja-kerja yang akan menarik perhatian kita daripada menjaga *grass root* yang di bawah itu.

Tuan Yang di-Pertua pun selaku Tuan Yang di-Pertua, daripada Terengganu. Saya tahu wakil rakyat dahulu, kena jaga kawasan. Selepas ini hendak balik ke Terengganu.

Timbalan Yang di-Pertua: Besok balikkah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Esok. Saya malam ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bukan kerana malam Jumaat, tidak. Tetapi kerana hendak servis. Bukan servis isteri saya, tidak. *[Ketawa]* Servis.....

Timbalan Yang di-Pertua: Pengundi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ahli-ahli saya.

Dato' Hamzah bin Zainudin: *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dato' Hamzah gelak kenapa? Tuan Yang di-Pertua, taklimat saya setuju. Jangan taklimatkan hanya kepada Ahli Dewan Rakyat. Ini saya akan maklumkan kepada Menteri supaya taklimat, soal mereka datang atau tidak datang, itu soal kedua tetapi, taklimat mesti beri kepada kedua-dua Ahli Dewan. Kalau tidak, macam inilah jadinya, sudah dua kali kena tolak. Satu pinda, satu kena tarik. Saya hendak beritahu, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Perdana Menteri beritahu kepada saya, "*Nazri jaga Parlimen, benarkan mereka, benar-benar menjalankan tugas mereka termasuk kalau terpaksa menolak mana rang undang-undang*", okeylah. Itu saya tidak ada masalah. Bendanya betul, bukan main-main. Ini *withdrawal symptom* ini. Itu pandangan daripada akhbar. Biarlah, tetapi *the truth we do know* yang ahli Dewan Negara memang pantomim dan memerhati rang undang-undang dan memang perlu pun ditarik balik disebabkan oleh kerana kepincangan yang ada dalam rang undang-undang itu. Tahniah saya ucap kepada ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pencelahan waktu Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng berucap, Datuk Dr. Haji Mohd Fuad dia suka mencelah. Tiga kali dia mencelah. Yang Berhormat bertanya berkenaan dengan Senator di Amerika Syarikat, berbeza sedikit. Senator di Amerika Syarikat dia dipilih. Dia malah lebih *powerful* daripada *Congress*. Jadi kita tidak boleh banding kita dengan Senator di US. Sememangnya Senator US itu merupakan satu institusi yang dipilih oleh rakyat dia yang jauh lebih

penting lagi daripada *Congress*. *Congress* tidak kenal siapa dia, tetapi Ahli *Senate* kita kenal. Ramai yang menjadi Presiden datang daripada Ahli-ahli *Senate* bukan daripada *Congressman*. Jadi, saya ingin menyatakan walau begitu pun saya kata, tetapi kerajaan tidak setuju untuk mengadakan pemilihan Senator, sudah tidak boleh. Senator tidak boleh dipilih, mesti dilantik. Kuasa ini diberikan kepada kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Sekali gus kalau rakyat pilih jadi kerajaan, kerajaan berhaklah untuk melantik Senator-senator.

Jangan kita adakan Senator dipilih, Ahli Dewan Rakyat dipilih. Akhirnya apa jadi, Italy. Saya pergi ke Italy baru ini, dia punya Ahli Parlimen pun dipilih, dia punya *Senate* dia pun dipilih. Akhirnya apa jadi. Dalam 30 tahun dia ada 34 kerajaan. Sebab rang undang-undang itu sudah jadi macam *ping-pong ball*. Ahli Dewan Rakyat lulus, dia sepak kepada Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Negara sepak balik ke sana, dia sepak, sepak, sepak. 10 tahun rang undang-undang jadi rang undang-undang, tidak jadi akta. Akhirnya tidak boleh *govern*. Sebab itu kita mesti ada satu sistem hanya satu sahaja Dewan yang dipilih dan Dewan satu lagi itu, Dewan Tertinggi, dia audit kita, memberi teguran supaya kita dapat memerintah. Rakyat pilih kerajaan untuk memerintah. *People voted government to govern*. Mesti *govern*. Tetapi kalau kita ada dua Dewan yang dua-duanya dipilih, kita tidak akan boleh *govern*, kerana tidak boleh *govern* itulah yang menyebabkan di Italy sahaja, dalam masa 30 tahun sudah ada 34 kerajaan. Yang inilah yang baru ini yang lama sedikit sudah sampai tiga tahun. Megah.

Malaysia kita 50 tahun, semenjak 55 sebelum merdeka. Kerana kita *govern*. You *must govern*, kerajaan pilih kita untuk *govern*, *we must govern*. Untuk membolehkan kita *govern*, maka sistem yang ada sekarang ini sememangnya sesuai untuk kerajaan yang dipilih rakyat bagi kerajaan itu memerintah negara itu. Jadi, kita tidak bercadang untuk mengadakan pemilihan di Dewan Negara ini.

Kemudian ruang liputan - Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta supaya televisyen. Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, kalau stesen itu dikuasai oleh kerajaan, ok. Kita boleh suruh. Tetapi kalau stesen itu tidak dikuasai oleh kerajaan, dia mempunyai pertimbangan komersial. Saya kerap kali orang minta supaya Dewan ini secara langsung. Dia orang seronok. Sebenarnya orang ramai seronok sebab mereka mendapat sedutan-sedutan yang menarik dan letak dalam TV. Tengok

waktu Senator Dato' Hamzah tengah begitu ke, begitu-begitu ke [*Bercakap sambil menunjukkan tangannya*] barangkali Dewan Rakyat gambar saya. Saya buat macam ini. Makna tidak ada otak, Ketua Pembangkang. Jadi orang tengok sedutan sahaja. Dia ingat 'wah! *Very interesting*, kami hendak supaya ada siaran langsung'. Tetapi kalau kita buat siaran langsung, saya risau takut nanti semua orang tidur. Sebab ahli Dewan kita pun tidak larat hendak tunggu sampai habis.

Apabila kawan kita berucap, kita keluar pergi minum. Kalau kita buat siaran langsung, memanglah kita bagi hujah. Kadang-kadang cara orang itu bercakap dia membaca. Jadi orang pun tengok, 'His, boringnya...' Dia orang nampak seronoknya fasal sedutan-sedutan. Sebab itu kita tidak mungkin boleh paksa sektor swasta, stesen swasta diarahkan untuk mereka memberi liputan lebih kerana swasta ini dia ada pertimbangan komersial dia. Kita tidak berhajat untuk mensyaratkan mereka untuk melainkan untuk stesen kita sendiri. Itu kita buat setengah jam. Itu pun setengah jam. Kalau lebih daripada itu, mungkin dia sudah mula boring. Kita buat cukup-cukup bagi dia syok. Biar dia hendak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagi klimaks.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jangan bagi dia klimaks.

Timbalan Yang di-Pertua: Anti klimaks.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yea, nanti anti klimaks pula. Jadi sebab itu kita bagi sedikit-sedikit sahaja. Jadi eloklah setakat apa yang ada ini, jangan kita bagi sahaja. Nanti dia akan boring, dia akan tidur. Lama-lama dia minta pula supaya dibatalkan siaran langsung ini. Kita tahulah, kita Senator kita tahulah apa yang berlaku di Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, yang ini saya tidak setuju. Berkenaan dengan bahawa pendidikan penting Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng, tetapi dia bukanlah *paramount factor*. Kalau kita hendak naikkan taraf Dewan kita, maka kita perlu kepada semuanya mempunyai pendidikan tinggi. Kalau nak begitu pergi ke universiti, Senate universiti ada. *Senate* tidak boleh. Sebab *Senate* ini dia terdiri daripada pelbagai kalangan orang. Ada orang yang tidak mendapat pendidikan tinggi tetapi dia dekat dengan rakyat, dia memahami masalah rakyat, maka dia bawa masalah rakyat di Dewan dan dia bercakap. Kalau sudah semuanya itu pendidikan tinggi, saya rasa takut-takut

nanti kita kalah dalam pilihan raya sebab yang rakyat mahu ialah *service* kepada dia. Orang pelajaran tinggi, kadang-kadang dia tidak reti atau faham masalah orang di bawah.

Dia balik dengan aku doktornya tunggu, dia tidak kisah dekat orang, itu sudah cari pasal sudah itu. Jadi sebab itu saya rasa walaupun pendidikan itu penting, tetapi dengan izin *not of paramount important*. Yang penting ialah bagaimana kita menambat hati rakyat dan bagaimana kita boleh memastikan bahawa kita memberikan *service* yang terbaik kepada rakyat, itu yang penting. Dia doktorkah, dia *lawyer*kah, dia orang kampungkah, itu tidak ada masalah. Yang penting dia tahu bagaimana untuk membawa masalah rakyat dan mengatasi masalah itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng bangkit tentang *private members bill*. Tidak ada mana-mana peraturan yang tidak membolehkan kita membawa *private members bill*. Tetapi masalahnya Dewan Negara dia mesti *origin private members bill* itu daripada Dewan Rakyat. Itu sahaja. Dewan Negara ini kalau dia hendak bawa di sini tidak boleh kerana rang undang-undang itu mesti *originnya* daripada Dewan Rakyat. Jadi Yang Berhormat boleh sebenarnya bawa *private members bill*, bagi tahu kawan. Yang pentingnya bukan kita hendak nama. Yang pentingnya kita merasakan iaitu bahawa ada suatu perkara yang kita hendak bangkit yang perlu kerajaan tahu dan kita hendak buat rang undang-undang.

Pergilah jumpa dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat minta buat *private members bill* dan boleh bawa daripada sana lulus Dewan Rakyat bawa sini bincang lulus boleh jadi undang-undang. Perdana Menteri bagi tahu saya. Dia kata Nazri, "Reformasi Dewan Rakyat – buat. Termasuk *private members bill*". Jadi jawapan saya ialah boleh untuk kita mengadakan *private members bill*.

Kemudian Yang Berhormat - tempoh senator. Memang kalau kita hendak tukar tempoh senator ini kita mesti pinda Perlembagaanlah sebab Perlembagaan 45 (3) yang menentukan tiga tahun ini. Sebenarnya dahulu enam tahun. Mengapa jadi tiga tahun?

Sebab kita hendak beri peluang kepada orang ramai lagi untuk menjadi ahli Dewan Negara. Kalau 6 tahun terlalu lama, kalau dua penggal - 12 tahun. Itu pandangan yang dahulu, dahulu memang 12 tahun. Jadi, Ahli Parlimen kemudiannya memikirkan terlalu panjang sangat, aku ini sudah tua, macam mana ini? Hendak jadi

Senator ini tidak habis-habis, 12 tahun tidak habis lagi. Jadi kita pendekkan kepada 3 tahun sahaja. Jadi itu di atas permintaan kita sebenarnya, di atas permintaan kita bukan pandai-pandai orang kata, hendak 3 tahun. Oh tidak, itu di atas permintaan kita. Tetapi terpulanglah kepada Yang Berhormat kalau sudah tukar selera pula sekarang. Saya sebenarnya merasakan sepatutnya 5 tahun. Saya rasalah, kalau 5 tahun bagi sepenggal pun tidak apalah. 5 tahun sama dengan Dewan Rakyat. *[Tepuk]*

Saya rasa itu yang elok. Tetapi terpulanglah. Sebenarnya apa yang hendak buat terpulang. Dahulu jadi 3 tahun pun di atas permintaan ahli politik pada ketika itu. Jadi sekarang ini kalau ahli politik kepada kali ini merasakan 3 tahun itu terlalu singkat hendak 5 tahun, terpulang kepada kita. Kita menguasai 2/3 kita pindalah perlembagaan ini.

Sebenarnya banyak hujah yang sepatutnya kita kena bagi 5 tahun. Pertamanya, persamaan dengan Dewan Rakyat 5 tahun, *why not?* Jadi kalau dua *term* 10 tahun. Sekarang ini orientasi kita menjadi ahli Dewan Negara ini bukan lagi hendak bagi imbuhan kepada ahli-ahli yang kuat sokong kita dan tidak ada tempat tetapi tempat senator ini hendak diberikan kepada orang yang boleh memberi sumbangan, maka terpulanglah. Satu penggal 5 tahun, itu terpulang kepada Ahli Dewan, duduk baik-baik fikir, kemudian beritahu kepada saya dan saya akan beritahu kepada Perdana Menteri. Kalau tuan-tuan dan puan-puan hendak begitu, okey saya ini hamba sahaja, *postman*. Apa Yang Berhormat hendak Insya-Allah, saya tidak boleh buat keputusan sebab ini kena datang daripada Ahli-ahli Dewan Negara sendiri.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Dato' Hamzah.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Pasal tempoh ini. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri apakah ini bermakna Yang Berhormat bersetuju sekiranya Ahli Dewan hari ini bersetuju untuk meminta Yang Berhormat bahawa ke pihak yang tertentu, memikirkan supaya tempoh itu dipanjangkan kepada 5 tahun? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya bersetuju sampaikan. Kalau betul-betul permintaan dari Ahli Dewan Negara, saya setuju sampaikan tetapi akhirnya keputusan itu mesti dibuat oleh Jemaah Menteri. Kita kena ingat ya, walaupun Jemaah

Menteri ini dia eksekutif tetapi tidak mungkin dia jadi eksekutif kalau tidak menjadi ahli legislatif, kena ingat. Jadi dia ada hak untuk pertimbangkan, kalau dia kata *no, no* lah, kalau ya, yalah. Saya akan bawa kepada pihak Jemaah Menteri. Kita runding.

Apabila kita runding ini bukan bermakna kita ini di bawah eksekutif. Bukan kita kata eksekutif *decide* tetapi kita kena macam yang saya sebut tadi eksekutif ini Kabinet. Kabinet ini kita juga, Ahli Parlimen. Ahli Dewan Negara pun ada. Jadi, sebab itu benda ini kita runding dengan eksekutif, jangan rasa tersinggung apabila kata runding dengan eksekutif kerana eksekutif itu juga adalah merupakan *legislative*. Macam mana pun ia akan pertimbangkan kerana ia *legislative* juga.

Okeylah, Yang Berhormat juga ada menyebut berkenaan dengan kalau kita pergi ke luar negara, ada orang tunggu saya akan maklumkan. Cuma peruntukan itu tidak ada sebenarnya. Kita tidak ada peruntukkan kepada *Embassy* kita untuk mengendalikan *transportation* atau apa untuk kita. Kalau saya sebagai menteri pergi pun, mereka tempah tetapi hantar ke kementerian saya bilnya. Duitnya tidak ada.

Sebab itu kadangkala dia tidak boleh hendak menyediakan pengangkutan, dia ini kadang-kadang malu, Yang Berhormat. Dia hendak *defend* kerajaan juga. Takkanlah dia kata kami tidak ada peruntukkan. Kita kena fahamlah, sebenarnya dia tidak ada peruntukan. Tetapi kalau beritahu kepada dia.. sebab itu eloknya Dewan Negara dan Dewan Rakyat ini mesti bebas daripada perkara itu. Apabila kita bebas kita boleh tahu. Kita yang tahu Senator kita 3 orang hendak pergi ke St. Lucia menerusi Los Angeles, dia seorang. Kalau kita *control* perkara ini, kita akan telefon dan beritahu kepada pihak *Embassy* di sana, tolong tunggu orang aku, hendak pergi. Tetapi kalau kita merupakan jabatan, macam mana hendak kerah kementerian yang dianggap...itu kementerian ini jabatan, hendak suruh aku dan sebagainya.

Ini semua masalah. Masalahnya berpunca tidak ada pengiktirafan ini kerana kita bukan satu badan yang bebas. Kalau kita bebas Dewan Negara akan telefon, tolong, tunggu, ya? Senator seorang ini sampai. Dia akan tunggulah. Tetapi pengiktirafan ini adalah masalah kepada kita kerana kita merupakan jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Jadi siapa yang hendak hormat kita, jadi kita kena tukar dan jumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri menceritakan kita harus kembali balik kepada tahun sebelum 1992 di mana kita bebas dan kita boleh

beritahu, senator ini hendak datang. Barulah adadan daripada situ akan mengekori segala pengiktirafan apabila kita bebas. Tetapi kalau kita masih lagi melihat sebagai satu jabatan agak sukarlah untuk kita mengarahkan yang lain untuk terima kita.

Jadi ini.. *this is the problem*. Soal pokoknya benda ini Insya-Allah boleh selesai kalau kita kembalikan balik kepada zaman sebelum tahun 1992. Kita kata tidak boleh ini, Parliamentary Services Act ini dibatalkan kerana hendak beri peluang kepada pegawai kerajaan. Apa pertimbangan pegawai kerajaan kita punya undang-undang dibatalkan? Tidak betul! Betul atau tidak? Kalau kerana kita tidak apa. Ini kerana kakitangan! Hendak beri Puan Roosme boleh naik jadi KSU maka kena jadi... tidak bolehlah. Pertimbangannya kerana Ahli Parlimen, jadi kita kena kembali maruah kita dan saya setuju untuk menjadi sebuah negara yang ada Wawasan 2020, tidak boleh Parlimen ini duduk di bawah mana-mana kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Haji Abdul Rashid bangkitkan berkenaan dengan... saya sudah jawab dah. Dia kata tidak adakah kenaikan ini - pertimbangannya khusus untuk ahli kita? Ada, ada sebenarnya. Kita boleh membuat pertimbangan kenaikan saraan kita khusus untuk kita. Kita naik, pegawai kerajaan tidak naik. Yang ini kita naik kerana pegawai kerajaan naik. Kita untung, masuk kiri untung, masuk kanan untung, tetapi tidak apalah. Janganlah bising sangat. Tetapi kalau Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rashid ada tanya ada atau tidak pertimbangan khusus kepada Senator dan Ahli Parlimen yang memerlukan kepada kenaikan tanpa dikaitkan dengan kenaikan gaji pegawai-pegawai kerajaan, ada. Kita boleh menaikkan gaji saraan kita. Kita raja dan kita bebas. Takkanlah kita tidak putus untuk diri kita tetapi kita untunglah orang lain naik, kita boleh naik tetapi kita juga boleh menaikkan kita punya saraan. Itu terpulung tengok pada tahun dan apabila kita boleh naik.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rashid.. dia bimbang kita tidak ada keistimewaan, sebenarnya kita ada. Sebab itu saya mana boleh panggil Yang Berbahagia, panggil Yang Berhormat. Istimewalah itu, bukan semua orang boleh dipanggil Yang Berhormat ini. Yang Berhormat itu cuma kepada Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara. Inilah keistimewaan kita tetapi saya setuju keistimewaan ini bukan hanya kepada gelaran tetapi mesti juga dinampakkan kepada perkara-perkara lain.

Saya akan memperingatkan juga kepada Menteri Luar Negeri supaya bagilah kalau Ahli Dewan Negara tetapi kalau kita pergi ke mana-mana mesti maklumkan supaya mereka akan hadir bersama dalam seminar itu. Tidak kiralah kalau duta tidak boleh datang, hantar dia punya *First Secretary* supaya dia akan tahu tentang perkembangan yang sedang dihadiri oleh mereka di sini. Saya setuju tentang itu maknanya mesti dilakukan.

Sebab kerja-kerja *embassy*, kedutaan ini ialah untuk menentukan mana rakyat Malaysia ada, apatah lagi dia Ahli Dewan Rakyat, mesti pergi pastikanlah, kalau apa-apa berlaku. Sebenarnya ia pernah berlaku kepada saya, saya pergi ke UK pagi, saya sebagai Menteri, saya tak tahu maklumlah saya Menteri baru, saya pergi-pergi pegawai saya tunggu. Saya tanya dia “ni pukul 5 pagi ni, you bangun pukul berapa?”, “Saya bangun pukul 3 pagi Dato’.” Saya kata “You mari buat apa I London ni macam, you tahulah kan, hari-hari pergi, saya tahu.” Dia kata, “tak boleh Yang Berhormat.” Sebab dia kata, “kalau saya tak datang apa-apa berlaku ‘ngap’ saya, kita kena jagalah.” Ia betul, maknanya Menteri pergi, dia hantar laporan, Menteri datang dan sebagainya, kemudian dia hantar laporan.

Jadi, saya pergi saya Menteri baru, saya dok biasa saya pergi mana-mana pun, saya sendiri yang angkat beg ke apa, tiba-tiba saya tengok dia ada, terkejutlah saya. Kalau dah tahu nak ada saya pakailah *smart* sikit, ini dengan *ruggednya*, tahulah kan ya. Saya malu juga, saya kata lain kali janganlah mari, saya tahu London ini, saya boleh pergi kot mana pun. Dia kata, “tak boleh, kalau Yang Berhormat Dato’ Nazri tak apa, tapi Yang Berhormat sebagai Menteri, ini kerja saya.” Kerja dia, jadi kerjanya jangan jaga Menteri saja.

Puan Siw Chun a/p Eam: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan untuk penjelasan. Minta penjelasan.

Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tengah stim ni.

Puan Siw Chun a/p Eam: Tak apa, tangguhkan stim dulu. *[Ketawa]* Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya Puan Siw Chun.

Puan Siw Chun a/p Eam: Balik kepada keistimewaan untuk Ahli Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan oleh Setiausaha Dewan Negara mengatakan bahawa

kemudahan di hospital-hospital kerajaan tidak termasuk ibu bapa, cuma untuk keluarga Ahli Parlimen itu sahaja. Saya cuma nak cadangkan supaya masukkanlah ibu bapa sekali. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya bersetuju, *caring society*. Apa masyarakat tak peduli pada bapa ni? Saya kalau orang tanya mengapa you tak sayang bapa? Bukan salah saya, kerajaan tak bagi, kerajaan tak *caring* lah maknanya. Saya setuju supaya kita kena masukkan juga ibu bapa kerana sekarang ini kita ada Kementerian Pembangunan, Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kita nak membangun keluarga, kita kena jaga ibu bapa kita. Jadi saya setuju supaya perkara ini kita bangkitkan dan kita masukkan juga ibu bapa, setuju. Ha, macam tu nak kacau, saya stim pun saya tahanlah. Tak apa. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, mengapa Dato' gelak? Ini nak akhir dah, Yang Berhormat pun nak balik kawasan kan? *[Ketawa]* Tidurkah? Kamu tidur tak? *[Ketawa]*

Tinggal lagi lima perkara, pendek-pendek saja lagi. Ahli Parlimen ada peruntukan untuk buka pejabat Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Rakyat ada peruntukan. Ahli Dewan Negara tiada, sudah tentulah yang pertamanya yang tersuratnya kerana Ahli Dewan Negara tiada kawasan, itu yang tersurat. Tapi yang tersiratnya Yang Berhormat, tahulah orang nak jadi ketua - sekarang dalam UMNO ni, Ketua Cawangan pun berebut. Jadi kalau Ketua Bahagian lagilah, ini yang tersirat. Jadi kalau dalam kawasan itu, kawasan yang mana UMNO kah, tak tahulah parti apa pun jadi ahli Parlimen. Kalau kebetulan Ahli UMNO jadi Ahli Parlimen, Ahli UMNO juga Ahli Dewan Negara, masing-masing buka pejabat jawabnya apa - kecohlah. Maknanya sebab itu macam di Terengganu kah ada dua Wakil Rakyat, kedua-dua Dewan Negara ada dua orang, kawasan itu diwakili oleh UMNO, ada dua pejabat - satu pejabat Ahli Parlimen, satu pejabat Ahli Dewan Negara. Saya ingat berkelahi dah. Jadi lebih baik kita satukan supaya ada satu dan orang akan tahu nak tumpu ke mana kalau mereka mempunyai masalah.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi macam satu kapal, dua nakhodakah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Betul, saya tulis nakhoda sini, Tuan Yang di-Pertua boleh baca. *[Ketawa]* Apa masa hadapan saya Tuan Yang di-Pertua, boleh baca tak? *[Ketawa]* Betul, dua nakhoda satu kapal, saya tulis "nakhoda".

Tuan Yang di-Pertua cepat. Jadi dua nakhoda satu kapal, tak boleh. Jadi sebab itu yang tersiratnya kita tidak mahu menggalakkan berlaku perselisihan dari segi persaingan yang hebat maka lebih baiklah supaya Ahli Parlimen itu sahaja diberikan pejabat, oleh disabitkan kerana dia ada kawasan. Sebab itu kita tidak bercadang untuk - saya tahu Yang Berhormat Senator Dato' Rashid Ngah, dia awal-awal lagi dia kata pada saya, "Yang Berhormat jangan tolak, telitilah." Saya dah tahu dah, saya boleh baca "sekilas ikan di air, sudah ku tahu jantan betinanya", tapi yang pondan saya tidak tahu. Jantan betina saya tahu, jadi saya dah tahu dah sebab dia pun tak taulah dia dengan Ahli Parlimen macam mana? *[Ketawa]* Tapi kalau dia pejabat, kami buka pejabat, susahlah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, *gratuity*, gaji Ahli dikalikan dengan 72 bulan, ini memerlukan satu *political decision*. Saya akan membawa perkara ini supaya yang disebutkan oleh Senator Dr. Chin Fook Weng, sama ada kita perlu memindanya untuk memberi ganjaran ini, dia punya kiraannya itu.

Yang akhir sekali, Senator Lee Sing Chooi dengan Senator Wan Nordin. Senator Wan Nordin ini dia punya *point* sama, sebab saya pun setuju dengan dia juga, dia banyak mengampu Tuan Yang di-Pertua sebelum ini. *[Ketawa]* Saya pun, Tuan Yang di-Pertua dalam tu dia dengar ucapan saya. Saya pun setuju dengan dia tapi sebenarnya Tuan Yang di-Pertua ini bagus, jangan marah dengan dia. Dia menjaga, dia membantu, dia menegur untuk menjaga, saya setuju dengan dia.

Timbalan Yang di-Pertua: Dia datang dari negeri yang sama Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak, tak, negeri sama tu memang betul-tapi dia memberikan pujian yang ikhlas, memang betul. Kalau dia tak beri pun, di akhir ucapan saya, saya juga nak beri pujian yang sama juga kepada Tuan Yang di-Pertua yang begitu adil, saksama dan bagi saya peluang masa yang lama untuk menjawab ini, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi - elaun bulanan nak disamakan. Yang Berhormat, itu agak sukar kerana sudah tentulah seperti yang saya sebut tadi pertimbangannya ialah kerana Yang Berhormat daripada Dewan Rakyat dia suka tak suka orang jumpa dengan dia, dia ada kawasan. Walaupun saya faham macam Senator juga mungkin ketua parti, tapi walaupun jadi ketua parti, tetapi elaun Ahli Parlimen tetap ada.

Jadi sebab itu, saya rasa untuk nak samakan memang tidak boleh kerana kalau kita lulus di sini, saya boleh jamin dalam persidangan akan datang, dia akan menaikkan balik supaya jurang itu tetap ada di Dewan Rakyat. Mesti punya. Macam mana kita tidak boleh menghalang Ahli Dewan Negara untuk menyatakan apa yang mereka hendak, begitu juga kita tak boleh nak halang Ahli Dewan Rakyat. Yang ini menaik bagi sama, dia penaikan balik biar lebih 20%, ini akan berlakukah, sememangnya oleh kerana ada kawasan sebenarnya. Dah tu kita berikan sedikit perbezaan, bukan diskriminasi kerana tak suka kepada Dewan Negara tapi dari segi tanggungjawab itu berbeza sedikit.

Ahli Dewan Negara tidak buat pejabat pun tak apa tapi Ahli Dewan Rakyat tak buat pejabat *report card* keluar. Saya jaga *report card* tapi untuk Dewan Negara saya tak laporkan, dia tak buka pejabat atau tidak, tapi untuk Dewan Rakyat kita *check* semua, kalau dia tak buat pejabat maknanya dia tak buat kerjalah tu. Jadi dia lain sikitlah dan dia kena bayarlah sikit, gaji, elaun kepada orang yang bekerja dan lain-lain lagi.

Jadi dari segi itu memanglah agak sukar untuk kita memberi pertimbangan ini. Masa berbeza memang kita kena beza sikit, sebab Ahli Dewan Rakyat dia ada 219 Ahli, Ahli Dewan Senat walaupun peruntukan 70 tetapi hari ni ada 55 orang. Jadi dah tentulah masa untuk perbahasan bersidang bagi Dewan Rakyat, dia lebih sikitlah, bukan lebih banyak Yang Berhormat, Macam kata sekarang Dewan ini tiga minggu, Dewan Rakyat dia lima minggu. Jadi dua minggu saja bezanya, tapi dari segi ahlinya, nak bercakap banyak, ahli dia tolaklah anggota pentadbiran, 90 orang, ada 219 tolak 90 tinggal 100 lebih.

Ini semua hendak bercakap. Kalau tidak bercakap boleh marah. Jadi sebab itu masanya lama sedikit. Bukan kerana Dewan Negara ini kurang penting, bukan itu tetapi kerana ahlinya Dewan Rakyat ini lebih sedikit. Jadi untuk berlaku adil, masanya panjang sedikit. Itu pun tidak banyak, beza dia minggu sahaja. Dua minggu maknanya lapan hari ya, lapan hari.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya hendak sebut iaitu elaun yang dibangkitkan oleh Senator Dato' Hamzah bin Zainudin, dia mencelah tadi. Dia suka

mencelah juga senator ini. Dia mencelah Senator Tuan Lee Sing Chooi. Elaun itu memang tidak cukai. Elaun kita tidak cukai, yang.....

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tidak ada?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, tidak cukai. Elaun Ahli Dewan Negara tidak cukai. Nampaknya Yang Berhormat Senator tidak percaya kepada saya. Ini surat daripada - tengok saya buat kerja, nampak. *Straight away*. Yang Berhormat bangkit sahaja, sampai *note* dah. Cukai tidak cukai? Siapa hendak jawab? Jadi jawapannya, elaun Ahli Parlimen.

“Adalah dimaklumkan bahawa Elaun Ahli Parlimen di bawah perenggan 31(A) dan 31(B) Akta Ahli Parlimen (Saraan) 80 dikecualikan daripada cukai pendapatan mulai daripada tahun tafsiran 81.....”

Ini sudah berapa tahunkan, memang tidak kenalah.

“...dan bagi tahun-tahun tafsiran berikutnya mengikut Perintah Cukai Pendapatan Pengecualian Nombor 3 1982 P.U.(A) 85 bertarikh 25/12/1982.”

Melainkan Barisan Nasional mencukai – Tidak, tidak, itu saya punya ayat, itu bukan. Barisan Nasional kena cukailah, tanyalah. Itu kita punya Setiausaha Dewan, memang cerewet. Kita punya itu RM600, ya? RM600. Ha! Yang itu kalau Yang Berhormat tidak setuju saya akan beritahu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Setuju.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha! Okey, tidak apalah. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berhujah dan mengambil bahagian dalam Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) tahun 1980. Maka, dengan ini saya mohon supaya diterima selepas ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dewan menghargai jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat walaupun seronok didengar tetapi jawapan-jawapan itu adalah begitu komited. Ini menunjukkan Yang Berhormat adalah begitu komited kepada kebajikan, masalah serta cadangan-cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. *[Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

[*Majlis mesyuarat bersidang semula*]

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG ANGKATAN TENTERA (PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.06 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang bagi bacaan kali yang kedua dengan ini saya mohon untuk mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 2005 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk menggantikan peruntukan Seksyen 161 Akta Angkatan Tentera 1972 dengan peruntukan Seksyen 161 yang baru dan memasukkan peruntukan baru seksyen 201B dan 201C.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Seksyen 161 yang sedia ada memperuntukkan bahawa adalah menjadi satu kesalahan kepada mana-mana anggota tentera yang dibuktikan telah menyebabkan kehilangan atau kerosakan harta perkhidmatan harta

awam, namun tiada peruntukan yang membolehkan seorang anggota angkatan tentera itu dikenakan pampasan akibat daripada kecuaiian yang dilakukan terhadap harta perkhidmatan harta awam. Bagi membolehkan elemen pampasan dikenakan ke atas anggota tentera tersebut, maka peruntukan Seksyen 161 yang sedia ada telah dipinda dengan memperkenalkan peruntukan Seksyen 161 yang baru.

Peruntukan Seksyen 161 yang baru ini pada keseluruhannya telah mengguna pakai peruntukan yang terdapat di dalam Seksyen 18 Akta Tatacara Kewangan 1957. Seksyen 18 Akta Tatacara Kewangan 1957 telah menyatakan bahawa sebarang kecuaiian dan kesalahan ke atas harta perkhidmatan atau harta awam boleh dikenakan pampasan.

Oleh yang demikian, dengan adanya peruntukan dengan Seksyen 161 yang baru ini, maka jika seseorang anggota tentera yang telah melakukan kecuaiian atau kesalahan atas harta perkhidmatan atau harta awam boleh diperintahkan membayar pampasan akibat kecuaiian atau kesalahan tersebut. Pemakaian peruntukan seksyen 161 yang baru dalam Akta Angkatan Tentera akan memberi kesan yang baik kepada Angkatan Tentera Malaysia keseluruhannya dan akan memudahkan lagi tindakan-tindakan susulan terhadap apa-apa penyalahgunaan yang dilakukan oleh anggota tentera yang terlibat dalam pengurusan kewangan Angkatan Tentera Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 201B pula bertujuanengehendaki majikan memberi pelepasan kepada pekerja mereka yang menganggotai angkatan sukarela, menjalani latihan atau tugas bagi tempoh yang diperlukan oleh perkhidmatan tentera. Semasa menjalani latihan atau tugas, majikan tidak boleh mengenakan sebarang potongan gaji atau cuti tahunan pekerja semata-mata kerana pekerja tersebut menjalani latihan ataupun tugas.

Manakala 201C, diperkenalkan untuk menjadikan satu kesalahan kepada majikan yang menamatkan perkhidmatan pekerja mereka yang menganggotai angkatan sukarela semata-mata kerana pekerja tersebut menjalani latihan ataupun tugas.

Tuan Yang di-Pertua, Saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: *[Bangun]*

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Saya ingat saya beri peluang dahulu kepada Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani, wakil bekas tentera di Dewan Negara dan selepas itu saya minta Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng untuk bersedia.

5.10 ptg.

Dato' Haji Muhamad bin Haji Abd. Ghani: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan kesyukuran terhadap Allah Subhanahu Wataala dan juga terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang dan ruang kepada saya untuk berbahas di atas Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 2005 ini, serta yang berkaitan untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972 telah mencadangkan dua pindaan yang penting.

Pindaan pertama bagi menggantikan Seksyen 161 yang lama dengan Seksyen 161 yang baru sebagai mana Rang Undang-undang yang dibentangkan pada persidangan ini. Seksyen 161 yang baru memberi peruntukan terperinci berkaitan perbuatan ataupun ketinggalan oleh pegawai r atau askar-lasykar yang menyebabkan kerugian kepada harta Kerajaan Persekutuan atau harta awam. Seksyen baru 161 adalah penting bagi memastikan seseorang pegawai atau askar-lasykar supaya lebih prihatin di dalam menjalankan tugas. Ia memerlukan sesuatu tugas yang diberi kepada seseorang pegawai ataupun askar-lasykar, dijalankan dengan sempurna supaya tidak menyebabkan kerugian kepada harta Kerajaan Persekutuan atau harta awam.

Walau bagaimanapun, tanggungjawab di bawah Seksyen 161 yang baru ini hanya berlaku jika kerugian harta kerajaan itu berlaku kerana perbuatan salah atau kecuai sahaja. Hukuman terhadap kesalahan yang dinyatakan di dalam Seksyen 161 (1) ditetapkan di dalam Seksyen 161(2), di mana pihak berkuasa yang layak boleh memerintah pegawai berkenaan membayar apa-apa jumlah wang sebagai denda tidak

melebihi jumlah harta yang hilang, rosak dan dirugikan. Hukuman ini boleh diperoleh oleh kerajaan melalui tindakan saman di mahkamah atas guaman kerajaan dan boleh juga diperintah oleh pihak berkuasa yang layak dan didapatkan melalui potongan gaji atau pencen pegawai berkenaan jika perintah dibuat oleh pihak berkuasa yang layak, maka potongan gaji atau pencen hendaklah tidak melebihi 1/3 daripada gaji atau pencen bulanan pegawai berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang ini yang pada hemat saya bertujuan untuk mengelakkan daripada kerajaan menanggung kerugian oleh kerana perbuatan salah atau cuai oleh pegawai-pegawai. Dengan adanya peruntukan baru ini seorang pegawai perlu lebih berhati-hati dan lebih sempurna semasa menjalankan tugas dan tanggungjawab untuk negara.

Namun begitu saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang beberapa perkara yang perlu dihalusi dan dapat penerangan mengenai Rang Undang-undang ini. Perkara-perkara berkenaan ialah seperti berikut:

Seksyen 161(1)(b) mengenakan tanggungjawab kepada pegawai yang gagal memungut apa-apa wang dan terhutang kepada Kerajaan Persekutuan. Untuk mensabitkan seseorang pegawai yang telah melakukan perbuatan salah atau cuai, perlulah diperjelaskan setakat manakah tugas memungut yang dimaksudkan oleh Seksyen 161(1)(b) mestilah ada prosedur yang telah ditetapkan oleh jabatan bagi menjelaskan apakah kerja-kerja yang dimaksudkan dengan tanggungjawab memungut hutang kerajaan. Sebagai contoh seseorang pegawai perlu menghantar surat tuntutan secara berdaftar atau serahan tangan selepas pemiutang gagal membayar dalam tempoh 14 hari atau 3 bulan. Pegawai perlu menyerahkan kes kepada bahagian perundangan jabatan ataupun peguam.

Makna perkataan “gagal untuk memungut” adalah terlalu luas. Bagi mengelakkan tindakan di bawah seksyen ini, adakah pegawai berkenaan perlu mencari pemiutang di rumah dan memaksa si pemiutang sehingga si pemiutang membuat pembayaran. Adakah pegawai pemungut terpaksa bertanggungjawab terhadap semua hutang yang tidak dapat dipungut? Tugas memungut hutang bukannya senang jika maksud “mesti pungut semua hutang sampai dapat”. Mengikut pengalaman, banyak si pemiutang tidak membayar balik di atas bermacam-macam sebab termasuklah sebab

tidak mampu. Adakah pegawai pemungut-pemungut terpaksa memikul semua hutang yang tidak dapat dipungut itu? Jika demikian tidak ada pegawai yang sanggup menjadi pegawai pemungut hutang Kerajaan Persekutuan. Saya mencadangkan perlu menjelaskan bahawa jika pemungut-pemungut yang telah ditetapkan oleh jabatan, maka ia telah menyempurnakan tanggungjawabnya. Jika sekiranya tidak dapat memungut hutang kenalah mengambil tindakan-tindakan yang tertentu.

Perkataan “telah gagal untuk memungut apakah hutang yang terhutang kepada kerajaan Persekutuan” adalah terlalu luas dan meletakkan tanggungjawab yang sangat berat kepada pegawai pemungut. Perkara ini perlu diperjelaskan di dalam Akta pindaan yang dicadangkan.

Saya juga ingin menyentuh peruntukan cadangan Seksyen 161(4). Seksyen ini menunjukkan gambaran bahawa kerajaan mempunyai pilihan sama ada membuat tuntutan sivil di mahkamah biasa atau membuat perintah membayar melalui pihak berkuasa yang layak. Masalah jika hukuman diperoleh melalui guaman kerajaan di mahkamah, kerajaan boleh menuntut kesemua jumlah yang dituntut melalui proses lelong harta atau membankrapkan pegawai yang dituntut dan jumlah tuntutan juga boleh dipaksa secara sekali gus melalui proses mahkamah. Jika hukuman dibuat melalui perintah oleh pihak berkuasa yang layak, maka Seksyen 161(4) menetapkan jumlah yang diperintah melalui potongan gaji atau pencen dan potongan tidak boleh lebih daripada $\frac{1}{4}$ daripada gaji. Adakah perbezaan pelaksanaan hukuman di antara perintah yang dibuat di mahkamah dan perintah berkuasa dan yang layak? Adakah Rang Undang-undang ini sebenarnya mencadangkan perbezaan tanpa sebab? Rang Undang-undang ini hendaklah memberi keadilan kepada pegawai dan anggota tentera yang terlibat bertanggungjawab. Mereka hendaklah sama dengan kakitangan awam yang lain. Mereka tidaklah patut dijadikan penjamin kepada kutipan hutang kerajaan dan perkara ini perlu jelas di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya ingin menyentuh kemasukan seksyen baru 201B dan 201C di dalam Akta Angkatan Tentera 1972. Saya menyokong penuh kemasukan dua seksyen baru ini. Bagi memudahkan angkatan sukarela dipanggil untuk latihan atau pertugasan, selama ini askar-lasykar wataniah menghadapi masalah dengan majikan apabila mereka dipanggil untuk bertugas atau membuat latihan.

Dengan adanya peruntukan baru ini, perkara ini menjadi jelas dan majikan tidak lagi boleh berdolak dalih dengan pekerja yang terlibat dalam panggilan latihan atau tugas angkatan sukarela.

Peruntukan seksyen baru 201B dan 201C akan menggalakkan lagi kemasukan masyarakat di dalam angkatan sukarela terutamanya askar wataniah, kita mencadangkan supaya dapat diadakan dua askar wataniah bagi setiap anggota tetap. Sehingga sekarang matlamat ini masih belum tercapai. Adalah penting bagi kita untuk memantapkan pasukan askar wataniah dari segi bilangan anggota dan kualiti latihan kerana mereka amat penting jika negara kita dilanggar musuh yang memerlukan kekuatan ketenteraan.

Berkenaan peruntukan ini, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada Seksyen 201B(2)(a), saya ingin penerangan agar perkataan “tidak wajar” pada baris kedua Seksyen 201B(2)(a) supaya dapat penerangan yang lebih jelas. Ini bagi mengelakkan daripada majikan mengatakan potongan gaji yang mereka buat adalah potongan yang wajar. Perkataan “tidak wajar” pada seksyen 201B(2)(a) supaya setiap majikan tidak boleh memotong gaji angkatan sukarela yang dipanggil untuk latihan atau bertugas semata-mata oleh sebab tidak hadir kerja dalam tempoh latihan atau tugas supaya ianya akan mengurangkan perbalahan dan menutup ruang kepada mana-mana majikan yang enggan bekerjasama. Oleh sebab itu dengan adanya pemindaan seksyen ini, maka saya yakin dan percaya bahawa wawasan kerajaan untuk memantapkan angkatan dengan seorang tentera biasa, dua tentera wataniah akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya merasa lain-lain perkara yang saya akan sentuh berhubung dengan angkatan tentera dan juga saya ingin merakamkan tahniah dan syabas kepada Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak yang juga Menteri Pertahanan di atas pelantikan Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia, Laksamana Dato’ Seri Mohd. Anuar bin Mohd. Nor sebagai Panglima Angkatan Tentera Malaysia pada 13 April yang lalu. Sesungguhnya pelantikan Panglima TLDM sebagai Panglima Angkatan Tentera adalah satu anjakan paradigma, memecah tradisi kepimpinan angkatan tentera yang selama ini diterajui oleh tentera darat.

Saya percaya pelantikan ini dibuat atas dasar melantik orang yang paling layak mengisi jawatan yang sangat penting itu. Saya percaya Kementerian Pertahanan sentiasa mengorak langkah dengan pelaksanaan Program Pembangunan Pertahanan Negara, keberkesanan dan kemampuan angkatan tentera bukanlah dinilai daripada keperibadian seseorang pemimpin sahaja tetapi merangkumi kesepaduan, kemahiran, peralatan, teknologi dan sumber manusia secara keseluruhannya.

Angkatan Tentera Malaysia dalam konteks sumber manusia, latihan dan kemahiran boleh dibanggakan, bukan sahaja setaraf malah boleh menandingi angkatan tentera mana-mana negara, namun begitu kita tidak sepatutnya leka atau mengabaikan kehendak keperluan sistem keselamatan negara di samping mengawasi perbatasan kita di darat, pengawasan di perairan dan di ruang angkasa adalah amat penting.

Tuan Yang di-Pertua, pengawasan ruang angkasa negara adalah tanggungjawab TUDM. Kita sedia maklum bahawa ruang angkasa negara adalah luas bagi mengesan ancaman musuh-musuh negara. Oleh itu saya ingin tahu adakah negara mempunyai sistem radar pertahanan udara yang cukup dan berkemampuan sepenuhnya dan sentiasa dinaik taraf dengan teknologi dan keperluan semasa untuk mengawasi ruang angkasa negara kita yang menghadapi sebarang kemungkinan.

Begitu juga keupayaan TUDM untuk melancarkan Pelan Curiga dengan menghantar pesawat pejuang bagi memintas pesawat penceroboh di ruang angkasa kita. Pesawat udara adalah sebahagian daripada sistem pertahanan negara. Kita masih memiliki pesawat udara yang telah lama tetapi masih boleh digunakan seperti helikopter Nuri. Saya cadangkan kita tidak perlu melupuskan Nuri kerana pesawat tersebut boleh dibaik pulih dan dinaik taraf dengan sewajarnya. Kita boleh beli pesawat tambahan baru jika kita ada kemampuan. Memanglah ramai di antara kita mengatakan Nuri tidak sesuai lagi kerana umurnya sudah begitu lama.

Tuan Yang di-Pertua, masih terdapat ruangan dari segi penyediaan keperluan asas seperti pakaian seragam. Rungutan ini biasanya berkisar dari segi kualiti, umpamanya pakaian celoreng luntur dalam masa yang singkat. Kita sedia maklum bahawa Kementerian Pertahanan telah membuat dasar dan garis panduan untuk pembelian barang keperluan asas mengikut piawaian tertentu.

Saya ingin minta penjelasan adakah piawaian ini diabaikan atau adakah pembekal mengambil kesempatan membekal barang-barang yang tidak memenuhi piawaian yang ditetapkan diimport dari negara China. Saya ingin tahu adakah Kementerian Pertahanan membuat penilaian dari masa ke semasa ke atas pembekal dan barang-barang yang dibekal untuk memastikan ia memenuhi piawaian dan mengambil tindakan yang sewajarnya kepada yang mengambil kesempatan itu.

Kita tahu bahawa setiap masa anggota-anggota tentera tidak cukup pakaian kerana kemungkinan peruntukan sudah cukup oleh sebab kemungkinan membekalkan barang-barang yang tidak baik, maka tentulah pertukaran akan dibuat sepanjang masa. Usaha Kementerian Pertahanan melalui Syarikat Perumahan Negara menyediakan kemudahan-kemudahan rumah untuk anggota-anggota tentera yang telah berkeluarga menunjukkan keprihatinan Kementerian Pertahanan terhadap kebajikan anggota-anggota tentera.

Keperluan perumahan angkatan tentera amatlah diperlukan terutama di kawasan yang mempunyai kos sara hidup yang tinggi seperti di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor memandangkan kadar sewa yang tinggi dan tidak selaras dengan elaun rumah yang mereka dapat iaitu dalam RM230 hingga RM300 sebulan, saya mencadangkan kepada Kementerian Pertahanan untuk menyewa rumah di kawasan perumahan untuk anggota-anggota tentera di dalam satu kawasan. Sekiranya perkara ini berlaku, sekiranya ada keperluan untuk memanggil mereka bertugas, mereka boleh dikerah dengan mudah. Saya harap suatu hari nanti program satu tentera, satu kemahiran, satu pekerjaan dan satu rumah akan tercapai.

Di sini juga saya ingin tahu setakat manakah perumahan angkatan tentera di Lembah Klang yang telah dibuat atau diamanahkan oleh Syarikat Perumahan Negara, adakah rumah itu siap mengikut masa dan tempohnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap angkatan tentera kita adalah organisasi yang mantap, boleh bekerja dan berkongsi dengan baik. Angkatan tentera kita kini dalam era *e-defence* dan juga *k-defence*. Bekas Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Mohamad Zaidi Zainudin menyatakan angkatan tentera khasnya tentera darat digesa mempertingkatkan kemahiran melalui konsep *k-soldadu*. Tetapi soalnya bagaimana konsep yang dinyatakan tadi dapat dilaksanakan kerana anggota-anggota tentera lebih

suka memilih jalan untuk bersara ataupun meninggalkan perkhidmatan sebelum tamat tempoh perkhidmatan yang diwajibkan.

Saya berpendapat hasrat angkatan tentera untuk melahirkan anggota tentera yang berkemahiran tinggi untuk mengatasi cabaran teknologi ini pastinya terganggu kerana terpaksa melatih dan melatih dan tiba masanya akan meninggalkan angkatan tentera.

Di sini saya mencadangkan umur persaraan ke atas tentera untuk anggota berpangkat Sarjan ke atas dilanjutkan kepada 45 tahun yang mana pada masa kini setelah mereka berkhidmat 21 tahun, bererti mereka berumur 40 tahun mereka telah berhenti dan juga yang berpangkat Koperal ke bawah saya mencadangkan supaya berkhidmat sehingga umur 40 tahun dan berpencen. Ini selaras dengan konsep e-Defend dan k-Defend dan juga k-Soldadu yang disarankan oleh bekas Panglima Angkatan Tentera supaya kemahiran yang mereka perolehi dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Adakah Kementerian Pertahanan membuat kajian untuk mengenal pasti punca-punca anggota tentera memilih untuk bersara awal ataupun menamatkan perkhidmatan dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengekalkan anggota-anggota tentera dalam perkhidmatan sehingga persaraan? Adakah benar tanggapan yang mengatakan bahawa punca adalah syarat-syarat perkhidmatan; gaji dan elaun angkatan tentera tidak selaras dengan pembangunan negara dan perkembangan ekonomi? Kemungkinan anggota tentera menganggap pendapatan lebih lumayan daripada apa yang mereka perolehi di dalam angkatan tentera sedangkan anggapan itu bukan ada kenyataan.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan kerana telah menaikkan gaji pegawai dan anggota lain-lain pangkat sebanyak 35.8% mulai 1 Ogos 2004. Di sini juga saya mencadangkan supaya elaun perkhidmatan RM60 dan RM80 dinaikkan kerana sudah lama elaun perkhidmatan tidak dinaikkan. Mereka bertugas selama 24 jam sehari dan ada masanya terpaksa meninggalkan keluarga dan dalam tempoh masa yang sama, mereka merasai mereka tidak mencukupi dalam keadaan yang terdesak dan sebagainya kerana tugas mereka tidak kira masa. Kita juga berharap kepada pihak kerajaan untuk sentiasa mengambil berat dan mempertingkatkan lagi

membuat sesuatu supaya tentera-tentera kita merasa sayang kepada negara dan mereka bertugas demi untuk mempertahankan agama, bangsa dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian Pertahanan mengkaji mengapakah masih ramai pemuda-pemuda berbangsa Cina dan India tidak berminat memilih bidang ketenteraan? Saya memohon agar pemimpin-pemimpin MCA dan MIC memikirkan mengapakah pemuda-pemuda dari kaum Cina dan India tidak berminat memasuki bidang ketenteraan sedangkan mereka adalah rakyat Malaysia dan menjaga negara berdaulat ini adalah tanggungjawab bersama.

Pada tahun 2004, seramai 6,746 anggota baru diambil. Dari jumlah tersebut, hanya 20 orang sahaja dari bangsa Cina, 54 orang dari bangsa India. Adalah jelas, keanggotaan ATM tidak menggambarkan perwakilan bangsa rakyat Malaysia. Dengan itu, kajian perlu dibuat untuk menarik minat mereka untuk menyertai angkatan tentera dan sekali gus menanamkan semangat patriotik dan setia kawan di antara kaum.

Tuan Yang di-Pertua, setelah 21 tahun berkhidmat...

Tuan Yang di-Pertua: Takkanlah bekas perajurit hendak minta kerajaan sahaja kaji, takkanlah Persatuan Bekas Perajurit tidak boleh bantu kerajaan dengan input-input tertentu?

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Memang Persatuan Bekas Perajurit memainkan peranan yang penting. Bagaimanakah supaya generasi muda untuk berminat menyertai pasukan keselamatan? Kalau dahulu yang menyertai pasukan keselamatan, dalam masa satu tahun dalam 3,000...

Tuan Yang di-Pertua: Jadi apakah cadangan Persatuan Bekas Perajurit untuk membetulkan keadaan ini?

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Jadi, Persatuan Bekas Perajurit akan bersama-sama berkempen ataupun memberi kesedaran kepada rakyat bahawa kita perlu membuat sesuatu untuk kepentingan negara kita dan kita melihatkan bahawa setelah mereka tamat daripada perkhidmatan.....

Tuan Yang di-Pertua: Selain daripada cadangan berkempen, apakah cadangan yang lain?

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Cadangan lain, kita cuba menonjolkan bahawa setelah kita tamat perkhidmatan, kita hidup lebih baik daripada

semasa dalam perkhidmatan supaya menarik mereka bahawa selepas sahaja berhenti dalam angkatan tentera, mereka boleh hidup lagi selesa dan kita juga hendak supaya bukanlah kata bekas tentera...

Tuan Yang di-Pertua: Maka apakah cadangan-cadangan khusus dan spesifik?

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Yang khusus, kita hendak menggalakkan kalau masuk tentera, kedudukan dia apabila berhenti itu, dia hidup dengan selesa, itulah tujuan kita. Kita selalu buat kursus-kursus kepada tentera-tentera dan kita menggalakkan supaya anak-anak bekas tentera sendiri menyertai pasukan keselamatan. Jadi kalau kaum Cina dan India, kita tidak boleh buat apa-apa, hanya sekadar beri kepada pemimpin-pemimpin Cina dan India berusaha ke arah itu. Tetapi untuk bangsa Melayu insya-Allah kerana bekas tentera sekarang lebih daripada 200 ribu. Kalau sekiranya seorang membenarkan atau menggalakkan anak dia menyertai pasukan keselamatan, tidak mungkin tentera-tentera kita akan menjadi pupus, akan dapat sambutan yang begitu baik kerana pada masa kini kita lihat bahawa memang sudah ramai memohon untuk menyertai pasukan keselamatan. Sebab macam saya sendiri, selalu orang minta surat sokongan dan sebagainya. Ini bererti sambutan bagi orang Melayu sudah cukup memuaskan.

Sampai mana sudah tadi? *[Ketawa]* Jadi, setelah 20 tahun berkhidmat, angkatan tentera memilih untuk menamatkan perkhidmatan di bawah Skim Pencen Pesara. Apabila mereka meninggalkan ATM maka berhasrat untuk memulakan kehidupan di dalam dunia awam dengan lebih sempurna lagi, berbekalkan segala ilmu dan kemahiran serta disiplin yang mereka perolehi semasa dalam perkhidmatan ATM. Kebanyakan mereka adalah berumur dalam lingkungan 32 tahun dan 40 tahun, maka mereka meninggalkan, sama ada suka atau tidak maka cukup umur, mereka terpaksa meninggalkan angkatan tentera. Umur yang sebegini adalah muda dan boleh bekerja lagi. Dengan kemahiran yang ada, mereka cuba memohon pekerjaan tetapi di mana silapnya kerana mereka tidak diterima dan kalau adapun amatlah kecil bilangannya. Saya berpendapat walaupun kemahiran mereka kemungkinan tidak setaraf dengan kemahiran yang ada di masyarakat luar, hanya mereka berbekalkan terutama tentera-tentera yang tidak ada kemahiran, hanya sekadar yang bahagian ...bahagian perang

sahaja. Jadi, mereka ini kebanyakannya dapat bekerja sebagai jaga, *driver* teksi dan lain-lain pekerjaan yang menggunakan tenaga.

Oleh itu kita harapkan kepada pihak kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran akan berusaha bersungguh-sungguh mencari jalan supaya mereka ini dapat mencapai matlamatnya mendapat pekerjaan agar generasi muda akan lihat bahawa apabila mereka berhenti tentera, mereka ada pekerjaan. Jadi kalau dia berhenti tentera atau askar, tidak ada pekerjaan. Mereka melihatkan, mereka akan susah di masa akan datang. Oleh itu, saya rasa inilah cara yang terbaik sama-sama kita memperjuangkan.

Kehidupan selepas bersara adalah lebih mencabar bagi bekas-bekas tentera ini. Kita bimbang oleh kerana ramai bekas tentera yang berhenti sekarang ini – lebih kurang lima ribu orang setahun, jadi ke mana arah mereka ini? Yang pergi kursus dengan PERHEBAT, hanya seribu sahaja; empat ribu lagi berkursus merata-rata tetapi selepas mereka kursus, mereka tidak dapat pekerjaan. Jadi, saya sebagai Presiden Bekas Tentera juga berasa bimbang kerana kita melihat bahawa bekas-bekas tentera sekarang ini tidak mendapat pekerjaan yang baik. Kemungkinan sebab-sebab mereka sendiri, sikap mereka dan juga mereka tidak merapatkan hubungan dengan pihak-pihak yang boleh memberi manfaat dan faedah kepada dia. Inilah harapan kita supaya saya harap kerajaan lebih prihatin kepada bekas-bekas tentera dengan memberi lebih banyak lagi peluang-peluang pekerjaan kepada mereka untuk meneruskan kehidupan mereka. Semoga dengan kerjasama yang diberi, itulah cara untuk membalas jasa dan perjuangan mereka selama mereka berkhidmat di dalam angkatan tentera.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum Kerajaan Pusat menyediakan peruntukan yang besar untuk membantu bekas-bekas tentera. Ini termasuklah latihan peralihan dan juga bantuan kebajikan. Peruntukan yang disediakan hanya untuk persiapan diri dan bantuan asas terhadap tanggungjawab bekas tentera dalam kehidupan seharian sebagai seorang manusia lebih-lebih lagi yang telah dilatih sebagai tentera. Maruah ada dalam diri masing-masing.

Bekas tentera tidak meminta simpati dan ihsan kalau mereka diberi peluang untuk berdikari dan berusaha untuk membina dan meneruskan kehidupan selepas perkhidmatan. Saya ingin bertanya, adakah kerajaan negeri-negeri membuat dasar

khusus dan menyediakan peluang-peluang untuk bekas-bekas tentera meningkatkan ekonomi mereka, termasuk kemampuan memiliki rumah sendiri.

Saya anggarkan bahawa lebih daripada 10,000 keluarga tentera berada di setiap negeri. Sudah menjadi kebiasaan apabila bersara, tentera memang suka balik ke kampung. Ini menunjukkan kebelakangan ini kita tidak nampak peningkatan kerajaan-kerajaan negeri membantu bekas-bekas angkatan tentera, hanya mengharapkan Kementerian Pertahanan sahaja yang menjalankan tugas kerana Kementerian Pertahanan telah diamanahkan oleh pihak kerajaan.

Oleh sebab bekas-bekas tentera berada di kampung, maka saya haraplah pada semua pihak ambil tanggungjawab masing-masing dan saya merayu kepada Ahli-ahli Parlimen, wakil-wakil rakyat dan juga Exco Kerajaan Negeri supaya bersama-sama seiring dengan usaha Kerajaan Pusat untuk memartabatkan bekas tentera dengan menyediakan peluang-peluang untuk mereka meneruskan kegiatan ekonomi untuk keselesaan mereka, dengan adanya jaminan dan keupayaan untuk bekas tentera terus berdikari dan juga mengekalkan jati diri generasi muda hari ini dan akan datang dan menilai bahawa kerjaya angkatan tentera mampu memberi jaminan dalam kehidupan ekonomi yang wajar. Selepas perkhidmatan, mampu menjadi kerjaya dalam angkatan tentera, tarikan kepada semua lapisan masyarakat untuk mempertahankan agama, bangsa dan negara kita.

Sebagai satu langkah untuk membendung masalah bekas tentera juga, saya mencadangkan agar Kementerian Pertahanan bekerjasama dengan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri memberi peluang kepada bekas-bekas tentera yang telah berhenti secara pilihan, iaitu bersara, diserap dan kepada pasukan polis mengikut pangkat dan kesesuaian di bidang masing-masing, kerana mereka berumur 30 tahun, 32 tahun dan 40 tahun. Jadi, kalau dahulu memang ada bekas-bekas tentera diserapkan dalam perkhidmatan polis.

Jadi kebelakangan ini tidak ada dan saya haraplah supaya ini dapat mengurangkan lagi beban yang dipikul oleh pihak kerajaan kerana bekas-bekas tentera tidak mempunyai pekerjaan.

Seperti yang dilaporkan di dalam sebuah akhbar utama tempatan, terdapat 2,000 orang pegawai keselamatan daripada, kononnya Gurkha yang bertugas menjadi

pengawal keselamatan, pendapatannya RM1,200. Di sini, saya harapkan kepada pihak-pihak yang ada lesen kawalan keselamatan, hendaklah mengambil golongan bekas-bekas tentera untuk menjadi pegawai keselamatan mereka dan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri hendaklah memperuntukkan 70% daripada pengawal keselamatan mesti terdiri daripada bekas-bekas tentera dan polis.

Saya juga mencadangkan supaya kadar gaji pengawal keselamatan di Malaysia diselaraskan, diseragamkan mengikut piawai yang tertentu oleh pihak kerajaan. Jadi sekiranya gaji mereka tinggi, hendak ambil orang luar gaji tinggi tetapi apabila ambil pekerja-pekerja tempatan, gajinya begitu rendah sekali. Perbezaan dalam RM400. Maka tidak wajarlah pihak-pihak yang mempunyai lesen kawalan keselamatan mengambil mereka ini. Jadi, kerajaan ada kuasa, hendaklah menentukan bahawa gaji itu diselaraskan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian mengenai pencen bersara tentera apabila diumumkan anggota tentera akan menerima kenaikan gaji, mereka juga merasa gembira dan berharap pencen mereka juga akan dinaikkan mengikut kadar kenaikan yang diluluskan. Tetapi, amat mengecewakan mereka. Pencen mereka masih di tahap lama. Walaupun dikatakan pencen tentera adalah di atas paras kemiskinan, saya mencadangkan pencen persaraan tentera juga dinaikkan mengikut kadar kenaikan. Anggota-anggota tentera yang masih berkhidmat, saya juga ingin mencadangkan supaya kerajaan menyeimbangkan bayaran pencen antara pesara tentera yang lama dan yang baru.

Sebagai contoh, anggota berpangkat Sarjan yang telah bersara menerima pencen RM500 tetapi anggota berpangkat yang sama menerima pencen RM900kah, RM1,000 dinaikkan pencen. Kalau sekiranya pencen ini naik, dapatlah meringankan beban-beban bekas-bekas angkatan tentera yang lama sudah pencen. Sebagai tanda mengenang jasa mereka mempertahankan maruah mangsa dan martabat negara, di samping itu saya mencadangkan agar pencen minimum bekas angkatan tentera dipastikan berada di atas paras kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan bekas pesara angkatan tentera memberi pekerjaan, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah wang yang banyak melalui Perbadanan Hal-Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) supaya mereka

menghadiri kursus-kursus peralihan dalam tempoh peralihan mereka. Ini menunjukkan keprihatinan kerajaan kepada anggota kita. Ketika ini, hanya 20% daripada 5,000 bakal pesara tentera sahaja yang menyertai kursus tersebut setiap tahun. Dengan itu, saya mencadangkan angkatan tentera hendaklah meminda Akta Angkatan Tentera supaya mewajibkan bakal-bakal separuh tentera mengikuti kursus melalui PERHEBAT ataupun dikawal selia oleh PERHEBAT dan juga ditentukan oleh PERHEBAT, corak kursus yang perlu mereka ikuti.

Ini bererti, kita hendak supaya PERHEBAT hendaklah kursus peralihan kepada bakal-bakal pesara itu mengikut kemahiran semasa mereka berada dalam angkatan tentera. Kalau sekiranya kebanyakan mereka ini kalau dulu dia sebagai *workshop* atau mekanik tetapi apabila dia hendak kursus peralihan, dia pergi tukang masak. Apabila balik kampung dia tidak buat kerja apa-apa kerana tidak ada kemahiran. Jadi kalau dihendak, kementerian atau PERHEBAT sendiri menentukan, menyambungkan, mempertingkatkan kemahiran dia semasa dalam tentera sehinggalah dia berhenti tentera. Maka, kemahiran dia ada. Maka, kita ajar dia, kita latih dia supaya dia betul-betul mahir dan sesuai dengan keadaan masyarakat yang memerlukan mereka hidup yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap pihak PERHEBAT mempertingkatkan perhubungan dengan agensi luar atau syarikat-syarikat korporat supaya membenarkan bakal-bakal pesara ini menjalani peralihan di tempat mereka supaya apabila tamat peralihan, mereka terus diambil bekerja. Saya juga mencadangkan supaya Kementerian Pertahanan mewajibkan semua bakal pesara menghadiri kursus macam saya cakap tadi, agar mereka dapat menentukan masa depan mereka diajar, ditunjuk, kerana budaya tentera atau cara bekerja dalam angkatan tentera berpasukan. Dia tidak boleh kerja seorang. Dia tunggu arahan.

Kata orang, kalau yang bawah tunggu arahan, yang besar tunggu mengarah. Yang pangkat tinggi mengarah-mengarah, tidak boleh. Sebab itu, orang yang di bawah atau yang pangkat prebet sahaja itu, siapa dia hendak arah? Dia tidak boleh apa-apa. Maka, dia duduk diam begitu sahaja. Maka, saya yakin dan percaya Ahli-ahli Dewan yang ada pada hari ini, ramai saudara-saudara atau keluarga kita yang mana bekas angkatan tentera, kerana kita sekarang ini, bekas tentera lebih hampir 2,000 orang, ahli

persatuan sahaja kita ada 158,000 orang. Ini bererti, semua ada keluarga-keluarga, golongan daripada bekas-bekas angkatan tentera. Oleh itu, saya haraplah supaya pihak kerajaan sama-sama kita dan juga Jabatan Hal-Ehwal Veteran hendaklah mencari pekerjaan, berusaha bersungguh-sungguh supaya bekas tentera dapat pekerjaan yang lebih baik, lebih sempurna supaya mereka merasai jasa mereka dibalas ataupun dikenang, walaupun jasa kita bukan minta dibalas, hanya untuk diperingati dan dibantu supaya mereka hidup lebih selesa.

Saya seru sekali lagi kepada kerajaan negeri, tolonglah beri tanahkah. Kalau dalam kita hendak masuk tentera dahulu, memang kita ada perjanjian, telah diberitahu. Tanah-tanah diutamakan kepada tentera-tentera atau bekas-bekas tentera, dia mesti bagi hadiah. Jadi, kalau kerajaan negeri bagilah, kata 20 x tidak payah seekar, dua ekar, 20 x 70 pun tidak apalah. Sebuah rumah pun sudah mencukupi. Jangan bagi 3 x 5 x 6, itu memanglah semua dapat. 90 kaki persegi itu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Itu pun tidak bagi, pinjam sahaja. *[Ketawa]*

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Ya. Kena bayarkah Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, sementara reput. Selepas itu dia bagi.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Sementara reput, ya.

Jadi itulah antara lain rungutan-rungutan bekas-bekas angkatan tentera yang begitu ramai dan juga saya berterima kasih kerana baru-baru ini kerajaan telah memperuntukkan lebih daripada RM19 juta satu tahun untuk membantu....

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Minta laluan...

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Sekejap. ... untuk membantu *[Ketawa]* kesihatan kepada bekas-bekas tentera yang tidak ada pencen. Jadi semua dapat. Kalau sakit bekas tentera, tidak jadi masalah. Ini segi yang sakit. Tetapi yang sekarang ini, yang untuk kebajikan tidak menjadi masalah, kerusi roda semua dapat. Tidak menjadi masalah apa-apa. Yang bermasalah ialah bekas-bekas tentera yang sihat, yang segar, yang muda. Ini jadi masalah. Yang balu-balu tidak jadi masalah pada masa ini. Itu adaah atas prihatin kerajaan. Ya, Yang Berhormat.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada perbincangan yang dibawa oleh Yang Berhormat menunjukkan bahawa banyak

masalah yang dihadapi oleh bekas-bekas angkatan tentera. Ini menunjukkan bahawa dengan kemahiran yang ada, latihan yang telah diberi semasa berkhidmat sebagai anggota tentera, ertinya ada kemahiran-kemahiran yang merbahaya yang mempunyai kepakaran-kepakaran tertentu seperti membuat bom ataupun membuat senjata-senjata dan latihan-latihan komando. Kalau ini tidak diambil kira oleh pihak kerajaan, sudah tentu ia akan menjadi satu masalah kepada masyarakat pada masa-masa yang akan datang. Oleh yang demikian, saya tidak tahu macam mana daripada hujah yang telah diberi menunjukkan bahawa 5000 setiap tahun anggota tentera itu mengalami era persaraan. Oleh yang demikian, daripada setahun ke setahun ianya akan menjadi masalah sosial nanti dan keadaan seperti ini, adakah ia akan menjadi satu benda yang membahayakan keselamatan awam di masa-masa yang akan datang, apabila orang-orang yang bersara ini tidak ada perkhidmatan yang tetap, pendapatan yang boleh menjamin keluarga mereka ini dengan lebih sempurna. Apa pendapat Yang Berhormat?

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Memang benar kata Yang Berhormat tadi. Jadi kita sedang berusaha macam saya sendiri bersama-sama Kementerian Pertahanan sedang mencari jalan, tetapi kata orang itu, macam kita Persatuan Bekas Tentera memang tiada kuasa dan tidak berkuasa. Jadi kita memang hendak bekas-bekas tentera dilihat sebagai satu kerjaya terutama yang berpangkat-pangkat Jeneral. Kita lihat pangkat-pangkat Jeneral sekarang bukan kita rasa dia hidup senang. Ada juga kalau pangkat Jeneral itu kalau dahulu pendapatan dia, kedudukan dia kata orang lebih daripada Perdana Menteri.

Kalau orang tidak hormat Perdana Menteri tidak apa Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak hormat kepada pegawai tentera boleh buang kerja. Ini satu kekuatan. Tetapi apabila tamat perkhidmatan, mereka tidak mempunyai pekerjaan. Sekadar menjadi Lembaga Pengarah LTAT dan sebagainya. Jadi inilah kita mencari jalan dan kita berusaha dan saya pun sedang berusaha seberapa daya yang boleh untuk memujuk mereka atau mencari jalan supaya mereka dapat pekerjaan terutama yang tidak ada kemahiran, yang boleh menyerapkan pekerjaan dia di swasta dan sebagainya. Kalau sekiranya pihak kerajaan mempertingkatkan lagi PERHEBAT dan Jabatan Hal Ehwal Veteran sebagai *One Stop Centre* bagi menentukan, hendak mencari pekerjaan supaya mereka ini diberi kursus yang boleh memberi manfaat dan sesuai dengan

kehendak masyarakat, maka mereka ini dapat mengurangkan dari masa ke semasa. Inilah harapan kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat teruskan. Dewan Negara kerana menghargai..... tolong duduk Yang Berhormat. ... kerana Dewan Negara menghargai jasa perajurit-perajurit kita dan kedudukan angkatan tentera, dan kerana Dewan Negara menghormati kedudukan Yang Berhormat selaku wakil dan pemimpin bekas-bekas angkatan tentera, saya telah membenarkan Yang Berhormat berucap begitu panjang lebar mengenai pelbagai masalah khususnya yang menyentuh soal pembelaan dan kebajikan mereka, sedangkan perkara di hadapan kita yang dibentangkan sebagai pindaan kepada Akta Angkatan Tentera tahun 1972, itu adalah menyentuh soal disiplin dan profesionalisme secara tidak langsung diketatkan soal-soal pampasan, dan bagi memberi kuasa undang-undang supaya sektor swasta lebih akur kepada latihan ketenteraan yang perlu bagi sukarelawan-sukarelawan. Bolehkah Yang Berhormat balik kepada tajuk yang merupakan masalah di hadapan Majlis?

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, yang di hadapan Majlis tadi saya sudah terang dahulu sebab saya tidak bagi kemudian saya takut masa tidak cukup, ia tidak boleh tinggal. Jadi saya sudah bagi tahu tadi memang itulah yang telah diterangkan dalam undang-undang ini - sudah selesai, hanya untuk mengukuhkan dan menguatkan lagi keadaan atau peluang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, sekarang Yang Berhormat boleh gulunglah keseluruhan.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Gulung keseluruhan. Tiga *pages*, sekejap sahaja lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Takut Yang Berhormat panjang-panjang yang ini, yang tadi itu orang lupa.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Tidak lupa, menteri semua tidak ada, itu sebab saya bagi dahulu supaya senang dia hendak jawab.

Tuan Yang di-Pertua, keamanan, kemakmuran dan kemajuan yang kita capai hari ini bukanlah sesuatu yang berlaku dengan sendiri. Dalam usaha yang mengekalkan keamanan dan kesejahteraan negara, ramai anggota keselamatan terutamanya tentera yang terkorban dan tercedera. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini sejak

kebelakangan ini isu-isu Parti Komunis Malaya (PKM) dan ideologi komunis hangat diperkatakan.

Untuk maklum dalam perjanjian perletakkan senjata dan pembubaran PKM di Haadyai pada 2 Disember 1989, difahamkan bahawa semua anggota PKM yang meletakkan senjata tidak akan pulang ke Malaysia. Mereka telah ditempatkan di suatu perkampungan di Selatan Thailand dengan diawasi oleh pihak keselamatan Thailand. Sekiranya ada di antara mereka yang ingin pulang, mereka akan tertakluk kepada undang-undang negara dan akan melalui proses pemulihan. Walaupun begitu, bekas polis dan tentera sesungguhnya merasa terhina, jika bekas penganas komunis kembali terima sebagai rakyat Malaysia.

Saya dimaklumkan bahawa seramai 5554 anggota keselamatan terbunuh dan cedera kerana bertempur atau terkena jerangkap samar penganas komunis dari tahun 1948 hingga 1989.

Dari jumlah tersebut 3327 terdiri daripada anggota polis hanya seorang sahaja yang terselamat yang ada di hadapan kita, iaitu Datuk Jins Shamsudin hero Bukit Kepong, manakala 2227 lagi anggota tentera selain anggota pasukan keselamatan. Seramai 2555 anggota awam turut terkorban kerana menjadi sasaran penganas komunis yang kejam dalam masa yang sama. Jumlah penganas komunis yang terbunuh, cedera dan ditangkap adalah seramai 11,222 jadi kita tidak kalah jugalah ramainya. Dari angka tersebut 6895 dibunuh dalam pertempuran dan 2968 pula cedera, manakala 1359 penganas komunis berjaya ditangkap. Menurut akhbar Berita Harian bertarikh 28 Disember 1989, Perdana Menteri seketika itu Tun Dr. Mahathir Mohamed menyatakan PKM tidak menghentikan ideologi komunisnya.

Perjanjian Haadyai adalah untuk mereka meletakkan senjata. Sebuah akhbar tempatan Melayu melaporkan bahawa sebuah universiti yang telah menerbitkan buku mengenai dua pejuang komunis, apakah motif penerbitan buku ini dibuat. Adakah pihak tertentu berusaha secara halus untuk memberi pengiktirafan kepada bekas penganas komunis, saya mencadangkan agar Kementerian Keselamatan Dalam Negeri membuat siasatan ke atas mereka dan jika terdapat kesahihan mereka cuba mengketengahkan ideologi komunis, tindakan sewajarnya patut diambil. Jadi kita tengok surat khabar yang keluar pada bulan 11 ada berapa banyak yang mana mereka seolah-olah memberi

sokongan dan mengiktirafkan komunis sebagai pejuang kemerdekaan. Inilah kita harap kepada pihak kerajaan yang bertanggungjawab kepada perkara-perkara ini dan jadi saya hendak baca pun masa tidak begitu mengizinkan kerana semua ingat hendak balik semualah. Jadi dengan itu dapatlah kita rasa bahawa kita terutamanya bekas-bekas tentera merasai sungguh terhina jika sekiranya - dahulu kita sudah terasa dua orang balik, ini ada pula hendak balik dan datang seramai lebih kurang 300 orang akan buat melalui mahkamah dan sebagainya.

Jadi kita haraplah kepada semua yang hadir pada hari ini menentukan bahawa kita tidak membenarkan dan kita tidak redha dan kita tidak mahu ideologi komunis bertunas dan merimbun semula. Oleh itu, sebarang peluang, usaha dan kaedah untuk membolehkan ideologi komunis bertunas, wajar dicantas dan dicincang lumat-lumatlah. Ini adalah kerana usaha kerajaan memerangi dan membanteras ancaman PKM selama 40 tahun iaitu dari tahun 1948 hingga tahun 1989 menyebabkan perbelanjaan kewangan yang besar - kemusnahan harta-benda dan hilangnya nyawa anggota tentera, polis serta awam dan program pembangunan negara tertangguh.

Sehubungan itu sebarang bentuk simpati dan pembukaan ruang kepada anggota bekas PKM adalah satu pembetulan kepada negara dan pengkhianatan serta penghinaan kepada mereka yang berjuang dan berkorban memerangi PKM terutama bekas tentera dan polis yang banyak terkorban, cacat anggota dan menderita dan ada yang masih hidup sehingga sekarang dan demi mempertahankan kedaulatan negara yang kita cintai ini. Ini adalah negara kita dan saya minta Ahli-ahli Dewan Negara bersama menentang sebarang usaha untuk mengembalikan bekas-bekas komunis kita yang telah berada dalam keadaan aman dan damai seperti hari ini. Jadi bila kita duduk dalam keadaan aman dan damai jadi tidak mungkin lagi kita hendak ideologi komunis disahkan di dalam negara kita. Jadi dengan itu saya haraplah kepada semua pihak hendaklah sama-sama kita memikirkan supaya negara kita ini janganlah lagi ada ideologi komunis. Dengan itu saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

6.03 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada cuma dua perkara yang ringkas sahaja dalam perbahasan Akta Angkatan Tentera Tahun 1972

iaitu Akta 1977 itu. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pindaan kepada Seksyen 161, saya dapati sungguhpun ia adalah baik tetapi bagaimana kementerian itu menentukan sama ada sesuatu itu ialah kelalaian, kecuaiian ataupun sengaja dilakukan. Kalau ia sengaja dilakukan kenapa tidak ada peruntukan supaya satu denda dikenakan kerana apa yang telah dicadangkan dan di bawah pindaan kepada seksyen 161 ialah supaya apa amaun yang telah dihilangkan itu, pegawai berkenaan kena diberi pampasan tetapi pampasan itu tidak melebihi amaun apa-apa kehilangan.

Kalau kehilangan itu berlaku atas niat jahat kenapa tidak ada tindakan seterusnya sebagai menurunkan pangkat, dibawa ke mahkamah untuk dcaj di bawah CBT dan sebagainya. Saya dapati mungkin ada kekurangan kalau perkara ini yang berlaku itu berlaku kerana niat jahat pegawai berkenaan dan bukan kerana kecuaiian. Oleh kerana tidak peruntukan supaya tindakan sedemikian diambil maka saya ingin tahu bagaimana kementerian itu dapat membezakan sesuatu melalui kecuaiian dan sesuatu yang berlaku atas niat jahat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya ingin bangkitkan ialah Seksyen baru 201B dan 201C iaitu tentang cuti untuk latihan atau pertugasan seseorang anggota sesuatu angkatan sukarela itu. Pada pendapat saya pendekatan yang diambil oleh kementerian itu tidak begitu sesuai memandangkan apa yang telah dicadangkan iaitu satu tindakan tegas diambil terhadap majikan yang tidak bekerjasama dalam perkara ini. Kalau itu berlaku atau kalau saya seorang majikan, apabila saya menggajikan seseorang itu mungkin soalan yang pertama yang saya akan tanya ialah adakah tuan ini terlibat dalam angkatan sukarela? Kalau jawapannya ya, saya kata terima kasihlah saya cari calon lain kerana kalau saya tidak benar orang ini untuk menyertai rancangan saya mungkin dipenjarakan di bawah peruntukkan ini dan saya boleh didenda dan tidak melebihi RM6,000 dan saya boleh dipenjarakan tidak melebihi 6 bulan. Kalau seorang majikan memikirkan baik-baik kenapa hendak ambil risiko menggajikan seseorang itu dan kemudian bersabit salah kerana perkara ini.

Pada saya kita harus memikirkan satu jalan keluar yang lebih sesuai dan tidak menimbulkan satu keraguan di antara majikan-majikan yang mungkin akan menyokong rancangan itu tetapi oleh kerana kekerasan apa yang telah dicadangkan di bawah seksyen baru 201B dan 201C itu sekarang tidak mahu bekerjasama dan akibatnya

mereka yang masuk angkatan sukarela itu tidak senang dapat cari pekerjaan dan mereka mungkin hanya boleh berkhidmat dengan kerajaan atau badan-badan berkanun kerajaan sahaja. Pihak swasta mungkin tidak mahu melantik orang ini kerana ada peruntukkan di bawah 201B dan 201C, adakah ini satu perkara yang mungkin berlaku?

Cadangan saya untuk mengatasi masalah ini ialah di bawah Kementerian Sumber Manusia, Tuan Yang di-Pertua, kita ada peruntukkan bahawa gaji yang dibayar oleh sesuatu syarikat itu satu peratus itu diketepikan atau disumbangkan kepada dana. Kalau kita anggap tugas-tugas angkatan sukarela itu sebagai satu tugas yang boleh menggunakan peruntukkan duit yang telah disumbangkan oleh syarikat itu mungkin ini adalah satu jalan keluar dan semasa pegawai itu tidak hadir, maka gaji itu boleh dibayar daripada tabung itu dan majikan itu tidak perlu bayar apa-apa gaji.

Majikan itu hanya diminta memberi cuti tanpa rekod kepada orang itu supaya hadir dalam pertugasan seperti yang diminta oleh kementeriannya. Kalau kita menggunakan pendekatan yang pada saya lebih munasabah itu mungkin masalah seperti yang saya jangkakan itu tidak akan timbul. Saya tidak tahu kalau kita luluskan ini mungkin harapan kita supaya lebih orang terlibat dalam pertugasan angkatan sukarela itu tidak tercapai dan ini pada akhirnya akan menjejaskan rancangan kementerian.

Jadi, saya minta pihak kementerian memikirkan ini dengan mendalam dan sama ada mengkaji cadangan saya supaya menggunakan apa yang telah diperuntukkan. Kita sudah ada satu tabung, masalah sekarang ialah banyak majikan itu tak guna duit daripada tabung itu dan tabung itu makin lama makin besar dan ada banyak duit di sana. Kalau itu boleh dikira sebagai latihan dan semua gaji dan sebagainya, faedah diberi kepada pegawai berkenaan daripada tabung ini dan majikan tidak perlu tanggung apa-apa, hanya memberi cuti tanpa rekod dan sungguhpun ini satu gangguan kepada aliran tugas firma berkenaan mungkin mereka rela terima itu. Tetapi dalam pendekatan kekerasan seperti yang dicadangkan, denda, penjara kepada majikan, mungkin sukar bagi mereka membuat pelantikan seseorang yang terlibat dalam angkatan sukarela itu.

Saya hanya nak tanya kalau kita tahu ada wujudnya perkara ini, kalau kita seorang majikan, adakah kita begitu terbuka untuk melantik seorang bekerja di firma kita kalau dia seorang daripada sukarelawan. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad.

6.16 ptg.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk terus membahaskan Rang Undang-undang Angkatan Tentera 1972, khususnya untuk meminda Seksyen 161 Akta 77 ini.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas ini Yang Berhormat, Timbalan Menteri boleh bersedia untuk menjawab dan menggulung.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, saya berminat untuk membahaskan isu ini kerana dulu saya memang bercita-cita untuk menjadi tentera kerana suka berperang kerana akhirnya saya masuk politik tapi rupanya dalam politik juga banyak peperangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu, dua perkara untuk memudahkan apa yang ingin perbahaskan iaitu yang pertama ialah saya faham bahawa pindaan ini membuktikan kerajaan mempunyai hasrat dan keprihatinan untuk menaikkan imej pasukan keselamatan, khususnya angkatan tentera, terutamanya dalam isu masalah disiplin angkatan tentera yang sering diperkatakan sekarang ini. Cuma saya ingin membangkitkan perkara dalam Seksyen 161 Akta 77 Perkara A iaitu telah menyebabkan apa-apa kehilangan atau kerosakan kepada harta, perkhidmatan ataupun harta awam.

Apakah ini bermaksud juga kepada kehilangan peralatan seperti senjata, kecurian harta dan sebagainya sebab kita dulu pernah berhadapan dengan satu isu Al-Ma'unah yang masuk ke dalam kawasan kem tentera merampas senjata dan kita bimbang bahawa ini berlaku berpunca daripada kelemahan pegawai-pegawai yang menjaga keselamatan peralatan dan juga keselamatan dalam khemah tentera itu sendiri. Dan, apakah ini termasuk dalam perkara tersebut?

Yang kedua ialah kita tahu bahawa angkatan tentera ini mempunyai tugas iaitu pertama dari segi *security* dan yang kedua ialah untuk mempertahankan kedaulatan negara, maka di mana kedudukan soal-soal rahsia ketenteraan dan sebagainya. Apakah ini termasuk dalam perkara ini yang tujuannya ialah untuk kita menaikkan imej pasukan keselamatan negara?

Yang ketiga, saya ingin membangkitkan soal Lembaga Siasatan ini yang akan membuat keputusan terhadap tindakan-tindakan yang diambil kepada pegawai-pegawai yang terlibat dengan salah laku ini. Saya berharap Lembaga Siasatan ini mestilah menjalankan tugas dengan penuh adil, profesional, tidak pilih kasih dan juga memberikan hak-hak rayuan kepada mereka yang terlibat, yang didakwa dan sebagainya.

Yang keempat, yang ingin saya sentuh ialah seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng tadi iaitu tentang Perkara 201B iaitu cuti untuk latihan dan pertugasan. Saya sebenarnya menyokong kuat kepada penambahan ataupun menambah Seksyen 201B ini kerana untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri adalah anggota kepada Pasukan Wataniah yang berpangkat Mejar, maksudnya kalau Singapura serang Johor, saya bersedia di barisan hadapan.

Saya tahu bahawa ramai anggota-anggota wataniah ini bertugas di jabatan-jabatan kerajaan dan juga sektor swasta. Ini adalah penting sebenarnya kerana kebiasaannya anggota wataniah ini mereka memerlukan cuti dari segi pertugasan terutamanya kalau terlibat berlaku bencana alam dan sebagainya. Mereka sering dipanggil untuk memberi bantuan untuk pertugasan, itu satu. Yang kedua kebanyakan mereka ini juga yang berpangkat rendah, mereka perlukan kenaikan pangkat, mereka perlu pergi ke latihan. Tanpa melalui proses latihan, ketenteraan dan sebagainya, mereka tidak dapat naik pangkat maka sudah tentulah jika perkara ini tidak disokong, maka ini sebenarnya menyekat minta orang ramai untuk masuk dalam pasukan sukarela, khususnya tentera wataniah ini.

Sebab itulah kadang-kadang kita mendapati ada di kalangan majikan-majikan terutamanya di sektor swasta yang langsung tidak mahu memberikan kerjasama, yang memberikan ugutan dan kadang-kadang cuba menukar perjanjian yang sedia ada untuk memastikan bahawa mereka ini tidak terus bekerja dengan syarikat berkenaan. Dan, sebab itulah kenapa bagi saya menambah Seksyen 201B ini iaitu cuti untuk latihan dan pertugasan dan Seksyen 201C iaitu larangan pembuangan kerja kerana latihan dan pertugasan ini perlu diberi sokongan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana usaha mereka untuk menaikkan imej tentera kita

dan saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan tahniah kepada tentera kita yang bertugas dengan penuh rela semasa berlakunya bencana tsunami, khususnya di Aceh kerana saya empat kali ke Aceh dan saya melihat sendiri tentera kita memang misi mereka di sana ialah misi kemanusiaan termasuklah pasukan-pasukan sukarela yang turut terlibat di sana. Tidak seperti Singapura yang datang ke Aceh semata-mata untuk menunjukkan kekuatan tentera mereka, seolah-olah mereka nak mengkaji *terrene*, dengan izin, Indonesia yang sama dengan *terrene*, *topography* di Malaysia ini dan ini saya rasa sebenarnya perkara-perkara yang harus kita merasakan kebanggaan kepada Angkatan Tentera Malaysia ini yang bertugas kerana benar-benar untuk melaksanakan misi kemanusiaan.

Sebab itulah kenapa, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usaha-usaha untuk memperbaiki sistem pertahanan kita ini dan saya berharap kalau boleh kementerian juga memikirkan kenapa kalau Polis Diraja Malaysia diwujudkan satu Suruhanjaya Diraja untuk mengkaji tentang keberkesanan, tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh Polis Diraja Malaysia, kenapa Angkatan Tentera tidak mempunyai satu cadangan untuk sekurang-kurangnya mewujudkan satu Suruhanjaya yang sama supaya kita dapat memodenkan peranan dan fungsi Angkatan Tentera Malaysia, menambah baik perjawatan dari segi saraan, skim perkhidmatan, pengurusan sumber manusia supaya jangan maksudnya tentera kita ni susah dari segi kenaikan pangkat dan juga membaiki dari segi peralatan dan logistik kepada angkatan tentera, apa lagi perumahan dan suasana kerja yang lebih baik kepada angkatan tentera supaya mereka ini jangan cepat untuk bersara dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya angkatan tentera ini mestilah mempunyai konsep pertahanan dan ketahanan bangsa. Jangan saja kita membeli peralatan yang canggih untuk pertahanan tetapi tidak ada usaha untuk meningkatkan ketahanan anggota tentera kita ini.

Sebab itulah saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah berjaya mewujudkan kor agama dalam angkatan tentera supaya ketahanan juga menjadi faktor yang penting dalam keselamatan negara. Kita tidak boleh memisahkan antara pertahanan dan ketahanan. Oleh sebab itulah saya berharap kor agama angkatan tentera ini diperbaiki dari masa ke semasa supaya masalah-masalah disiplin yang

melibatkan anggota tentera seperti dadah, kecurian, pergaduhan, rompakan dan sebagainya tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dijemput Yang Berhormat menjawab dan menggulung perbahasan.

6.21 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator-senator. Senator Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani, Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng dan Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi. Saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan dan turut serta dalam membahaskan Akta Angkatan tentera ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita bentangkan akta ini satu, untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang melakukan kesilapan atas pentadbiran dan yang keduanya kita mengambil tindakan kepada mereka yang tidak mahu beri kerjasama atas usaha kita menubuhkan Pasukan Sukarela Wataniah dan kelonggaran kepada mereka untuk hadir dalam kursus dan latihan.

Akta ini tidak menyebut tentang kenaikan pangkat, gaji, elaun dan sebagainya tetapi oleh kerana menghormati Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini dan bagi pihak kerajaan saya atas nama Kementerian Pertahanan ingin menyarankan perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu.

Kepada Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi yang membangkitkan tentang sistem kemudahan yang ada di dalam angkatan tentera yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Presiden Persatuan Bekas Perajurit apakah masa depan angkatan tentera kita. Kita buat persediaan, satu dalam pertahanan negara dan satu dalam persediaan jati diri dan minda serta semangat patriotisme yang sepatutnya ditanam.

Sememangnya inilah yang ada yang menjadi tugas dan tanggungjawab pemimpin-pemimpin dalam angkatan tentera dan semangat yang telah ditaji dan dibaji supaya bukan sahaja mereka mengejar tentang pendapatan tetapi mereka membina

sikap dan kekuatan mereka untuk menjadi anggota tentera sama ada dalam pasukan tetap ataupun dalam pasukan simpanan.

Kita sangat berterima kasih pada hari ini walaupun sambutan daripada kalangan orang-orang bukan Melayu khususnya orang Cina dan India yang tidak begitu memberangsangkan menyertai pasukan tentera ini tetapi daripada segi sambutan secara umumnya rakyat negara kita ini daripada berbilang kaum yang lain adalah amat membanggakan kerana apabila kita membuka peluang bukan sahaja sambutan yang dapat daripada kalangan *graduate* yang lulus SPM dan sebagainya untuk jawatan dan latihan pegawai-pegawai tetapi untuk menyertai angkatan tentera biasa sahaja sentiasa melebihi daripada tawaran yang kita beri.

Satu lagi yang memberangsangkan bukan sahaja laki-laki yang menyahut seruan untuk menjadi anggota angkatan tentera ini bahkan di kalangan beliawanis kita juga memberi satu galakan dan rangsangan, satu usaha yang mempamerkan keunggulan semangat srikandi yang secara langsung ditanam melalui sistem patriotisme dari dalam sistem pendidikan di sekolah telah benar-benar menampakkan penerimaan mereka dan mereka mengimplementasikan sistem ini dan secara nyatanya kita sudah ada semua unit anggota tentera laut darat dan udara yang datang daripada anggota-anggota belia dan beliawanis. Beliawanis di dalam negara kita ini dan termasuk askar wataniah yang kita boleh membuat *recruitment* secara besar-besaran.

Kita telah mengambil keputusan satu Parlimen kita akan menubuhkan satu kompeni askar wataniah iaitu lebih kurang 100 ke 140 orang anggota dari kawasan Parlimen yang berkenaan. Pada tahun ini sahaja kita akan menubuhkan lebih kurang 45 ke 50 kompeni askar wataniah di seluruh negara dan kalau dikali satu kompeni paling kurang 100 orang maka kita ada lebih daripada 500 bilangan askar wataniah yang akan diserap diterima masuk sebagai pasukan simpanan askar wataniah dalam negara kita dan pada hari ini kita sudah ada 35,000 ke 45,000 yang sudah menjadi anggota askar wataniah.

Hasrat Yang Berhormat Senator Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani untuk negara ini capai tiga simpanan kepada satu anggota tetap, kita bercadang untuk kita capai dalam tahun 2015. Tapi sekiranya berdasarkan sambutan yang ada pada hari ini kita rasa kita boleh mencapai lebih cepat lagi terutama sekali bila kita melihat 12

universiti dan kolej di dalam negara kita sudah dapat menubuhkan PALAPES daripada kumpulan wataniah ini dan dalam masa yang sama dasar kita bukan menggalakkan mereka ini menyertai Pasukan Simpanan Wataniah kita juga membuka ruang dan peluang kepada mereka untuk diserapkan menjadi anggota sukarela apabila peluang itu terbuka dan keperluan itu didedahkan. Mereka ini juga digalakkan untuk terus berusaha merancang mendisiplinkan, melayakkan diri, dan *upgradekan* kredibilitinya dan profesion dalam ketenteraan ini untuk terus berkhidmat dan mendapat pangkat yang tertentu.

Berkait dengan apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi kita bukan sahaja melatih pasukan tentera regular di dalam negara kita ini, kita juga melatih askar wataniah. Oleh sebab askar wataniah inilah terpaksa kita latih maka akta 201B dan 201C ini kita kemukakan untuk kelulusan Dewan kerana apa yang dicurigai dan apa yang agak menyusahkan yang dibangkitkan oleh Dato' Dr. Chin Fook Weng, kalau rakyat kita yang sudah menyertai anggota simpanan ini memohon kerja di mana-mana syarikat awam dan apabila mereka melihat akta ini dibentangkan kemungkinan mereka akan menolak pemohon ini, individu ini untuk menjadi pegawai ataupun kakitangan syarikat yang berkenaan oleh sebab kalau mereka ingkar satu, kalau mereka tidak bersimpati dengan program kerajaan, kalau mereka tidak daripada keturunan yang patriotik kepada negara ini sebenarnya mereka adalah perosak yang paling utama, bukan akta ini yang menjadi perosak pengambilan pekerja di dalam syarikat mereka. Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin. [*Minum air*]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, pengambilan pasukan simpanan wataniah ini bukan hanya kita menyediakan diri untuk mereka pertahankan negara berperang tetapi kita juga melatih mereka tentang jati diri, kesetiaan, kesungguhan, disiplin yang menjadikan pasukan simpanan itu kental dan hebat dan dengan sendiri menjadi individu itu produktif dan efektif dalam pekerjaan mereka. Ini sepatutnya disedari oleh majikan-majikan yang berkenaan tetapi dalam masa yang sama kita juga adil kepada majikan.

Kita tidak mengambil ahli-ahli wataniah ini untuk berkursus pada hari mereka bekerja kecuali dalam setahun sekali pada masa mereka terpaksa mengikuti kursus yang agak panjang di luar daripada kawasan. Ketika mereka berkursus membuat

latihan di kawasan kita tetapkan [*schedule*] pada hari-hari sepatutnya pada hari itu ialah hari hujung minggu ataupun hari mereka bercuti. Sebab itu kita adakan 100 ke 140, bukan sekali gus 140 itu akan bekerja. Maka kita *schedule* dan *reschedule* dengan izin, supaya mereka ini waktu bercuti di jabatan ataupun syarikat mereka melatih dengan pasukan simpanan. Ini mestilah diterima pakai dan difahami oleh majikan-majikan ataupun pengurus-pengurus syarikat supaya imbal balik dan kerjasama penyesuaian ini bagi menggandingkan rasa tanggungjawab dan penggunaan tenaga yang ada bagi penduduk tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pendekatan yang dibuat melalui Akta ini dan perancangan yang disusun oleh Kementerian Pertahanan setelah anggota sukarela ini yang kita terima dan kita latih ada 140 boleh menyelamatkan tenaga kerja asing yang sepatutnya masuk bekerja di dalam kawasan Parlimen kita. Kita telah melatih disiplin dan sebagainya sedangkan bila kita mengambil tenaga pekerja asing yang datang bekerja ke kawasan Parlimen kita, *factory* kita, gudang kita, ladang kita mereka tidak ada beberapa semangat yang boleh disuntik, yang boleh diguna pakai, yang boleh dirangsangkan dan produktivitinya belum ketara berbanding dengan askar wataniah yang ada di dalam negara kita.

Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat Senator boleh menyampaikan cerita ini. Tetapi sekiranya terdapat keingkaran ini, maka kita tidak ada pilihan. Dalam menentukan keselesaan hidup kita juga perlu keselesaan menghormati undang-undang dan jangan satu pihak untuk hendak hidup mewah dan menyusahkan orang lain dengan tidak memberi peluang perkongsian rezeki dalam negara ini. Sistem yang kita guna pakai ini adalah semangat perkongsian yang jitu dan tulen. Sebab itulah apabila tahun 40-an dan 50-an negara kita menghadapi satu renjatan dan semangat benci kepada penjajah dan benci kepada siapa yang merancang untuk kemerdekaan. Komunis melanyak kita habis-habisan.

Ramai pasukan tentera dan pasukan polis bahkan *Home Guard* iaitu pasukan simpanan *outdoor* dahulu yang terkorban seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani, berapa ribu yang saya tulis ini, saya pun tidak sempat jumlah kerana ribu yang terlalu banyak. Tidak hairan kalau pasukan bekas-bekas perajurit dan polis dan para pemimpin kaum menolak

permohonan sebilangan komunis ini untuk menjadi rakyat di dalam negara ini kerana sejarah telah membuktikan bahawa tawaran kepada mereka untuk kembali bersama dengan rakyat mereka telah tolak. Bukan sahaja orang-orang Melayu yang menghadapi tekanan yang hebat bahkan orang-orang India yang duduk dalam estet juga merasa takut dan curiga serta amat gentar sekali untuk mencari makanan dan komunis ini juga tidak mengira keturunan. SB ataupun pegawai-pegawai penyiasat daripada Pasukan Polis Diraja banyak yang dikorbankan dan saya percaya beberapa tempat di dalam negara kita ini menjadi ingatan yang menggerunkan kerana di situ medan komunis merancang untuk membunuh.

Perkara ini telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator dan saya percaya Yang Berhormat Senator dapat mengetahui bagaimana rasa hati kita dan kalaulah pemerintahan dalam zaman komunis menjadi kesempatan kepada mereka mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat Senator tidak berpeluang untuk berada di dalam Dewan ini kerana mereka tidak akan mengamalkan semangat kebangsaan dan semangat demokrasi yang kita amalkan bersama dan sudah tentu akan berlaku *segregation* dan kefahaman kaum yang menebal dengan semangat patriotisme yang mendalam yang tidak boleh kita bendung. Oleh kerana mereka kalah oleh sebab pemahaman kaum dapat kita gembungkan yang menjadikan negara Malaysia ini kita cinta bersama.

Penubuhan asal askar wataniah adalah merupakan

Tuan Ismail bin Kasim: Pohon laluan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin:.....ya, ya, Yang Berhormat.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat dan juga ketetapan yang dibuat oleh pihak kerajaan berhubung dengan isu bekas-bekas pemimpin pengganas komunis ini, adakah kerajaan memberi kebenaran khas kepada mereka ini untuk balik ke negara kita bagi menghadiri upacara-upacara tertentu misalnya kenduri, kematian dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Mengikut apa yang telah diberitahu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga selaku Menteri Dalam Negeri kumpulan yang telah menentang negara ini yang telah mengucar-ngacirkan negara ini hanya diberi pada masa-masa yang tertentu untuk kembali menjadi rakyat. Mereka yang tidak mahu

kembali seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Muhammad tadi diberi kesempatan oleh kerajaan Thailand untuk tinggal di Thailand. Oleh sebab mereka tinggal di Thailand maka tidak adalah kesempatan untuk mereka balik ziarah, melepak, minum kopi dan berbual-bual kerana peraturan dalam negara kita, kemasukan orang-orang yang boleh memporak-perandakan negara ini kita tidak benarkan dan oleh sebab itu kalau terdapat pendatang-pendatang tanpa izin juga kita hantar kembali ke negara mereka. Apa pula bagi orang-orang yang berfahaman komunis pada hari ini tetapi ini adalah kuasa kerajaan dan kuasa Kabinet untuk memutuskan sama ada mereka akan dibenarkan ataupun tidak. Tetapi saya percaya berdasarkan kepada tinjauan dan *hearsay* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, rakyat tidak restu dan peratus yang tidak ramai yang tidak restu sebab itu dalam pilihan raya yang lepas rakyat memberi mandat semula kepada kita dengan sistem budaya nilai yang ada dalam negara ini untuk kita pertahankan.

Kementerian Pertahanan akan sentiasa memberi pandangan yang serius apa juga pendapat daripada ahli-ahli *veteran* terutama sekali, bekas-bekas tentera yang daripada kalangan sahabat, keluarga dan kawan-kawan mereka yang banyak terkorban, semua sebut nilai ini menjadi inisiasi kepada pertimbangan kita dan ini adalah satu perkara yang kuat dalam pegangan kita untuk menjadikan kasih sayang kepada orang yang telah berkorban dengan kita itu kita akan pertahan habis-habisan. Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad juga.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bolehkah saya ganggu sebentar?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingin bertanya berapa lama lagikah Yang Berhormat akan mengambil masa bagi saya memutuskan sama ada Timbalan Yang di-Pertua akan menggantikan saya dengan mempengerusikan mesyuarat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua melihat persoalan ini banyak saya tidak dapat memberi, saya ingat lebih kurang tidak sampai sejam sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Eloklah saya minta Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua menggantikan saya, terima kasih. Sila teruskan Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat hendak buat keputusan itu. Tuan Yang di-Pertua, mengenai apa yang dibangkitkan oleh Dr. Chen dan Dr. Fuad tentang lembaga siasatan, tentang undang-undang ini. Sebenarnya kita ada dua perkara - penyiasatan dibuat oleh pihak lembaga tentera dan hukuman juga boleh dibuat oleh lembaga ini dan ada juga hukuman yang terbabit dengan undang-undang dan perkara yang agak serius dan sekiranya perlu dilaporkan kepada Polis maka ia akan berpindah kepada keputusan mahkamah.

Dan sekiranya setelah keputusan mahkamah juga dibuat dan pihak lembaga tentera ada melihat bahawa ada ciri-ciri yang tertentu yang patut dihukum melalui tatatertib maka tatatertib, maka tatatertib ini akan diambil lagi, dan sekiranya pihak Lembaga Tatatertib telah berpuas hati dengan apa yang telah diputuskan oleh mahkamah maka Lembaga Tatatertib ini akan mengikuti keputusan mahkamah yang telah dibuat. Kemungkinan tidak akan berlaku bahawa hukuman dan keputusan hukuman bertindih kita ambil satu, ini yang telah ditetapkan oleh lembaga dan intisari draf ini berpegang kepada perkara yang berkenaan.

Sama ada di mana seperti mana yang dibangkitkan oleh Dr. Chin sama ada ianya secara berhajat (*intentional*) ataupun tidak berhajat secara tidak langsung ini diputuskan oleh Lembaga Penyiasat yang berkenaan dan Lembaga Penyiasat ini biasanya akan ditubuhkan oleh pihak tentera sama ada kepada pegawai pemerintah di kem yang berkenaan ataupun oleh panglima angkatan tentera ataupun panglima angkatan tentera laut, darat dan udara mengikut keadaan dan tempat-tempat yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah sama ada pewujudan 20201D, tegas terhadap majikan - ini telah saya terangkan tadi dan saya percaya bahawa perkara ini terpaksa kita terangkan kepada masyarakat dan satu program untuk kita hebah kepada ketua jabatan, kepada pengurus-pengurus syarikat untuk mengetahui bila dan kenapa tindakan ini boleh diambil dan cara bagaimana tindakan ini boleh diselamatkan sekiranya kerjasama ada di antara majikan dengan pihak pentadbir ataupun penguasa ataupun ketua pemerintah Pasukan Simpanan Wataniah ini.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Cadangan daripada Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani iaitu supaya kerajaan mewajibkan umur bersara dilanjutkan kepada 45 tahun, ini satu cadangan yang baik dan kita akan mengkaji dan begitu juga cadangan daripada Dr. Chin bahawa untuk mengelakkan daripada timbul rasa ragu tadi kerajaan sepatutnya berfikir bagaimana kalau pendekatan kepada penubuhan tabung ini menyelamatkan interaksi dan kecurigaan majikan dengan pekerja yang juga sebagai pasukan simpanan oleh sebab syarikat tidak akan kerugian daripada segi bayaran gaji boleh disuntik ataupun diambil daripada tabung ini, saya akan kemukakan kepada pihak *veteran* dan kementerian bagi mengkaji dan merunding perkara ini sama ada ia sesuai ataupun tidak.

Dato Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani juga membangkitkan tentang kekuatan dan sistem pertahanan negara kita. Negara kita tidak besar, negara kita tidak hebat tetapi kita juga tidak akan membiarkan negara kita ini menjadi medan mainan orang-orang asing. Sebab itu Yang Berhormat sekalian pernah mendengar angkatan tentera laut Indonesia memohon untuk mereka sama-sama mengawasi perairan Selat Melaka yang sepanjang 900 kilometer dan 34 kilometer lebar supaya keselamatan laluan perairan Selat Melaka ini boleh digembleng bersama. Kerajaan telah menjawab bahawa kita mampu mengendali dan mengawasi keselamatan Selat Melaka dan kepulauan kita termasuk di Sabah dan Sarawak.

Tetapi kita tidak angkuh bahawa langsung tidak ada kejadian-kejadian samun dan sebagainya. Saya ingin lapik perkataan ini "Tidak ada bumi yang tidak ditimpa hujan." Sungguhpun demikian kita menyediakan daripada segi alat kelengkapan tentera laut dan alat kelengkapan tentera darat. Kita ada mempunyai radar yang mengawasi perairan kita, radar yang mengawasi perairan kita dan kita ada mempunyai helikopter yang boleh guna dan kita tidak guna helikopter kita untuk *intercept* kapal-kapal terbang pejuang. Kita akan menggunakan kapal terbang pejuang kita untuk *intercept* mana-mana kapal terbang yang memasuki ruang udara kita tanpa izin.

Kita ada persefahaman di rantau Asia dan kita ada persefahaman lima negara disini di mana ada ketika yang mereka perlu menggunakan ruang udara kita oleh sebab kita ada mempunyai *integrity* dan moral yang tersendiri, mereka perlu minta kebenaran untuk lalu dan menggunakan ruang udara kita. Kalau tidak, kita terpaksa menggunakan

jet pejuang kita yang ada dua tiga jenis yang bukan kita kata terlalu hebat tetapi boleh dikatakan sehebat yang ada dirantau ini.

Insyallah saya ingin meyakinkan Yang Berhormat senator kita sedang berusaha untuk mengadakan alat-alat kelengkapan yang canggih yang sesuai dalam peperangan teknologi moden pada hari ini. Seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad, kita bukan sahaja membeli kapal terbang F18 ataupun merancang untuk membeli SUKHOI SU30 yang akan dibawa balik dan dikendalikan oleh *pilot* yang tidak terlatih. Kita merancang untuk beli dan kita melatih lebih jauh, dan begitu juga bila kita hendak menggunakan kita punya *submarine* kita sudah melatih pegawai-pegawai kita di Eropah dan kita melatih juruterbang dan kakitangan *grounds, technical crew* di Rusia untuk kita gunakan kapal terbang pejuang Rusia dan sebagainya, insya-Allah.

Dan di negara kita juga kita sedang proses dan persediaan untuk mengadakan satu *National Defence University* bagi menyediakan anak tempatan dan dalam bidang pengetahuan *defence technology* ini, kita hendak menentukan bukan sahaja kita belajar di tempat lain, kita juga mesti menjadi tempat untuk melatih orang lain belajar daripada negara kita.

Berbangkit dengan soalan tentang bayaran dan penalti yang digunakan, kita tidak kata hukuman, tetapi kita kata kita ambil pampasan daripada kelalaian ataupun kesilapan yang dilakukan dalam Program 161 atau Fasal 161. Perkara-perkara ini berkaitan dengan tanggungjawab pegawai yang berkenaan, yang telah diberi tanggungjawab dan setelah penyiasatan berlaku, penyelewengan yang didapati sah, maka telah saya katakan tadi, dua peraturan dan hukuman yang telah ditetapkan.

Mereka ini terpaksa membayar seperti keputusan yang telah ditetapkan. Kalau mereka masih bekerja akan dipotong sebahagian daripada gaji mereka. Kalau mereka pencen, akan dipotong sebahagian daripada pencen mereka mengikut masa dan ketentuan yang tertentu. Saya percaya akta ini dibuat bukan berteraskan kepada penyelewengan sehingga RM1 bilion, tujuh keturunan bayar tidak habis, tetapi adalah atas beberapa kerja kecil dan tanggungjawab yang kecil yang diberi kepada pegawai.

Kita sudah menghadapi keadaan yang tidak seimbang ini, maka akta ini dibuat. Ianya bukan bertujuan sangat untuk hendak mengambil balik, tetapi untuk menyelamatkan

dan *train* kakitangan angkatan tentera supaya berdisiplin dan mengetahui benar. Apabila akta ini diluluskan kita telah menghebahkan kepada semua pegawai yang bertanggungjawab dalam mengendalikan tanggungjawab ini supaya mereka tidak terjebak melakukan kesalahan kerana tidak diberitahu, tetapi kalau mereka sudah diberitahu, mereka sudah dilatih, mereka menempah untuk menghadapi kesusahan.

Insyallah kerjasama dan pertimbangan daripada ahli panel dan pemimpin-pemimpin dalam angkatan tentera dan awam di dalam Kementerian Pertahanan akan diberi latihan dan akan diberitahu kesenangan dan kesusahan menghadapi Fasal 161 ini.

Penjelasan tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Muhammad, perkataan "tidak wajar" dalam perenggan 2(a), seksyen baru 201B. Dalam peruntukan Seksyen 201B(2)(a) tersebut, seseorang majikan tidak boleh membuat apa-apa potongan tidak wajar daripada gaji, saraan lain atau cuti tahunan seseorang semata-mata kerana orang itu tidak hadir bekerja, perkataan "potongan tidak wajar" itu menunjukkan kepada apa-apa potongan yang tidak dibenarkan oleh undang-undang ataupun potongan yang majikan tidak kuasa untuk membuatnya di bawah mana-mana undang-undang termasuk peraturan-peraturan. Peraturan-peraturan ini menjelaskan telah mengawal di mana yang boleh dan yang tidak boleh. Dan tidak boleh kalau ianya perlu dirujuk kepada satu bentuk kehakiman yang tertentu, Lembaga akan merujuk perkara ini.

Kata Yang Berhormat Dato' Muhammad, perbezaan antara perintah mahkamah dan arahan pihak berkuasa yang layak dalam Seksyen 161, saya telah terangkan di peringkat awal tadi.

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad juga bangkit banyak kali tentang sewaan rumah, dan dahulu saya sudah jawab dalam Dewan ini tentang persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator iaitu yang dibina oleh syarikat perumahan, Syarikat Koperasi Tentera ataupun yang dibina oleh Syarikat Perumahan Negara. Semua rumah yang dibina untuk dibeli oleh individu tentera yang masih bekerja ataupun yang pencen adalah telah ditetapkan ialah tiga bilik, sesuai dengan bilik tidur, ruang memasak, ruang makan dan sebagainya.

Bagi pihak tentera, kita mengadakan kemudahan ini di mana-mana secepat dan seboleh mungkin, dan pada hari ini saya percaya kemudahan perumahan tentera yang ada di dalam negara kita sedang ditambah, tetapi oleh sebab semua Ahli Yang Berhormat Senator tahu, ada kontraktor yang telah mendapat kemudahan untuk mengadakan pembangunan ini tergendala oleh sebab keadaan kewangan yang tidak sempurna dan sebagainya, tetapi *monitoring system* kita teruskan dan kita yakin di mana-mana kem baru yang kita adakan, kita sedia semua kemudahan ini, bukan sahaja rumah, bukan sahaja riadah, bukan sahaja masjid, bukan sahaja padang permainan, sekolah juga kita dirikan supaya anak-anak dan keluarga angkatan tentera tidak lagi tertinggal.

Seperti yang saya sendiri, Yang Berhormat Senator, menguruskan satu jawatankuasa untuk melihat, pemantauan dilihat dari segi keperluan rumah-rumah yang masih digunakan supaya diperbaiki dan diberi keselesaan kepada anggota-anggota tentera. Sungguhpun demikian, masih ramai lagi di tempat di mana anggota tentera kita terpaksa menyewa rumah yang berdekatan ataupun terdapat rumah yang belum dibaik pulih, maka mereka terpaksa sewa untuk menyelesaikan masalah penduduk ataupun perumahan anggota tentera yang ada di tempat-tempat yang tertentu. Tetapi Kementerian Pertahanan memberi jaminan bahawa kita akan bayar semua sewaan ini mengikut peraturan-peraturan yang ada.

Saya juga ingin menarik perhatian, Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad kata mengenai mutu pakaian anggota tentera yang rendah. Proses tender bagi menyediakan alat-alat ataupun kelengkapan ataupun keperluan ini sentiasa dibuat dan peraturan-peraturan tender bagi bekalan ini adalah ditetapkan, bukan sahaja oleh Kementerian Pertahanan, tetapi ditetapkan oleh Kementerian Kewangan di mana alat-alat yang telah ditender, yang ditetapkan standard yang tertentu, yang mana *below standard* biasanya akan ditolak dan ini berlaku beberapa kejadian.

Ini juga termasuk yang saya hendak beri kesempatan di sini, apabila kita bercakap mengenai peraturan yang telah kita tetapkan tentang pembinaan PLKN, sehingga hari ini masih ada lagi lima PLKN yang belum selesai dibina untuk kita serap penempatan pelatih-pelatih yang telah ditetapkan sebanyak 85 ribu orang untuk sesi 1,2, 3 pada setiap tahun. Mana-mana yang kurang, kita akan tentukan supaya mereka

complete dan mengadakan keperluan seperti yang telah dijanjikan. Di dalam angkatan tentera ini juga adalah keadaan yang sama.

Proses pemilihan pakaian dibuat dengan cara uji nilai dan begitu juga proses pemilihan benda-benda lain yang dibuat oleh Lembaga Tender dalam Angkatan Tentera Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sebut rasanya tinggal satu sahaja lagi iaitu cadangan menaikkan kadar pencen bekas tentera. Kementerian Pertahanan sedia mengkaji dan mempertimbangkan cadangan ini. Untuk makluman, anggota yang bersara selepas 1 Oktober 2004, yang mana selepas 1 Oktober 2004 mendapat pencen berdasarkan gaji baru yang telah dinaikkan dan dengan sendirinya sebelum 1 Oktober 2004, tidak mendapat kemudahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya sudah menjawab semua soalan. Saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat yang telah pun memberi jawapan dengan begitu jelas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan saya.....

Dato' Hamzah bin Zainudin: Minta izin sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya selaku Ahli Dewan Negara dan rakan-rakan yang ada dalam Dewan ini ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua yang telah pun menjalankan tugasnya dengan berjaya pada sesi ini. Terima kasih. [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, kejayaan ini adalah hasil usaha semua Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua dan saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih di atas sumbangan dan kerjasama yang diberi sehingga Mesyuarat Dewan Negara pada kali ini dapat berjalan dengan lancar.

Mesyuarat kali ini dapat dilihat Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun melaksanakan tugas dan amanah dengan cukup bertanggungjawab. Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua dan saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua Ahli Yang Berhormat. Seperti mana usul yang telah disetujukan pada pagi tadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya dengan ini menangguhkan Majlis Mesyuarat ini ke satu tarikh yang tidak ditetapkan. Sekian, terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.05 malam.

3 Mei 2005

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Ir. Wong Foon Meng (Dilantik)

- " Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik)
- " Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman (Dilantik)
- " ***Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)***
- " ***Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk (Dilantik)***
- " ***Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)***
- " Dato' Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- " Puan Hajah Che Jam binti Harun (Dilantik)
- " Tuan Chiam Yong Tee (Perak)
- " Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- " Datin Chong Set Mui (Dilantik)
- " Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)
- " Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
- " Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae (Dilantik)
- " Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad (Dilantik)
- " Puan Halimah binti Hamzah (Pahang)
- " Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)
- " ***Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)***
- " Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- " Tuan Hii Tiong Kuoh (Dilantik)
- " Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak (Selangor)
- " Tuan Ismail bin Kasim (Dilantik)

-
- " Datin Paduka Jaya Partiban (Dilantik)
- " Datuk Kalakau bin Untol (Sabah)
- " ***Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)***
- " Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- " Tuan Lee Sing Chooi (W. Persekutuan)
- " Dato' Seri Lim Sing @ Lam Kam Sang (Pahang)
- " ***Puan Mariah binti Haji Abdullah (Perlis)***
- " ***Datuk Jins Shamsudin (Dilantik)***
- " ***Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad (Dilantik)***
- " ***Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)***
- " ***Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)***
- " ***Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)***
- " Tuan M. Krishnan (Dilantik)
- " Datuk M. Ratnam (Dilantik)
- " Tuan M. Saravanan (Dilantik)
- " Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
- " Datuk Nor Azah binti Awin (Wilayah Persekutuan)
- " ***Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)***
- " Dato' Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
- " Puan Ooi Siew Kim (Dilantik)
- " Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
- " Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe (Melaka)
- " Datin Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
- " Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
- " Dato' Rhina Bhar (Dilantik)
- " Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
- " Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)

- " Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain
- " Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
- " Puan Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
- " ***Dato' Dr. S. Vijayaratnam (Dilantik)***
- " ***Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)***
- " Puan Siw Chun a/p Eam (Dilantik)
- " Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- " Tuan Tan Bon You (Dilantik)
- " Tuan Tan Cheng Tee (Negeri Sembilan)
- " Tuan Tay Puay Chuan (Johor)
- " Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
- " Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
- " Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan)
- " Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam (Selangor)
- " Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang

Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha

Muhd Sujairi bin Abdullah

Lavinia a/p Vyveganathan

Bazlinda binti Bahrin

Farah Nurdiana binti Azhar

PETUGAS-PETUGAS

CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

Hajah Supiah binti Dewak

Mohamed bin Osman

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Saadiah binti Jamaludin

Syed Azuddin bin Syed Othman

Hairan bin Mohtar

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Nurziana binti Ismail

Nik Elyana binti Ahyat

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Mohd. Izhar bin Hashim

JURUBAHASA SERENTAK

Mazidah binti Mohamed

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman

Cik Lee Jing Jing

PETUGAS-PETUGAS

CAWANGAN PERUNDANGAN

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Hindun binti Wahari
Rozaimah binti Mohamad Ariffin
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Suhairi bin Othman

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN KOMPUTER**

Zunaini bt. Mohd Salleh
Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Siti Rohaini bt. Roslan
Mohamad Faizal bin Harun
Mohd. Faizol bin Mohd. Noh
Zaini Azlina bt. Zawawi

**PETUGAS-PETUGAS
UNIT CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif
Alias bin Mohd. Nor